

# Mingguan Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA



**Selepas Terengganu,  
MB Kelantan pula  
kunjungi Tun M**



→ ms2

**Mahathir ziarah  
Anwar di hospital**



→ ms2

**Demo pertahan  
raja sebenarnya  
hina raja-raja,  
dakwa penulis**



→ ms9

**Lompat parti:  
Wakil rakyat BN  
perlu terima agenda  
reformasi PH**



→ ms9

# 5 MENTERI, 5 TIMBALAN?

**AMANAH** dikatakan mendapat dua jawatan menteri dan lima timbalan menteri lagi dalam senarai baru kabinet Malaysia yang akan mengangkat sumpah jawatan 2 Julai ini.

Namun, sehingga berita ini ditulis, tidak ada sebarang pengesahan dari pejabat Perdana Menteri terhadap senarai yang disebarluaskan itu.

**Laporan penuh  
lihat muka 2** →

MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI AMANAH?



## TABUNG HARAPAN MALAYSIA

(DITUBUH DAN DIURUSKAN OLEH KEMENTERIAN KEWANGAN)

DERMA DAN SUMBANGAN SECARA SUKARELA BOLEH DISALURKAN KE  
TABUNG HARAPAN MALAYSIA MELALUI AKAUN:



566010626452

# AMANAH dapat 5 menteri, 5 timbalan?

**A**MANAH dikatakan mendapat dua jawatan menteri dan lima timbalan menteri lagi dalam senarai baru kabinet Malaysia.

Namun, sehingga berita ini ditulis, tidak ada sebarang pengesahan dari pejabat Perdana Menteri terhadap senarai yang disebarluaskan itu.

Menurut senarai itu, Naib Presiden Datuk

Dr Mujahid Yusof dilantik sebagai Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Agama) manakala Pengarah Komunikasi Khalid Samad dilantik sebagai Menteri Wilayah Persekutuan.

Ia adalah tambahan kepada Menteri Pertahanan (Mohamad Sabu), Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (Salahudin Ayub) dan Menteri Kesihatan (Dr Dzulkefly Ahmad).

Lima timbalan menteri dari AMANAH

ialah Naib Presiden Datuk Mahfuz Omar (Tenaga Manusia) Setiausaha Agung Mohamad Anuar Tahir (Kerjaya).

Pengarah Pilihan Raya Dr Mohamad Hatta Ramli (Pembangunan Usahawan), Pengarah Kanun Mohamed Hanipa Maidin (JPM Undang-undang) dan Dr Ahmad Termizi Ramli (Perumahan dan Kerajaan Tempatan).

Jika senarai yang tersebar itu benar, AMANAH akan mempunyai lima menteri dan lima timbalan menteri dengan perlantikan baru ini.

Pejabat Istana Negara dalam satu kenyataan berkata, majlis mengangkat sumpah menteri dan timbalan menteri baru ini akan diadakan 2 Julai ini di Istana Negara.

## Mahathir ziarah Anwar di hospital

**PERDANA** Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad menziarahi Ketua Umum PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim di Pusat Perubatan Universiti Malaya 25 Jun lalu.

Dua keping foto menunjukkan Dr Mahathir hadir tanpa ditemani isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Turut kelihatan Presiden PKR Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail, anak-anaknya Naib Presiden PKR Nurul Izzah Anwar bersama empat lagi adik-beradiknya berada di sisi Anwar ketika Dr Mahathir menziarahi Anwar.

Anwar dimasukkan ke Pusat Pe-

rubatan Universiti Malaya (PPUM) berikutan masalah bahu kanan serta bahagian belakang beliau selepas kembali dari Turki.

Anwar telah dibawa dari kediamannya di Bukit Segambut menuai ambulans menuju wad kecemasan PPUM.

Kunjungan Anwar ke Turki adalah atas jemputan Presiden Recep Tayyip Erdogan.

Beliau mengalami kecederaan ketika kemalangan pada 2014 dan menjalani pembedahan November lalu.

Bekas timbalan perdana menteri itu mengalami kesakitan menjalani

hukuman penjara pertama dan turut pernah dibedah di Jerman pada 2004.

Anwar dalam status difacebooknya semalam turut mengatakan beliau masih lagi menerima rawatan dan kesihatannya stabil.

"Alhamdulillah, kesihatan beransur pulih usai rawatan rapi di PPUM. Setinggi terima kasih kepada para doktor dan pasukan atas tindakbalas serta rawatan yang cepat dan cekap."

"Buat semua yang menanya khabar dan menyampaikan salam, terima kasih atas doa ingatannya," ujarnya.



Tun Mahathir menziarahi Anwar di hospital dengan disertai sama oleh anak-anak dan isteri Anwar.

## Seleweng tanah: Husam menang saman fitnah

**NAIB** Presiden AMANAH, Husam Musa memenangi saman fitnah yang dikemukakan kepada Masri Che Yusuf berkaitan satu status facebook mengenai dakwaan pernyelewengan tanah.

Mahkamah Tinggi Malaya Kota Bharu 26 Jun lalu, membenarkan saman dan tuntutan Husam ke atas pengetua sekolah menengah agama itu kerana telah memfitnah beliau.

Hakim Datuk Ahmad Bachédi dalam penghakimannya mengatakan bahawa mahkamah berpuas hati bahawa elemen bagi kes fitnah telahpun dipenuhi dan dengan itu telah membentarkan tuntutan Husam dengan kos

RM10,000.

"Jumlah gantirugi pula akan ditaksirkan oleh Mahkamah selepas ini," katanya.

Menurut peguam Husam, Hisham Fauzi, Masri AJK Dewan Ulama Pas Kelantan dan AJK Kawasan Ketereh di dalam akaun Facebooknya pada 27 Oktober 2015, telah menyiarkan gambar dan tulisan yang menuduh Husam telah secara salah memberikan kepada sebuah syarikat tanah seluas 414.37 Hektar

"Tuduhan itu telah dinafikan Husam di mahkamah," katanya.

Menurutnya, semasa perbicaraan kes ini tuduhan salahguna kuasa dan kedudukan Husam

semasa menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan termasuklah pemberian tanah berkenaan kepada satu syarikat yang dikatakan Husam mempunyai kepentingan dan projek kambing Jamnapari di bawah program jihad ternak telah ditimbulkan di dalam keterangan Masri.

"Walau bagaimanapun mahkamah telah menolak keterangan Masri dan membuat keputusan bahawa semua tuduhan itu adalah tidak berbasas," katanya.

Perbicaraan penuh kes ini katanya telah dijalankan selama 4 hari iaitu pada 7 Februari, 14 Februari, 5 April dan 15 April 2018.

"Semasa hujahan lisan di akhir kes telah dijalankan sehari sebelum Hari Raya Aidilfitri yang lepas iaitu pada 14 Jun," katanya.

Husam yang juga Penasihat AMANAH Kelantan diwakili peguam Faiz Fadil dan Hisham Fauzi manakala Ustaz Masri di-

wakili Wan Rohaimi Wan Daud.

"Kes ini menunjukkan sikap integriti yang tinggi diamalkan oleh pemimpin AMANAH yang harus dijadikan contoh kerana tidak meyeleweng dalam tadbir urus," kata Faiz ketika dihubungi portal berita Malaysia Dateline.

## Selepas Terengganu, MB Kelantan pula kunjungi Tun Dr Mahathir

**SELEPAS** Menteri Besar Terengganu, Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakub bersama timbalannya pula mengunjungi Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad di Perdana Putra, Putrajaya hari ini.

Facebook Dr Mahathir memuatnaik tiga keping gambar kunjungan mereka 25 Jun lepas.

Turut mengiringi Ahmad adalah timbalannya Datuk Mohamad Amar Nik Abdullah yang sebelum ini banyak membuat kenyataan menyerang pribadi Dr Mahathir terutama semasa kempen PRU 14 dan sebelumnya.

Tidak diketahui apa tujuan kunjungan ini, namun adalah diperlukan ada kaitan dengan royalti minyak untuk negeri pantai timur itu sebagaimana dijanjikan Pakatan Harapan sempena kempen pilihan raya umum lalu.

Dalam PRU 14 lalu, PH berjanji akan memberikan royalti minyak 20% untuk Kelantan jika berjaya mentadbir Kelantan dan Pusat.

Dalam wawancara dengan media sebelum ini, Dr Mahathir pernah berkata kerajaan pusat akan memberikan royalti minyak untuk Kelantan namun tidak dinyatakan jumlahnya.

Pengerusi PH Kelantan, Husam Musa mencadangkan agar 5% royalti diberikan terus ke dalam akaun kerajaan negeri.



# 'Kita menang kerana tiada duit'

**P**RESIDEN AMANAH, Mohamad Sabu mengingatkan Pakatan Harapan (PH) agar mengambil iktibar daripada kekalahan teruk BN pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) yang berpunca daripada salah guna wang.

Berbeza dengan PH yang tidak mempunyai banyak wang, Menteri Pertahanan tersebut berkata, kerjasama keempat-empat parti iaitu AMANAH, PKR, Bersatu dan DAP membolehkan blok politik itu mendapat mandat daripada rakyat.

"Kita menang dalam pilihan raya di antaranya kerana kita tidak cukup duit. Kita bantu-membantu, bekerjasama secara sukarela menyebabkan kita menang."

"Umno kalah sebab dia lebih duit sehingga polis dan SPRM menggeledah, ratusan juta (ringgit) masih berada di rumah, iujarnya ketika berucap sempena Rumah Terbuka Aidilfitri AMANAH Shah Alam di perkarangan Stadium Shah Alam, 24 Jun lalu.

Mohamad yang dikenali sebagai Mat Sabu berkata, wang hanya seba-



Presiden AMANAH mengingatkan kekalahan teruk BN akibat salah guna wang perlu menjadi iktibar kepada PH.

gai alat untuk bekerja bukan matlamat kerana itulah yang mengundang kekalahan BN.

"Peringatan kepada kita semua supaya parti-parti kita ñ AMANAH, PKR, Bersatu, DAP ñ InsyaAllah, kita tidak akan menjadi BN."

"Ini harapan kita supaya perkara

yang berlaku menjadi iktibar kepada kita, i tegasnya dalam sambutan Aidilfitri julung-julung kali diadakan selepas PH mendapat mandat pada 9 Mei lalu.

Sehubungan itu, beliau berkata, rakyat pada masa ini menilai kerajaan PH sedia ada selepas mereka men-

jatuhkan BN.

Ini peringatan kepada kita yang baru ambil alih kuasa. Peringatan itu juga kepada kita yang memerintah. Kalau kita juga menjadikan wang sebagai matlamat kita juga akan kalah seperti BN.

"Kalau kita lakukan hal yang sama, kita akan dihukum oleh rakyat seperti mereka menghukum BN. Peringatan ini perlu kepada diri saya yang bercakap ini."

"Kita ingatkan di peringkat awal ini bahawa kita insaf apabila kita mendapat kuasa ini, kita telah diperhatikan oleh rakyat, i kata Timbalan Presiden PH itu lagi.

Turut hadir dalam program anjuran Pejabat Ahli Parliment Shah Alam itu ialah Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari; Exco Kerajaan Negeri Selangor merangkap Pengerusi AMANAH negeri, Izham Hashim dan Ahli Parliment Shah Alam, Khalid Samad.

## Nilai rampasan cecah RM1.1 bilion, rantai seutas RM6.4 juta

**R**AKYAT Malaysia gempar apabila didekahkan jumlah keseluruhan rampasan barang mewah yang dirampas dari enam premis berkaitan Datuk Seri Najib Tun Razak dan ke-iuliarganya bulan lalu dianggar bernilai antara RM900 juta dan RM1.1 bilion.

Rantai emas bertatahkan berlian bernilai RM6.4 juta adalah barang kemas paling berharga yang dirampas seperti disahkan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Seri Amar Singh Ishar Singh pada 27 Jun lalu.

Menurutnya, 35 daripada 72 beg besar yang dirampas pada 16 dan 17 Mei lalu mengandungi wang tunai daripada 26 jenis mata wang berjumlah RM116.7 juta.

Beliau berkata, 25 beg berisi 12,000 jenis barang kemas terdiri daripada 1,400 rantai, 2,200 cincin, 2,100 gelang, 2,800 pasang subang, 1,600 kerongsang dan 14 tiara.

Jelasnya, pengiraan semua barang kemas terbabit mengambil tempoh 16 hari dengan pakar hanya boleh membuat anggaran nilai mengikut harga bahan, tidak termasuk kos upah tukang dan pembuatan.

"Jadi, nilai keseluruhan ba-

rangan kemas tersebut adalah RM440 juta. Kalau mengikut harga pasaran, nilainya mungkin meningkat antara 50 hingga 100 peratus, menjadikan nilai sebenarnya boleh mencapai antara RM660 juta ke RM880 juta," ujarnya.

Bagi beg tangan pula, beliau berkata sebanyak 567 beg tangan yang terdiri daripada 37 jenama termasuk Hermès, Prada, Chanel dan Bijan yang dirampas bernilai RM51.3 juta.

Amar Singh memberitahu pihaknya dan pakar mengambil masa lapan hari untuk mengira dan menilai kesemua beg tersebut.

"Ada beg tangan yang berharga RM1.6 juta. Ada juga beg tangan yang ditempah khas iaitu daripada jenama Bijan," katanya.

Dalam pada itu, turut dirampas 423 utas jam tangan bernilai RM78 juta melibatkan lebih 100 jenama termasuk Rolex dan Chopard.

Sebanyak 234 cermin mata hitam bernilai RM375,000 daripada 34 jenama termasuk Versace, Gucci, Dior dan Cartier, juga turut dirampas.

Jelas Amar Singh penggeledehan barang yang diperayai berkaitan kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB)

itu dilakukan di enam premis iaitu dua lokasi di Putrajaya iaitu pejabat Najib dan kediaman rasminya di Seri Perdana.

Empat lagi premis terletak di Kuala Lumpur ñ tiga unit kondominium di Pavilion Residences termasuk kediaman anak lelaki dan anak perempuan Najib, dan kediaman peribadi Najib di Jalan Langgak Duta di Taman Duta.

Amar Singh menegaskan penggeledehan di semua premis dibuat mengikut prosedur dan mengutamakan integriti.

"Di beberapa lokasi, kami mengira barang di premis itu sendiri kerana jumlah barang tidak banyak. Tetapi di Pavilion Residences, kami terpaksa seal (bungkus) barang-barang tersebut kerana jumlahnya terlalu banyak.

"Ada yang menyatakan keimbangan bahawa integriti barang dirampas mungkin akan dikompromi jika kita masih meneruskan pengiraan di tempat tersebut, maka keputusan paling terbaik ialah bungkus barang tersebut dan bawanya ke tempat selamat yang dikawal rapi," katanya.

Justeru katanya, polis telah membungkus semua 284 kotak dan 72 beg yang mengandungi semua barang tersebut.

### FAKTA JUMLAH RAMPASAN

12,000 barang kemas - RM440 juta

567 beg daripada 37 jenama - RM51.3 juta

423 jam tangan - RM78 juta

234 cermin mata hitam - RM374,000

Wang tunai - RM116.97 juta

### BUTIRAN BARANG KEMAS DIRAMPAS:

1,400 Rantai

2,200 Cincin

2,100 Gelang

2,800 pasang subang

1,600 Kerongsang

14 Tiara

### TEMPOH MENGIRA: 16 HARI

Beg jenama Bijan antara yang ditempah khas manakala ada beg tangan yang berharga RM1.6 juta seunit.



Antara 284 kotak berisi beg tangan mewah yang dirampas polis bagi siasatan skandal 1MDB menjelang



## Undi Melayu juga turut menangkan PH

**BANYAK** telah diperkatakan berhubung kemenangan yang diperolehi Pakatan Harapan dalam PRU14 baru-baru ini. Sememangnya ada banyak faktor dan kesemuanya penting menyumbang kepada kemenangan Pakatan Harapan. Bukan satu faktor saji di mana ia boleh disimpulkan sebagai tsunami rakyat, bukan berbentuk satu-satu kaum saja.

Oleh itu tidak benar sama sekali untuk mendakwa bahawa kemenangan Pakatan Harapan itu atas sokongan pengundi China saja. Sedangkan bukti nyata ialah bahawa kemenangan Pakatan Harapan adalah juga dari sumbangan pengundi Melayu, di samping pengundi China. Malah mungkin pengundi China sendiri, kita yakin, secara sedar turut menolak dakwaan bahawa kononnya hanya tsunami China yang memenangkan Pakatan Harapan.

Tidak logik sama sekali untuk berhujah bahawa kemenangan Pas di Terengganu dan Kelantan (menolak PH) sebagai petunjuk konon sebagai penolakan Melayu seluruh negara terhadap Pakatan Harapan. Justeru dua negeri di Pantai Timur itu bukan mewakili suara undi Melayu seuruh negara.

Fakta nyata ialah bahawa pengundi Melayu, bandar dan luar bandar di Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Kedah, Selangor, Perak malah Pulau Pinang sendiri kebanyakannya mengundi calon Pakatan Harapan. Malah orang Melayu jauh di pedalaman, termasuk beberapa kawasan di Felda, telah pengundi calon dari Pakatan Harapan.

Di Johor, di kawasan majoriti Melayu, seperti Tanjung Piai, Muar, Batu Pahat dan kawasan Melayu yang lain di Johor telah memberi undi kepada calon komponan Pakatan Harapan.

Sementara itu, seperti kata YB Khalid Samad, tidak perlulah diperlekehkan atau mengutamakan mana-mana satu

faktor menyebabkan kemenangan PH kerana semuanya penting. Tanpa salah satu darinya, mungkin keputusan PRU14 yang lalu akan berbeza. Maknanya semua rakyat yang sedar telah memberi sumbangan kepada kemenangan Pakatan Harapan.

Benarlah ia kebangkitan tsunami rakyat pelbagai kaum dan agama. Mari kita melihat dan yakin akan masa depan yang cerah bagi negara di mana segala kemakmuran negara dapat dinikmati bersama.

Dalam masa yang sama kita berusaha menghapuskan ciri-ciri perkauman yang dilihat masih berihgar dalam kalangan sesetengah pihak. Ini sangat merugikan negara pada ketika kerajaan Pakatan Harapan sedang berusaha keras untuk membina pulih negara di mana rakyat pelbagai bangsa dan agama sedang mengharapkan ia kembali pulih.

Sokongan rakyat pelbagai bangsa dan agama telah diperlihatkan, antaranya, melalui Tabung Harapan yang kini sudah mencapai ratusan ribu ringgit yang diterima dan terus diterima.

Mari kita melihat kerajaan baru ini dari perspektif positif, bukan negatif. Memang benar ia mempunyai kelemahan di sana sini, maka itu sewajarnya secara sedar kita turut memahami masalah yang dihadapi oleh kerajaan baru ini. Namun dalam masa kira-kira dua bulan umurnya, ia kini sudah melaksanakan kira-kira 60% dari Ikrar 100 harinya.

Di samping itu kita yakin akan terus berkurangan suara-suara perkauman, justeru ini sama sekali merugikan. Kritikan terhadap kerajaan baru ini boleh saja diterima tetapi perlulah tidak berasaskan kebencian atau unsur negatif yang lain. Pandangan yang membina sudah tentu membantu kerajaan baru ini melaksanakan tanggungjawabnya.



## Ashabul Doyok kepung PH

Oleh FAISAL TEHRANI

**K**ata minion di dalam bahasa Melayu adalah doyok. Jika ditambah "wak doyok" ia akan menjadi lebih seru.

Minion dan doyok mempunyai maksud yang sama iaitu seseorang yang kerjanya membodek, mengampu dan ibarat lalang yang mudah terliuk ke kiri atau ke kanan, tidak mempertikaikan, menyanggup, mengiyakan, bahkan pergi lebih jauh menjadi tukang karut.

Apakah asas mudah mengetahui si wak doyok?

Seandainya orang yang dibodek itu sebagai misalan mengatakan begini: "Gajah. Botol."

Doyok kebiasaan akan mara tampil untuk mengatakan beria-ia: "Memang boleh gajah masuk dalam botol, memang tempat gajah ialah di dalam botol. Gajah habitatnya adalah botol. Botol serta gajah tidak boleh dipisahkan."

Begitu kesanggupan doyok untuk mengarut dan merepek untuk mereka yang ingin dilihatnya.

Kombinasi doyok ini ada pada satu lagi makhluk aneh yang merupakan kumpulan masyarakat yang selama ini tidak jaga. Mereka tidur di dalam gua selama beratus tahun (dalam konteks Malaysia, katakan 60 tahun) dan tiada peduli dengan apa yang berlaku sekililing.

Hiruk pikuk apa pun mereka tidak terkesan. Mereka lelap selelap-lelapnya. Bukan tidur biasa, malah mereka berdingkur dan di dalam lena panjang dan nyaman itu mereka juga sedang bermimpi yang seronok-seronok. Ada mimpi kering. Ada mimpi basah. Pokoknya mereka bermimpi diulit terulit mengulit keindahan yang tidak nyata.

Akan tetapi, 9 Mei adalah tarikh sakti dalam sejarah negara kita. Kaum doyok yang memang ramai ini tercepat dan kaget dengan keputusan pilihan rakyat secara besar-besaran.

Setelah PRU14 berakhir, golongan yang pernah tidur di dalam gua ibaratnya Ashabul Kahfi ini, ditakdirkan Tuhan Yang Maha Esa, tersedar. Dalam pisat mereka bangun, mereka turun ke bawah dan melihat dunia telah sama sekali berbeza sebelum mereka dihambat mimpi tersebut. Mereka terpinga-pinga dan terlongo-longo dungu.



Akan tetapi tidak memerlukan masa yang banyak, doyok dan kaki buaian mimpi ini bersatu dan menjadi seekor malah berekor-ekor makhluk yang saya namakan "Ashabul Doyok".

Hibrid doyok dan manusia mamai linglung ini menjadi manusia yang luar biasa bentuknya.

Ashabul Doyok ini kerana yang satu memang jenis melanconat menjilat dengan rakus, sementara yang satu lagi baru bangkit dari khayal fantasi di negeri berantah; dengan segera meluru menjadi mereka yang di baris depan.

Doyok di semua peringkat Ashabul Doyok ini kita dapat kesani di setiap lapangan. Ada Ashabul Doyok dalam kalangan profesor. Ada Ashabul Doyok dalam kalangan sasterawan. Ada Ashabul Doyok dalam kalangan saudagar. Ada Ashabul Doyok dalam kalangan orang kenamaan.

Ada Ashabul Doyok dalam kalangan bangsawan. Ada Ashabul Doyok dalam kalangan agamawan. Ada Ashabul Doyok dalam kalangan pegawai dan penggawa.

Ada Ashabul Doyok dalam dunia kewartawanan. Ada Ashabul Doyok dalam kalangan penguasa undang-undang. Ashabul Doyok tiba-tiba keluar barisan menyerbu pakatan, seperti zombie menggilai rimau menerpa barang-barangan dapur di Jusco Tebrau City tidak lama dulu.

Manusia sedar seperti kita tentu tergamam dan kehairanan dengan tingkah laku Ashabul Doyok ini. Watak Ashabul Doyok ini sangat berbahaya. Merekalah yang akan merosakkan aspirasi dan kebangkitan rakyat. Mereka bukan jenis mengkritik dan semenggah, sebab mereka memang DNA kaki ampu. Yang juga

dari tidur pula masih mamai-mamai. Dan akan terus mamai. Oleh sebab itu mereka tidak bertindak dengan rasio.

### PH DIKEPUNG DOYOK

Pemimpin Pakatan Harapan yang berada di atas, sesegar-sesegar dan secerdas cerdas juga sekacak-kacak di kota seperti Fahmi Fadil pun mungkin tidak dapat membezakan Ashabul Doyok ini.

Atau yang sebodiman, segagah, sebersih dan sediam Ong Kian Ming pun mungkin terpana dengan Ashabul Doyok ini.

Seayu-ayu, segigih-gigih dan sedesa-desa Young Syefura juga boleh diratah mentah-mentah Ashabul Doyok jika tidak kewaspadaan.

Boleh jadi, hatta, Bang Mat yang setahan, semasyhur dan seramai peminat itu pun belum tentu dapat membezakan jantan betinanya Ashabul Doyok ini.

Ashabul Doyok ini ganas dan dengan gabungan hibrid golongan kaki lelap dan kaki sangap mimpi ini, mereka menjadi spesis yang sukar diungkapkan.

Ashabul Doyok akan menempel, menempel, melekat, melekat, melutut, melutut, menghurung, mengasak, merimas, melengser, melampias sepenuh nafsu serakahnya tanpa segan silu.

Kumpulan pemimpin PH akan nampak mereka sahaja balik-balik. Yang ikhlas-ikhlas suka berdiri jauh melihat, kadang tersenyum, dan acap kali kecemasan. Hendak ditolongkan pemimpin itu mereka masih kecungusan ekoran kemenangan bergaya. Hendak dilerakan, yang ikhlas ini tidak pula dipanggil dan diundang untuk ke tengah.

Justeru, Ashabul Doyok berpakat-pakat membuat harapan palsu untuk mereka. Harapan palsu ini boleh turun ke rakyat jelata dan mengenai kita semua lambat laun jika tidak dibanteras. Ini adalah hakikat.

Pemimpin kesayangan rakyat dalam PH sedang dikepung Ashabul Doyok. Mereka, para pemimpin, belum habis mengah ekoran kemenangan selepas lelah berjuang. Ashabul Doyok kelebihan menawar pertolongan.

# Pengundi 18 tahun dan Pendidikan Sivik

**S**aya masih ingat satu tinjauan yang dirakamkan The Malaysian Insight, sebelum Pilihan Raya Umum ke-14, untuk menguji sejauh mana pengetahuan generasi yang dilahirkan pada tahun 1990-an, tentang politik tanahair. Anak Malaysia yang mencecah usia kelayakan mengundi ini, diajukan soalan-soalan yang mudah, misalnya nama gabungan parti pembangkang, parti komponen Barisan Nasional, nama Timbalan Perdana Menteri dan sebagainya.

Ramai yang tidak mengenali Ahmad Zahid Hamidi (TPM sebelum PRU14), ada yang menganggap BERSIH itu parti pembangkang, malah ada juga yang menamakan Demokrat dan Republikan sebagai parti politik di Malaysia. Kebanyakan mereka ragu-ragu ketika menjawab, atau lebih tepat, meneka. Jelas, pengetahuan am mereka terhadap politik Malaysia amatlah cetek. Itupun belum lagi memasuki bab apakah hubungan kita dengan politik.

Maka timbulah persoalan apakah usia kelayakan pengundi harus diturunkan kepada 18 tahun, sedangkan mereka yang berumur



**Siang-Malam**  
Lim Hong Siang

20-an sekarang, tidak tahu-mana tentang politik? Apakah anak-anak muda ini mampu membuat pilihan yang tepat, sedangkan mereka tidak mampu menjawab soal siapa dan apa, lebih-lebih lagi bagaimana dan mengapa?

Namun trend di dunia antarabangsa memperlihatkan pendaftaran pengundi berkelayakan yang semakin muda. Lebih daripada 160 negara di dunia antarabangsa menetapkan umur 18 tahun sebagai kelayakan pengundi, termasuk negara jiran kita seperti Filipina, Indonesia dan Thailand.

Bukan untuk mengikut arus dunia, tetapi pola ini sedikit sebanyak menggambarkan kepada kita bahawa manusia semakin matang, jauh lebih cepat berbanding zaman dahulu. Dengan teknologi

maklumat yang semakin canggih, pengetahuan manusia berkembang. Hatta graduan universiti pun belum tentu mampu menjawab soalan buku kerja sekolah rendah pada hari ini. Kita perlu mengakui bahawa arus perubahan terlalu deras.

Memakukan diri di titik asal tidak membawa kita ke mana-mana. Hanyut terkapai-kapai tidak semestinya menemukan kita dengan jalan keluar yang betul. Kita perlu berubah, tetapi perubahan ini harus datang bersama langkah-langkah persediaan yang memadai, untuk memastikan kita tidak tergelincir di sepanjang jalan.

Saya menyokong usia kelayakan pengundi diturunkan kepada 18 tahun, dan didaftarkan secara automatik. Pada masa yang sama, kita perlu melengkapkan anak muda ini dengan pengetahuan politik, khususnya kesedaran sivik. Ia bukan berupa kursus yang diadakan Biro Tata Negara untuk membiasuh otak mereka, agar mereka mengundi untuk parti politik tertentu, atau dihasut dengan sentimen perkauman; tetapi satu matapelajaran mahupun kursus lengkap untuk pelajar sekolah rendah dan menengah, agar mereka

sedar hubungan antara dirinya dengan kerajaan, negara, malah dunia.

Padahal matapelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan (PSK) pernah diperkenalkan, dan dilaksanakan secara berperingkat di Tahun Empat sekolah rendah dan Tingkatan Satu sekolah menengah pada tahun 2005. Bagaimanapun, melalui kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) tahun 2015, PSK telah dimansuhkan secara berperingkat-peringkat sehingga tahun 2022, dengan penerapan kompetensi kewarganegaraan diteruskan melalui matapelajaran lain, misalnya sejarah.

Perlu diingatkan bahawa jangan sesekali kita mengandaikan bahawa matapelajaran seperti pendidikan moral dan agama boleh mengambil alih sepenuhnya misi pendidikan sivik. Seseorang insan yang baik tidak semestinya seseorang warga sivil yang baik. Pendidikan sivik membuka minda pelajar supaya mereka sedar hak dan tanggungjawab mereka kepada masyarakat dan negara. Mereka sedar pilihan mereka dalam hidup harian membentuk masyarakat secara umumnya. Mereka didekah-

kan untuk memahami bagaimana negara kita beroperasi, hubungan dalam masyarakat, dengan mengambil kira faktor latar belakang sejarah dan konteksnya.

Gerakan sosial di rata-rata dunia kini menyaksikan kebangkitan anak muda. Temanya tidak hanya terbatas kepada isu-isu yang berkenaan dengan anak muda, tetapi keadilan sosial sejagat. Saya masih ingat Joshua Wong yang memimpin gerakan demokrasi di Hong Kong belum mencecah 18 tahun ketika beliau tampil ke depan. Malah sikapnya begitu matang, setelah mengharungi pasang surut gelombang demokrasi di Hong Kong. Antara ayat yang paling memberangsangkan daripadanya, "Kita tidak berjuang hanya apabila nampak harapan, tetapi hanya apabila kita berjuang, barulah kita nampak harapan."

Masanya tiba untuk kita memupuk generasi muda yang berkesedaran, berfikiran kritis, bebas dan bertanggungjawab. Kita bukan memerlukan undi anak muda berusia 18 tahun, tetapi kita memerlukan anak muda berusia 18 tahun yang tahu nilai dan makna undinya.

## Rakyat tunggu pembelaan kerajaan baru

**S**udah sekian lama rakyat menderita dengan pelbagai tekanan, terutamanya beban dari kenaikan harga barang, nilai wang Malaysia yang rendah, cukai GST yang sangat membebankan, pengangguran yang berterusan dan pelbagai lagi.

Maka itu dengan kemenangan Pakatan Harapan dalam PRU14 lebih sebulan yang lalu maka sudah tentu rakyat menunggu dengan penuh harapan untuk membela mereka, meroboh nasib mereka.

Dengan tiada lagi GST dan pelbagai lagi langkah kerajaan baru maka rakyat melihat akan ada tanda cahaya di hujung teropong kehidupan mereka yang membolehkan mereka menarik nafas lega.

Terutamanya dengan jaminan yang diharapkan, iaitu akan turun harga beras, nelayan dan petani akan dibantu, tidak akan berlaku lagi di mana pembekal mempoli harga barang keperluan dan pelbagai lagi tinndakan yang diharapkan akan mengrangka



**CETUSAN MINDA**

ABDUL SHUKUR HARUN

beban hidup rakyat.

Inilah balasan yang diharapkan oleh rakyat setelah mereka dengan berani dan semangat wajanya menukar kerajaan lama – Umno-BN – dengan kerajaan baru.

Nampaknya di sini, Menteri Pertanian dan Asas Tani, Salahudin Ayub berada di tengah medan rakyat untuk mebelia mereka, justeru hasil pertanian dan tangkapan laut berada dalam wilayah tanggungjawabnya.

Salahudin sendiri adalah anak orang kampung – Serkat, Pontian, Johor – yang rumahnya di kampung berdekatan dengan rumah ayah mertua saya.

Oleh itu Salahudin adalah pemimpin yang sangat tahu akan kehidupan petani dan nelayan. Kerajaan Pakatan Harapan baru

sebulan lebih memerintah, sudah tentu belum lagi dapat 100 peratus menunaikan ikrar 100 hari memerintah dalam manifestonya. Namun sudah juga dilaksanakan sebahagian besar ikrar itu. Justru, rakyat perlulah bersabar sedikit dengan memberi tempoh supaya kerajaan baru dapat melaksanakan manifestonya.

Kita gembira, atas sokongan bertasaran dari rakyat pelbagai kaum dengan memahami masalah yang dihadapi oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Sokongan ini dilahirkan, umpamanya, dengan reaksi rakyat berlumba-lumba mengisi Tabung Harapan, yang kini terus meningkat. Ini menggambarkan semangat patriotik rakyat Malaysia demikian tinggi.

Tidak ragu-ragu lagi, kerajaan Pakatan Harapan, sedang menyediakan masa depan yang cerah kepada rakyat Malaysia walaupun kerajaan baru ini sedang bergelut dengan hutang yang ditinggalkan oleh kerajaan lama.

Rakyat Malaysia kini sudah boleh menarik nafas lega, justeru kerajaan baru yang mereka pilih



baru-baru ini sedang berusaha keras membela rakyat, menyediakan masa depan mereka lebih baik walaupun berdepan dengan pelbagai masalah.

Dari pengamatan kita, rakyat pelbagai kaum juga sangat sedar betapa beratnya beban yang dipikul oleh kerajaan baru. Hutang yang tidak terperi banyaknya, masalah rasuah berskala besar yang menakutkan, pembaziran, penyelewengan pelbagai projek, pelbagai skandal yang dilihat melibatkan para tokoh tertentu dan orang bergelar serta pelbagai masalah lagi.

Negara sedang dibaik-pulih setelah mengalami pelbagai kerrosan besar. Sesungguhnya den-

gan usaha gigih kerajaan baru, walaupun menempuh pelbagai kekangan dan cabaran, Malaysia akan kembali makmur, hasil bumi Malaysia dengan hasil minyaknya dan khazanah lain akan dapat dinikmati hasilnya oleh rakyat negara ini.

Syaratnya tidak akan berulang lagi penyelewengan, pemungutan harta negara dan sebagainya, maka kerajaan baru ini perlu diawasi sepenuhnya oleh rakyat. Justru mandat yang diberi oleh rakyat dalam PRU14 bulan lalu tersebut, adalah amanah yang sangat besar dipikul oleh kerajaan baru.

# 'Sekali turun ke perahu, perjuangan mesti diteruskan'

**M**ENANG di Parlimen Temerloh dengan majoriti 1,904 undi dalam pertandingan sengit lima penjuru mencipta rekod peribadi buat beliau selepas empat kali tewas dalam gelanggang pilihan raya sebelum ini.

Jatuh bangun dalam politik menjadi asam garam kepada antara pengasas ADIL yang kini adalah PKR sebelum berhijrah ke Pas kemudiannya menubuhkan AMANAH ini. Baginya sekali turun ke perahu dan sudah memegang dayung maka perjuangan mesti diteruskan.

Ikuti wawancara bersama **SETIAUSAHA AGUNG AMANAH, MOHD ANUAR TAHIR** yang juga **AHLI PARLIMEN TEMERLOH** di Astro Awani, 27 Jun lalu berkongsikan tentang perkembangan semasa AMANAH dalam tempoh 100 hari pertama kerajaan baru Pakatan Harapan (PH) mendapat mandat di Putrajaya.

**Bagaimana boleh terpilih untuk bertanding di Parlimen Temerloh selepas empat kali kalah dalam pilihan raya sebelum ini?**

**ANUAR:** Seperti sedia maklum, AMANAH mendapat agihan kerusi Parlimen yang tidak banyak pada PRU-14. Di Pahang itu-lah satu-satunya kawasan (Temerloh) yang diperuntukkan untuk AMANAH.

Anggota pengurusan parti dan Biro Politik parti mahu salah seorang pimpinan utama ditempatkan di situ. Maka Presiden parti mengarahkan saya bertanding kerana katanya yakin boleh menang walaupun itu asing bagi saya tetapi itu kawasan marginal hanya perlu bekerja kuat.

Saya pulang ke kampung berjumpa tokoh ulama, Pak Wan yang berjuang lama sejak zaman API-PKMM. Saya cerita kepadanya yang sedang terlantar sakit di atas katil.

Pak Wan, parti telah menugaskan saya ke Temerloh, bagaimana? Tempat yang asing bagi saya. Dia sebut, Pergi. Kalau Pak Wan ini sihat lagi Pak Wan akan pergi ke sana berkempen untuk Anuar kerana Temerloh adalah tempat yang istimewa.

Itulah tempat-tempat pejuang asal yang memperjuangkan kemerdekaan negara, paling berani. Orang yang menyerahkan jiwa raga dan ramai yang menyerahkan nyawanya untuk perjuangan.

Situ tempat Datuk Bahaman, Pak Sako, tempat API menentang Inggeris. Pak Wan cukup suka tempat itu dan perlilah Anuar. InsyaAllah, Pak Wan doakan, itu tempat subur untuk perubahan."

Dalam politik ini kena ada keghairahan yang sungguh-sungguh. Kalau masuk



Anuar Tahir ketika diwawancara Nazri Kahar di Astro Awani, 26 Jun lalu.

politik jangan alang kepalang. Sekali jatuh, bangun. Saya empat kali jatuh.

"Sebab itu ramai teman apabila tahu saya menang di Temerloh, mereka menangis menganggap saya konsisten tidak kenal erti putus asa.

Temerloh bukan mudah bagi saya, anggota parti saya di Temerloh boleh dibilang dengan jari tetapi itu tidak sedikit pun menggugat keputusan. Sekali kita turun ke perahu, sekali kita sudah pegang dayung, jalan.

Kawan-kawan yang ada yakin dari Johor, Selangor dan Perak turun membantu dan memang hebat orang Temerloh. Mereka buat keputusan yang akhirnya memenangkan saya setelah empat kali saya tewas.

Kali ini rakyat Temerloh telah mengangkat saya dan saya tidak akan berputus asa dalam politik, yang penting perjuangan rakyat baru bermula dengan mandat baru.

**Bagaimana apabila nama YB tersenarai dalam sebahagian Kabinet?**

**ANUAR:** Desas-desus itu bagi saya positif. Rakyat ingin melihat segera barisan kepimpinan baru ini mengambil tempat. Mereka ingin melihat satu pasukan yang mantap segera berada di barisan hadapan untuk memimpin negara ini ke arah perubahan besar.

Apapun yang diputuskan Perdana menteri yang begitu banyak pengalaman, sebagaimana besar daripada kami adalah orang yang tidak dekat dengan beliau, mungkin tidak pernah bersama dengan pemikiran beliau sebelum ini.

Jadi beliau perlu memilih secara berhati-hati untuk berada dalam pasukan bersarnya. Bagi saya, ada atau tiada posisi sya di Kabinet, itu bukan satu matlamat utama.

Saya berasa bahagia dan bertuah diberi mandat rakyat di kawasan hebat Temerloh. Kalau itu permintaan untuk saya berada dalam pasukan Kabinet, siapa saya unruk menolak, itu satu pernghomatan besar dan saya harap dapat menggalas tanggungjawab.

Namun, tidaklah saya meletakkan itu semestinya destinasi saya. Saya berjuang sejak dari awal adalah untuk memerdekaan rakyat dalam erti kata sebenar membawa perubahan besar setakat kemampuan saya dan berkhidmat untuk rakyat dan menjadi hamba kepada rakyat untuk mewujudkan sebuah bangsa merdeka yang sebenar.

**Dua kerusi Dun di bawah Temerloh dimenangi BN dan satu lagi di bawah PH. Bagaimana meraikan kepelbagaiannya suara ini?**

**ANUAR:** Saya sepanjang Ramadan lepas tidak pernah dibuat dalam hidup saya pergi solat di 52 buah masjid. Saya bertemu dan bercakap dengan semua orang tanpa mengira apa pegangan politik mereka untuk sama-sama membina Malaysia baru ini dan membawa perubahan.

Saya buat pertemuan dengan pegawai-pegawai kerajaan Persekutuan dan negeri. Saya jumpa orang, pergi ke pasar, jumpa peniaga Melayu, Cina.

Saya ke Pekansari dan pasar Mentakab dan saya beritahu kita punya tanggung-jawab bersama untuk mengadun sebaik-baiknya perubahan.

Tiada yang kekal di dunia ini melainkan perubahan. Kita kena terima dan menyusaiakan diri dengan perubahan. Sekaang ini hala tuju kita kepada fiqh perubahan atau sains perubahan.

Kita kena terima hakikat kerajaan yang baru ini melambangkan rakyat memerlukan satu perubahan. Jadi, jangan kira kita orang parti A, B, C atau D. Kita harus bersama-sama.

**Bagaimana dari segi kemaslahatan rakyat dan kelestarian alam memandangkan rantaian penerangan ikan patin berkait rapat dengan kualiti Sungai Sungai?**

**ANUAR:** Isu kelestarian alam adalah tumpuan saya. Sejumlah kawan-kawan golongan yang kita anggap sebagai konsultan

sedang dan akan turun membantu saya dalam isu kelestarian alam sekitar ini.

Saya pernah menjadi ahli majlis Persatuan Pengguna Pulau Pinang dan Sahabat Alam Malaysia. Kami memperjuangkan alam sekitar lebih 30 tahun lalu.

Mereka akan turun membantu. Saya sebagai orang yang diberi mandat percaya kita dapat memperbaiki keadaan dengan memperkenal program melestarikan alam.

Antaranya, pertanian organik. Rakyat perlu diberi peluang bertani secara ekonomi bukan sahaja pakai baja kimia, pestisid yang banyak tanpa sedar kita menelan racun setiap hari. Kita akan beri alternatif ekonomi kepada rakyat.

**Peranan AMANAH dalam aspek reformation institusi Islam...**

**ANUAR:** Sebenarnya kita di Malaysia ini mempunyai asas yang kukuh daripada segi kelslamannya cuma kita perlukan pembuktian.

Kita perlukan sikap dinamik dan progresif untuk meletakkan Islam benar-benar kontemporer dengan zaman dan saya rasa kita harus berubah.

Institusi-institusi yang ada mesti diperkasa dan diperindahkan lagi supaya Islam itu dapat dilihat benar-benar satu yang dinamik dan membina kekuatan negara.

Sebab itu kami telah memilih kalimat Al-Quran, Rahmatan Lil Alamin dimasukkan dalam dasar Perlembagaan AMANAH kerana Islam itu untuk semua, nikmat dan kebaikan Islam untuk semua bukan hanya kepada satu kumpulan atau segelintir orang.

Oleh sebab itu, saya lebih suka memanggil AMANAH sebagai parti bangsa Malaysia yang terdiri pelbagai kaum, berbilang agama, dan budaya.

Kami parti Islam dengan gagasan terbuka dan progresif menerima keanggotaan ahli daripada bukan Islam yang boleh duduk bersama kami dan memahami nilai-nilai yang kita bawa.

Di tempat saya Temerloh, kita dalam proses menubuhkan 13 cawangan masyarakat India. Hampir 500 orang India berebut untuk menyertai parti kami.

Mereka tahu parti ini memperjuangkan nilai-nilai yang baik, parti yang menjentang rasuah dan memperjuangkan keadilan.

Di Kota Raja saja, saya ingat salah satu kawasan di mana ahli India ramai sekali di Selangor. Tidak kurang 8 daripada 20 cawangan yang ada di tempat Presiden kami menjadi ahli parlimennya ini terdiri daripada masyarakat India.

Jadi, parti bernuansa Islam ini bagi saya mudah adalah parti Malaysia. Islam untuk semua bukan sekadar slogan tapi kenyataan yang betul-betul direalistikkan.



# Kemewahan yang dikehjarn Rosmah punca skandal 1MDB, kata WSJ

Oleh THE MALAYSIAN INSIGHT

**KETIKA** siasatan ke atas penyelidikan harta rakyat dalam skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) semakin diperhebat dan mendalam, peranan dimainkan Datin Seri Rosmah Mansor juga semakin jelas kelihatan, lapor The Wall Street Journal.

Hasil wawancara dengan penyiasat dan mereka yang rapat dengan isteri perdana menteri yang disingkir, Datuk Seri Najib Razak, akhbar berpengaruh itu mengatakan ketaksubur Rosmah mengejar kemewahan adalah faktor utama yang menyebabkan korupsi menjahar kerajaan pimpinan Najib.

Mereka yang rapat dengannya percaya, keinginan Rosmah kepada harta kekayaan bermula apabila beliau didekah dengan kemewahan ketika membesar bersama kumpulan elit negara, walaupun latar belakang dan ibu bapanya hanyalah guru sekolah kelas pertengahan.

Beliau digambarkan sebagai pelajar bijak dan berazam tinggi, tetapi sering merasa rendah diri.

Beberapa kawan Rosmah mengatakan bekas wanita pertama Malaysia itu malah merancang untuk berkahwin dengan ahli keluarga Kesultanan Brunei.

Selepas perkahwinan pertamanya dengan ahli perniagaan, Rosmah menghuni Najib sekitar tahun 1980-an, ketika pemimpin itu masih jadi mentri besar Pahang dan Rosmah bekerja dengan syarikat hartanah.

Pasangan itu dilaporkan sangat setia kepada satu sama lain, dan kritikan dan siasatan skandal kleoptokrat terbesar dunia itu semakin merapkan hubungan mereka.

Tidak dapat dipastikan sama ada penyiasat percaya Rosmah ada hubungan langsung dengan transaksi rumit menyelenggara dana 1MDB.

Mereka yang mengenalinya berkata yang beliau menyelidikan penglibatan seorang pembiaya kewangan muda Malaysia yang didakwa Jabatan Kehakiman AS (DoJ) membantu menubuhkan 1MDB dan mengawal selia rompakan ke atasnya.

Agensi AS itu terlibat dalam siasatan 1MDB kerana ia percaya aset di AS adalah antara yang dibeli dengan wang haram. DoJ memfailkan saman sivil untuk merampas aset cecah AS\$2 bilion (RM8 bilion) termasuklah pesawat peribadi, hartanah mewah dan sebuah syarikat bikin filem diterajui anak Rosmah daripada perkahwinan terdahulu.

Sasaran utama saman itu adalah aset, bukannya individu walaupun ia

The screenshot shows the homepage of The Wall Street Journal. At the top, there's a navigation bar with links to Home, World, U.S., Politics, Economy, Business, Tech, Markets, Opinion, Arts, Life, and Real Estate. Below the navigation is a banner with several small images and headlines. One headline reads "IMDB Scandal Around Malaysian Prime Minister Najib Puts Spotlight on Wife". The main article title is "IMDB Scandal Around Malaysian Prime Minister Najib Puts Spotlight on Wife". Below the title, it says "Documents show \$6 million in credit-card spending by Rosmah Mansor". There's also a cartoon illustration of a woman with glasses looking at a man with a large nose and glasses.

Laporan yang dibuat oleh WSJ mengenai penglibatan Rosmah dengan 1MDB.

turut memasukkan dakwaan terhadap individu yang dipercayai ada kaitan dengan rancangan jahat itu.

Saman itu menyebut sekurang-kurangnya AS\$4.5 bilion dana negara diseleweng, menjadikan 1MDB rompakan terbesar pernah disaksikan dunia.

Ogos lepas, DoJ memohon mahkamah menangguhkan prosiding sivil supaya ia boleh memberi tumpuan kepada siasatan jenayah.

Tetapi di Malaysia, peguam negara lantikan Najib 'membersihkannya' daripada semua tuduhan salah laku berkaitan 1MDB pada 2016.

Sekutu Najib percaya yang bekas perdana menteri itu hanya terlibat dalam sebahagian daripada rancangan penuh isterinya kerana beliau menumpukan perhatian kepada pemerolehan dana untuk membiaya aktiviti politiknya berbanding perbelanjaan peribadi.

## ROSMAH LEBIH TAHU 1MDB BERBANDING NAJIB

"Isteri ada gambaran lengkap berbanding suaminya," kata sumber yang dianggap penyiasat AS memainkan peranan utama dalam rompakan harta Malaysia itu.

Mereka yang rapat dengan keluarga Najib-Rosmah mendakwa ketika tekanan semakin hebat disebabkan siasatan skandal itu dipergiat pada 2016, Najib sudah mahu meletak jawatan.

Seorang daripada mereka berkata, Rosmah adalah individu yang menggesanya supaya terus bertahan, menyifatkan tekanan itu sebagai "ujian dari Allah" dan Rosmah sendiri akan mengetuai usaha menghalang siasatan yang sedang berlaku di Malaysia.

Tahun lepas, Rosmah menggaji

pelobi Amerika untuk mendesak DoJ mengugurkan siasatan 1MDB, kata sumber.

Sumber sama mengatakan Rosmah mengatur pertemuan antara pelobi itu dengan duta Malaysia ke AS.

Rosmah juga menyelar mereka yang mengkritik tabiat belanja mewahnya.

Beliau menyifatkan kritikan itu bermotif politik.

"Saya beli barang kemas dan pakaian dengan duit saya sendiri. Apa yang salahnya?" tulisnya dalam buku autobiografi terbit pada 2013.

Rosmah mengumpul sejumlah koleksi berlian merah jambu, menurut seorang ahli perniagaan Malaysia yang mendakwa membantu Rosmah memilih barang kemas itu.

Sebutir berlian yang dibelinya bernilai AS\$27 juta, menurut DoJ.

Seorang individu yang dipercayai penyiasat AS memainkan peranan penting dalam skandal 1MDB- dan dikatakan membantu pembelian berlian untuk Rosmah- menganggarkan nilai koleksinya mencapai AS\$350 juta.

Beberapa kediaman dikaitkan dengan Najib diserbu bulan lepas, hasilnya, RM114 juta wang tunai pelbagai mata wang ditemui, turut dirampas adalah barang kemas, jam tangan dan 284 bag berjenama mewah dianggarkan bernilai ratusan ribu ringgit setiap satu, ada antaranya masih dalam kotak asal tidak pernah dibuka, kata polis.

Sumber mengatakan ketika pasangan itu berpindah ke rumah mereka di Kuala Lumpur, beberapa saudara keluarga merasakan kehidupan pasangan itu terlalu mewah untuk orang politik, tetapi suara itu didiamkan selepas Rosmah bengang kehidupannya dipersoal.

Rosmah yang menggunakan gelaran wanita pertama Malaysia itu

juga menggunakan ruang pejabat dan mempunyai kakitangan di Jabatan Perdana Menteri, beliau juga mempunyai pengaruh kuat ke atas Najib yang cepat mengalah, kata sumber rapat dengan pasangan itu.

Ketika Lee Kuan Yew, bapa pengasas Singapura bertemu Najib pada 2009, Lee turut meminta Rosmah untuk hadir sama, memberitahu media Singapura, beliau mendengar "cerita" pasangan itu bekerja sebagai satu pasukan.

Seorang ahli perniagaan Malaysia yang bergantung kepada Rosmah untuk pembaharuan lesen kerajaan tahunannya berkata sebilangan bag tangan Hermes Birkin yang dirampas polis di kediaman Najib-Rosmah adalah hadiah dari padanya.

Sumber yang rapat dengan Rosmah mengatakan keinginan mendapat pengiktirafan antarabangsa juga menyebabkan Rosmah melakukan pakaian dengan Low Taek Jho, atau lebih dikenali sebagai Jho Low hampir 10 tahun lalu. DoJ mendakwa Low adalah dalang utama rompakan 1MDB.

Low menafikan sebarang salah laku. Malaysia sudah mengeluarkan waran tangkap ke atasnya. Dia dipercayai berada di China.

Keluarga Low memiliki hartanah berhampiran kediaman Najib di London, dan dia juga berkawan baik dengan keluarga ternama negara Teluk ketika belajar di Wharton School, University Pennsylvania. Rosmah yang memandang tinggi keluarga diraja Arab Saudi terpesona dengan hubungan dimiliki Low dan melantiknya jadi orang kepercayaan.

Pada 2009, Low membantu menubuhkan 1MDB yang bermatlamat menggunakan dana negara untuk memacu pembangunan. Najib memberikan Low kuasa besar mengendalikan 1MDB, menurut mereka yang pernah bekerja di situ.

Low menubuhkan sebuah syarikat palsu, Blackrock- tiada kaitan dengan syarikat terkenal AS- untuk menyembunyikan dana diseleweng dari 1MDB, kata penyiasat.

Dia menggunakan syarikat

palsu itu untuk membeli barang kemas Rosmah, berjenaka kepada kawannya yang "rock/batu" adalah untuk berlian dan "black/hitam" untuk jiwa bekas wanita pertama Malaysia itu.

Sumber mengatakan Low turut menyelia urusan kapal dan pesawat persendirian untuk kegunaan Rosmah.

Ketika siasatan ke atas 1MDB mula tercusus pada 2015, Rosmah mendejak Pejabat Perdana Menteri untuk mengeluarkan kenyataan mendakwa kekayaan Najib selari dengan "legasi aset keluarga", menurut sumber yang mengetahui kejadian itu.

Empat adik lelaki Najib kemudian mengeluarkan kenyataan bersama menyatakan ayah mereka, Perdana Menteri Abdul Razak Hussein adalah seorang pemimpin yang bersederhana dan tidak banyak mewariskan harta kepada anak-anaknya. Rosmah bengang dengan kenyataan itu, mendaikwa adik beradik Najib akan jadi punca kejatuhan abang mereka, kata seorang ahli keluarga.

Ketika siasatan terhadap 1MDB giat berlaku di AS, Singapura, Switzerland dan banyak lagi negara seluruh dunia, tidak banyak kemajuan siasatan berlaku di Malaysia apakah lagi selepas beberapa pegawai tinggi kerajaan yang terlibat menyiasat disingkir termasuklah peguam negara, pegawai kanan perisikan polis dan ketua agensi pencegahan rasuah negara.

Dan Low secara sembunyi-sembunyi menudung jari ke arah Rosmah, kata seorang rakannya.

Kata Low: "Dia (Rosmah) peminat tegar barang kemas. Dari mana dia dapat duit?"

## Peguam nafi penglibatan Rosmah

**PEGUAM** Datin Seri Rosmah Mansor menafikan dakwaan penglibatan anak-guan mereka sebagaimana yang dilaporkan oleh The Wall Street Journal.

Peguam K Kumaraendram dan Geethan Ram Vincent dalam kenyataan mereka berkata, laporan itu cuba memburukkan imej Rosmah.

"Kami mahu menegaskan semula di sini, anak guam kami tiada kaitan langsung dengan operasi harian syarikat itu, lebih-lebih lagi pengurusan kewangannya, atau dengan mereka yang dilantik menyelia firma itu," kata mereka.

# Demo pertahan raja sebenarnya hina raja-raja, dakwa penulis

**D**emonstrasi yang diadakan selepas solat Jumaat 22 Jun lalu kononnya untuk mempertahankan Raja-raja dan institusi di raja hakikatnya ia satu penghinaan kepada raja-raja Melayu.

Penulis Mohd Sayuti Omar yang menulis di Facebooknya berkata, demo yang turut disertai pemimpin PAS dan Umno itu sebagai memalukan dan menghina Raja-Raja sahaja.

"Ertinya tidak ada sambutan. Seperkara lagi, kalau dengan kapti ini hendak berdemo ia juga tidak memandai," katanya.

Pengarah Pusat Penyelidikan Pas, Dr Zuhdi Marzuki dan pemimpin Umno, Lukman Nur Adam antara yang menyertai demo itu.

Bagi Sayuti, Raja-raja dan Institusi Raja tidak memerlukan pihak yang sanggup mempertarungkan nyawa untuk mempertahankannya kerana Institusi itu sudah pun dipertahankan oleh Perlembagaan.

"Sila ke kedai buku dan beli buku Perlembagaan Malaysia kemudian baca. Tidak ada duit untuk beli datang rumah saya, saya bagi duit untuk beli buku Perlembagaan," ujarnya.

Bagi beliau perlembagaan lebih besar dan berkuasa daripada bilangan segelintir yang turun mengadakan demonstrasi ini ini.

"Kalau nak buat demo biarlah persis di zaman reformasi, dikawal polis, dipulu dengan cota dan disembur dengan water canon. Baru best," katanya.

Menurut Sayuti daripada pemerhatiannya mini demonstrasi itu mempunyai hubung kait dengan Raja-raja Melayu apabila klip video yang tersebar memaparkan beberapa individu memegang sepanduk dan plakat 'Hormati Raja-raja Melayu', 'Jangan pecahbelahan Raja-raja Melayu', 'Jangan kurang ajar', dan 'Raja-raja Melayu sebagai payung rakyat jelata'.

"Apakah institusi itu sudah dilanggar sehingga perlu diadakan



Demonstrasi yang diadakan di Masjid Negara selepas solat Jumaat 22 Jun lalu.

demo? Kurang faham saya. Dan siapa yang menjadi dalang di sebalik demonstrasi ini?

"Kerana gambar cedukkan dari klip video ini berdebu dan 'blur' menyebabkan saya kurang cam."

"Apakah muka-muka ini pernah

turun berdemonstasi semasa di zaman kerajaan Najib dahulu?

"Cuma saya nak kata begini sahaja, kalau demo seramai ini hendak pertahankan Raja-Raja ia tidak memandai," kata Sayuti.

Sementara itu, para netizen turut

memberikan komen-komen di status beliau yang menyifatkan mini demonstrasi itu sepatutnya diadakan di Istana Perlis yang jelas menghina Raja-raja Melayu.

Mohd Noraidi: Depa taknak pulak berdemo bilamana apa yang berlaku dengan istana Perlis dan Sabah ..."

Malah ada yang mengecam tindakan mereka kerana cuba mengheret institusi di raja dengan demonstrasi murahan seperti itu.

Mohd Ismail: Usahlah heret istana dengan demo murahan begini.

Mohd Sallehin Yusoff: Ramai yg tak baca perlembagaan ...mukasurat 1 dan 2 buku perlembagaan pun tak pernah buka.

Mohd Faizal Moin: Ini Demo nak pertahankan Raja ker atau nak runtuhkan Raja Melayu??

Wan Yusri Wan Jusoh: Berapa puluh ribu yg hadir....kesian...terima la haki-kat dah kalah. Tak payah huru-harakan negara.

## Hati-hati menulis di media sosial

**K**erajaan Pakatan Harapan (PH) pasca PRU 14 telah memberikan kebebasan media tidak ternilai kepada rakyat. Kebebasan ini diberikan bukan sahaja kepada pengamal media bahkan kepada rakyat secara keseluruhannya. Media kini tidak takut untuk menulis berkaitan apa sahaja isu termasuk mengkritik kerajaan PH itu sendiri.

Hal ini dapat diperhatikan sejurus apa-apa pengumuman yang dibuat oleh Menteri itu sendiri. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani umpannya telah dikritik teruk kerana menyatakan harga barang mentah dan keperluan harian turun 30-50% selepas pemansuhan GST. Hal ini telah mengundang respon segera daripada Menteri tersebut yang menyatakan bahawa kenyataan beliau itu telah disalah anggap kerana ianya merupakan berdasarkan perhatiannya sendiri. Beliau selanjutnya telah mengarahkan kementerian untuk membuat kajian lanjut berkaitan kadar penurunan harga barang mentah itu.

Menteri Sumber Tenaga Manusia pula telah dikritik bukan sahaja oleh netizen tetapi oleh stakeholder dalam industri apabila membuat pengumuman akan menghentikan pekerja asing bermula awal tahun 2019 khasnya ke atas pekerja asing yang bekerja di restoran. Akhirnya, Menteri berkenaan juga telah membuat kenyataan balas bahawa ianya masih di peringkat cadangan.



Menteri Kewangan juga telah dikritik teruk akibat menggunakan bahasa Mandarin dalam kenyataan rasminya yang disiarkan dalam facebook miliknya. Ini juga telah mengundang kritikan termasuk oleh penyokong PH itu sendiri. Tan Sri Rais Yatim sendiri telah membuat kritikan terbuka terhadap langkah beliau itu dan menyifatkan langkah itu sebagai sesuatu amalan yang janggal kerana tidak pernah dipraktikkan sepanjang puluhan tahun yang lalu.

Menyatakan bahwa Menteri Dalam Negeri juga teruk dikritik ekoran penahanan yang dibuat ke atas peguam Siti Kasim yang dikatakan telah melakukan kesalahan menculik dan kesalahan mengganggu penjawat awam. PDRM selanjutnya telah memohon untuk meremah peguam ini tetapi permohonan reman itu telah ditolak oleh Majistret. Menteri ini kemudiannya telah mengeluarkan kenyataan proaktif yang menyatakan siasatan akan segera dibuat jika berlaku apa-apa perlanggaran undang-undang oleh pihak berkuasa berkenaan.

Perdana Menteri sendiri pernah dikritik secara keras oleh seorang pengguna facebook yang akhirnya membawa kepada penahanan beliau. Namun, sebaik sahaja hal ini diketahui

oleh Perdana Menteri beliau telah menyatakan ketidaksetujuan beliau terhadap penahanan itu. Akhirnya, pengguna facebook itu telah dibebaskan tanpa syarat.

Inilah nikmat kebebasan bersuara yang diberikan oleh Perkara 10(1) Perlembagaan Persekutuan. Nikmat seperti ini tidak pernah dirasai sebelum ini kerana lazimnya di bawah pemerintahan Kerajaan BN dahulu sepiapa yang mengkritik secara terbuka ini akan segera ditangkap dan disiasat.

Ruang penggunaan media sosial yang begitu tinggi di Malaysia ini telah membuka ruang kepada rakyat untuk menyuarakan apa sahaja yang mereka tidak puas hati. Namun, kebebasan ini tidak seharusnya disalahgunakan oleh pihak-pihak yang terbabit. Negara ini masih mempunyai undang-undang yang mengawal selia perlakuan yang bertentangan dengan undang-undang.

Jika dilihat kepada Perkara 10(2) Perlembagaan Persekutuan adalah jelas Parlimen mempunyai kuasa untuk membuat sekatan terhadap kebebasan bersuara ini. Sekatan itu boleh dibuat demi keselamatan Malaysia, hubungan baik dengan negara-negara lain, ketenteraman awam atau prinsip moral dan sekatan-sekatan yang bertujuan untuk melindungi

keistimewaan Parlimen atau mana-mana Dewan Undangan atau untuk membuat peruntukan menentang penghinaan mahkamah, fitnah, atau pengapian apa-apa kesalahan.

Meskipun, Kerajaan PH telah menunjukkan sikap toleransi yang tinggi terhadap penggunaan Akta Hutan 1948 atau Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 di bawah kesalahan jenayah, hal ini tidak harus dipandang enteng kerana pengguna media sosial ini masih tertakluk kepada kesalahan sivil seperti kesalahan menfitnah di bawah Akta Fitnah 1957.

Baru-baru ini Haji Husam Musa telah menang saman fitnah terhadap seorang pengetua sekolah agama, Masri Che Yusuf berkaitan satu status facebook mengenai dakwaan penyelenggaraan tanah bahawa Husam

telah secara salah memberikan kepada sebuah syarikat tanah seluas 414.37 Hektar

Mahkamah Tinggi Kota Bharu telah memberikan kos sebanyak RM10,000 ke atas beliau sementara taksiran gantirugi dibuat. Dijangkakan gantirugi yang dikenakan mungkin antara RM100 - RM150 ribu.

Justeru, dengan semangat Malaysia Baharu yang ada sekarang ini, para pengamal media sosial perlu mengenakan sekatan terhadap diri sendiri sebelum menulis sesuatu. Mereka hanya boleh menyiarkan perkara yang benar dan mengelakkan diri daripada menyiarkan perkara yang bersifat fitnah dan perkara yang boleh memporak-porandakan ketenteraman awam.

# Kasihan MO1 anggap orang akan simpati, sinis Hanipa

**A**HLI Parlimen Sepang, Hanipa Maidin berpendapat Malaysian Official 1 (MO1) mungkin menganggap orang lain akan bersimpati dengannya akibatnya ekoran dikaitkan dengan pembunuhan wanita Mongolia, Altantuya Shaariibuu.

Tanpa menyebutkan nama Datuk Seri Najib Razak, beliau menyifatkan semua pihak mahu kes pembunuhan tragik itu dibicarakan.

"Respons segera saya, kasihan MO1. Dia mesti ingat apa yang dia kata itu dah ok sangat, maka orang, fikirnya, akan simpati dan percaya dengan beliau."

"Saya rasa tak ada orang yang tak setuju kes Altantuya telah dibicarakan."

"Hatta dalam negara yang tertakluk kepada rejim yang zalim yang berselirat dengan pelbagai undang-undang zalim (repressive laws) pun ada bicara tuan," dipetik daripada Facebook beliau baru-baru ini.

Hanipa berkata demikian mengulas kenyataan Najib ketika ditemubual agensi berita Reuters yang antara lain menyaksikan bekas Pengerusi BN itu mendakwa tiada bukti dirinya bertemu dengan Altantuya.

**“Show trial ini bukan bermatlamat untuk tegakkan keadilan tapi ia lebih kepada satu perbicaraan, meskipun terbuka namun lebih bertujuan untuk mempengaruhi atau memuaskan pendapat awam saja...”**

"MO1 dilapor media agak defensif ketika berbicara tentang kes Altantuya."

"Dilaporkan beliau (MO1) berkata kes tersebut telah ditangani, tidak ada bukti beliau ada bertemu si mati, tidak ada rekod, tidak ada gambar, tidak ada saksi yang kata beliau ada berjumpa dengan si mati."

"Beliau juga dipetik berkata kes itu tertakluk kepada satu perbicaraan yang sewajarnya dan nama beliau tidak timbul semasa perbicaraan tersebut."

"Tak cukup dengan itu beliau juga dipetik berkata, 'saya sudah bersumpah dengan nama Allah dalam sebuah masjid bahawa saya tidak ada kena dengan kes berkenaan,'" katanya.

Untuk rekod, kontroversi siapa individu sebenar MO1 (Pegawai Malaysia 1) pertama

kali berbangkit apabila disebut dalam tunutan mahkamah oleh Jabatan Kehakiman (DoJ) Amerika Syarikat (AS) pada 20 Julai 2016 berhubung skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Sehubungan itu, Hanipa menjelaskan perbicaraan dalam kes sebegini dipanggil 'show trial' jika mengikut pengalaman undang-undang.

"Show trial ini bukan bermatlamat untuk tegakkan keadilan tapi ia lebih kepada satu perbicaraan, meskipun terbuka namun lebih bertujuan untuk mempengaruhi atau memuaskan pendapat awam saja."

"Contoh show trial yang popular ialah Moscow trial pada zaman Stalin, kes pendemontran dalam tragedi Tiananmen Square di China, kes Mossi dan ramai anggota

Hanipa Maidin

Ikhwanul Muslimum di Mesir yang dibicara di bawah rejim Alsisi," jelasnya.

Pengerusi Biro Undang-undang AMANAH (Kanun) berkenaan berkata, bukti MO1 mengetahui Altantuya mungkin ada tetapi tidak dikemukakan sebelum ini kerana dianggap tidak perlu dilakukan.

"Sebabnya, isu motif si mati dibunuh dilaporkan tidak dibangkitkan dalam perbicaraan itu," bidasnya mengulas dakwaan Najib tiada bukti untuk mensabitkan beliau kenal dengan model yang mati pada usia 28 tahun itu.

"Bila MO1 kata nama dia tak timbul dalam perbicaraan itu, pun saya setuju. Yahya masa itu tuan adalah orang yang berkuasa."

"Jika nama tuan muncul, tak tahulah apa nasib hakim atau pendakwa? Adakah senasib mantan AG (Peguam Negara) yang dilaporkan sudah sedia dengan kertas pertuduhan kes 1MDB terhadap tuan?"

"Apapun, selamat berjaya tuan atauisteri tuan jika diandaikan dibicara semula kes Altantuya tu dan kedua-dua kamu dijadikan OKT (Orang Kena Tahan). Allah lebih tahu," tegas Hanipa lagi.

## Isu bayaran premium tinggi berjaya diselesaikan

**PRESIDEN** Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (ANAK), Mazlan Aliman memberitahu isu bayaran premium tanah yang tinggi bagi perumahan generasi baru Felda Sungai Sibol dan Pengeli Timur di Kulai telah selesai.

Beliau berkata, pihaknya mengambil inisiatif menemui Exco Perumahan dan Luar Bandar, Dzulkefly Ahmad bersama Pengarah Tanah & Galian

Johor, Abd Halim dengan wakil Suara Generasi Felda Sungai Sibol dan Pengeli Timur, 26 Jun lalu.

"Pengarah PTG memaklumkan, ada kesilapan berkaitan status tanah rizab Melayu. Maka, bayaran yang dikenakan ditarik balik," ujarnya.

Sehubungan itu, Mazlan berkata, notis baru bagi pembayaran yang jauh lebih rendah akan dikeluarkan oleh

PTD Kota Tinggi.

"Syukur Alhamdulillah, kemelut yang meresahkan peserta berbulan-bulan laman ya telah berjaya diselesaikan."

"Terima kasih YB Exco dan Pengarah PTG. Tahniah kepada saudara Rizal, Azlan dan rakan-rakan yang berusaha gigih memperjuangkan nasib anak-anak peneroka yang terlibat. Berbaloi tolong rakyat," ujarnya lagi.



Mazlan Aliman dalam satu dialog bersama warga Felda.

## Perlis bebas wanita berbikini, lebih Islamik berbanding Terengganu

Oleh ARIF ATAN

### PENGARAH

Hal Ehwal Syariah AMANAH, Ustaz Zolkharnain Abidin berpendapat Perlis adalah lebih Islamik berbanding Terengganu walaupun negeri di utara tanah air itu tidak mendakwa lebih Islamik.

Mengulas keputusan kerajaan Pas Terengganu yang tidak menghalang pelancong asing berbikini di kawasan pulau dan pantai, beliau berpendapat Perlis bebas wanita berbikini memandangkan negeri itu hanya mempunyai pantai selut dan benteng pemecah ombak.

"Orang Perlis jika mahu mandi laut, bina istana pasir, kena pergi Langkawi. Kalau lebih berduit, mereka ke Thailand. Di sana, macam-macam ada."

"Perlis bebas wanita berbikini di tepi pantai, tidak seperti Terengganu yang Exco benarkan pelancong berbikini. Dari sudut ini, Perlis lebih Islamik berbanding Terengganu."

"Cuma dari sudut mengaku lebih Islamik, Terengganu lebih pandai."



Maklumlah, negeri itu diperintah oleh parti Islam. Negeri Islam-lah katakan!" sinis Timbalan Pengerusi AMANAH Perlis berkenaan.

Exco Pembangunan Insan, Dakwah dan Penerangan Negeri Terengganu, Ustaz Mohd Nor Hamzah pada 21 Jun lalu dilapor

berkata, kerajaan menghormati hak orang bukan Islam untuk berbikini walaupun asas perjuangan Pas ialah memartabatkan agenda Islam.

"Setakat ini kita kekal dengan peraturan sedia ada, sebab pelancong ada hak mereka yang tersendiri khususnya bukan Islam (untuk berbikini)."

"Kita bersikap toleransi dalam mengurus keadaan yang ada secara harmoni dan kasih sayang."

"Kebebasan diberi kepada pelancong bukan Islam dengan syarat ia tidak melampaui batas dan setakat ini keadaan di pulau pelancongan terkawal dan pemantauan dibuat," katanya yang juga Adun Bukit Payong itu dipetik dari FMT.

# IKLANEKA@AMANAH

✓ HANYA **RM50**  
2X KELUARAN

✓ HUBUNGI  
011-3233-4322  
ATAU  
[akhbaramanah@gmail.com](mailto:akhbaramanah@gmail.com)

6X6CM

BERMINAT  
UNTUK IKLAN  
PRODUK/SERVIS  
ANDA DI SINI?

IKLAN MURAH DAN BERKUALITI  
RAIH SUKSES BERSAMA KAMI

PROMOSI SAH SEHINGGA 31 JULAI 2018

RUANGAN  
IKLAN  
MASIH  
KOSONG

Dapatkan  
madu  
kelulut  
original  
segar dari ladang  
sekarang!!!  
**011-1069-2962**

Pengedar akhbar  
Mingguan  
Amanah  
diperlukan  
di kawasan  
Lembah Klang  
**011-3233-4322**

RUANGAN  
IKLAN  
MASIH  
KOSONG

# Mengembalikan kedaulatan Malaysia baharu di pentas antarabangsa

Oleh RAJA KAMARUL BAHRAIN

**D**UA hari sebelum Hari Raya Aidil Fitri, tentera Arab Saudi bersama sekutunya menyerang Yaman dengan begitu dahsyat sekali. Bandar utama Yaman di serang di ambang Aidil Fitri yang mulia semasa umat Islam bersedia menyambut kemenangan Ramadhan al Mubarak.

Tidak hairan sekiranya difikirkan Arab Saudi begitu rapat dengan Yahudi Israel sekarang dan dalam sekutu tentera Arab Saudi ada Amerika Syarikat, Britain serta Perancis. Kita jangan lupa Malaysia sebelum ini juga berada dalam sekutu tentera Arab Saudi terlibat dengan operasi Yaman.

Bukan itu saja, persamaan fahaman aneh kita dengan Saudi, kita juga telah berjinak-jinak dengan Israel dengan perniagaan RM bilion dan membenarkan pegawai pegawai kanan Israel memasuki Malaysia semasa waktu Datuk Seri Najib menjadi Perdana Menteri. Ini adalah mengikut jijak Arab Saudi yang makin akrab dengan Israel.

Yang hairannya Kerajaan Datuk Seri Najib tidak pula digelar "liberal" oleh Pas. Kerajaan Najib juga tidak dituduh menjadi "khadam" kepada Israel. Mengapa agaknya?

Semasa saya masih di Parlimen semasa era Datuk Seri Najib, kecaman saya tentang



**Malaysia tidak harus terlibat lagi tetapi perlu terus menarik diri daripada menjadi sekutu tentera Arab Saudi dalam isu Yaman.**

penglibatan Malaysia dalam serangan ke atas Yaman dan lawatan pegawai kanan Israel ke Malaysia tidak disokong langsung oleh ahli Umno atau Pas.

Sudah sampai masanya Malaysia di bawah Tun Mahathir membuat pendirian baru dan tegas dalam isu Yaman dan Israel.

Tun Mahathir terkenal luas di pentas dunia antarabangsa menentang kekejaman Zionis Israel dan penindasan negara kecil dunia ketiga kecil seperti Yaman.

Saya menggesa Tun Mahathir mende-

dahkan sejauh mana penglibatan tentera Malaysia dalam perperangan Yaman semasa waktu Datuk Seri Najib. Ini di nafikan oleh Malaysia setiap kali saya mengulangi soalan saya di Parlimen walaupun berbekal dengan laporan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebagai bukti.

Kita tidak harus terlibat lagi tetapi perlu terus menarik diri daripada menjadi sekutu tentera Arab Saudi dalam isu Yaman. Terlalu banyak nyawa rakyat Yaman tua dan anak kecil yang tidak berdosa telah terkorban.

Tentera Malaysia harus ditarik keluar serta merta daripada terus menjadi sekutu Arab Saudi.

Malaysia di bawah Tun Mahathir dahulu juga terkenal menentang kekejaman Israel ke atas rakyat Palestin. Saya percaya Tun Mahathir akan mengkaji semula hubungan kita dengan Israel untuk mengembalikan maruah Malaysia di mata negara Islam lain.

Terlalu ramai nyawa rakyat Palestin tidak bersenjata dan tidak berdosa dikorbankan dengan kejam oleh tentera zalim Israel pada bulan Ramadan baru-baru ini.

Kita berada di era Malaysia baharu di mana maruah serta martabat negara perlu dikembalikan ke puncak persada keagungan dunia Islam seperti dahulu. Tiada lagi peranan kita tunduk sebagai "khadam" kepada ketua negara kaya seperti Raja Arab Saudi atau Presiden Amerika dan Israel.

Dalam Islam prinsip keadilan serta maruah amatlah penting dan dalam usaha kita membina semula Malaysia ke peringkat kegemilangan seperti dahulu, harga agama dan diri serta bangsa mestilah dipelihara.

Insyallah selepas PRU14 ini rakyat berazam Malaysia akan dibina semula sebagai sebuah negara yang penuh berdaulat dan merdeka.

■ **Penulis adalah Pengurus Biro Antarabangsa Parti Amanah Negara (AMANAH).**

## Tabung Harapan bayangkan rakyat sangat cintakan tanah airnya

Oleh A SHUKUR HARUN

**R**AKYAT Malaysia, dengan semangat patriotik mereka, telah mengisi Tabung Harapan, yang kini mencapai puluhan ribu juta ringgit dan terus bertambah setiap hari.

Ini sesuatu yang simbolik, menggambarkan semangat cinta tanah air dari hati nurani mereka, berkongsi kesusaahan dan masalah yang dihadapi oleh negara sekarang ini.

Dalam PRU ke-14 yang lalu, rakyat telah bangkit melakukan perubahan, menolak kerajaan lama – Umno/BN – yang membawa pelbagai masalah kepada rakyat. Menyebabkan kehidupan rakyat sangat tertekan, ekonomi terhempas, hutang negara tidak bernilai banyaknya.

Kini, selepas kerajaan Pakatan Harapan (PH) mengambil alih pemerintahan, maka pimpinan berhempas pulas untuk memulihkan semula negara.

Tidak mudah hendak membaiki kerosakan yang terlalu teruk itu dan rakyat sangat faham. Mereka turut bersama merasakan kegitan itu. Maka apabila kera-

jaan baru menubuhkan Tabung Harapan, untuk mengumpul dana dari rakyat, maka rakyat segera memberi sokongan luar biasa.

Dalam masa sepuluh hari, lima puluh juta ringgit telah terkumpul dan derma itu akan datang lagi. Ini benar-benar sebuah tabung dari pelbagai lapisan kehidupan, untuk rakyat.

Ketika tsunami rakyat beramai-ramai menolak dominasi Umno/BN dalam PRU yang lalu itu, maka langkah selanjutnya dari rakyat menyokong kerajaan Pakatan Harapan, ialah mereka beramai-ramai mengisi tabung tersebut.

Untuk itu, saya menulis sebuah sajak untuk bersama menyertai gelombang rakyat ini:

**Malaysia Tanah Airku**  
Kutulis puisi ini untuk mendambakan  
rasa cinta akan tanah airku  
Negara makmur bagi emas tempawan  
Hasil buminya yang kaya kurnia llahi  
Hasil minyak, bijih  
Dan pelbagai lagi  
Tanam-tanaman yang subur  
Ikan banyak di laut.

**Ini kata-kata penulis Inggeris, Anthony Burger**

**Dalam bukunya, 'Malaya Thrilogi'**  
**Memuji kemakmuran negaraku**  
**Yang gilang gemilang**  
**Hutan tropika yang meneduhkan**  
**Banjaran gunung ganang**  
**Yang memagari bumi tercinta ini**  
**Bukit Larut, Bukit Gantang.**  
**Banjaran Titiwanga**  
**Pantai yang landai**  
**Pulau sekitarnya yang santun**  
**Gunung Ledang yang melindungi Puteri Cantik**  
**Maka sebab itu rakyat sangat marah**  
**Apabila ada pencuri, penyamun**  
**Yang mencuri kekayaan negara.**  
**Membawa lari hingga ke hujung benua**  
**Kemarahan ini ditunjukkan**  
**Dalam pilihanraya umum yang lalu**  
**Mencetuskan perububahan**  
**Hidup rakyat, hidup rakyat.**

A Shukur Harun  
Subang Jaya, 4 Jun 2018

Kini rakyat menaruh harapan akan perubahan supaya kehidupan mereka lebih

baik. Namun mereka sedar kerajaan Pakatan Harapan berdepan dengan pelbagai masalah yang ditinggalkan oleh kerajaan lama. Terutama hutang yang bertimbun, tidak bernilai banyaknya, harga barang keperluan belum lagi turun, walaupun GST sudah tidak lagi dipungut, bagaimana hendak membawa pulang wang yang dilarikan oleh 'pencuri dan penyamun'.

Rasuh yang terbongkar satu demi satu, bersekala besar pula dan pelbagai masalah yang bermunculan. Sebab itu, rakyat diminta bersabar hingga masalah itu dapat diselesaikan, janji dalam manifesto dapat ditunaikan.

Kinipun ikrar 10 perkara yang hendak ditunaikan dalam masa sepuluh hari, sudah dapat 60 peratus dalam proses pelaksanaan. Bukan mudah hendak membaiki keroakan yang begitu parah. Ia mungkin memakan masa yang lama. Tetapi sabarlah.

Dalam masa yang sama kita gembira dan optimis melihat bahawa perkauman semakin ditinggalkan oleh rakyat. Di mana-manapun, rakyat pelbagai kaum menyalut dan merayakan kemenangan PH.

# Menteri Kesihatan tidak campuri siasatan SPRM

**K**EMENTERIAN Kesihatan tidak akan mencampuri siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung isu monopoli bekalan ubat-ubatan di negara ini.

Menterinya, Dr Dzulkefly Ahmad berkata, beliau sebaliknya menyerahkan kepada agensi itu untuk siasatan lanjut.

"Kita izinkan SPRM menjalankan tugas mereka dan biarlah undang-undang itu memainkan peranannya sendiri."

"Saya tidak boleh menyebut siapa individu terlibat kerana mahu SPRM membuat siasatan. Kita hanya tunggu masa," katanya selepas program Bicara Minda bersama Menteri Kesihatan anjuran *Sinar Harian* di Shah Alam, 25 Jun lalu.

Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago pada 22 Jun lalu menggesa siasatan dibuat terhadap monopoli bekalan ubat-ubatan di Malaysia dan kemungkinan wujudnya unsur rasuah dalam kontrak yang diberikan.

Dalam hal berkaitan, Dzulkefly memberitahu, pihaknya akan menilai semula beberapa polisi berkaitan bekalan ubat

melalui ejen dan dakwaan mengatakan ia antara agenda Bumiputera yang diwujudkan sebelum ini.

"Itulah antara perkara yang akan kami perhatikan dalam menilai kembali polisi-polisi berkaitan."

"Kalau wujud ejen-ejen itu sebagai agenda Bumiputera, kami akan siasat apakah benar-benar Bumiputera yang untung atau beberapa kroni sahaja. Kita akan tangani perkara ini dengan baik," jelas Ahli Parlimen Kuala Selangor tersebut.

Mengulas lanjut, beliau berkata, Kementerian komited membuat penilaian semula untuk mencapai satu cara perolehan dalam rantaian perniagaan kesihatan supaya akhirnya kos perolehan ubat dan keperluan hospital tidak begitu tinggi.



Dr Dzulkefly Ahmad

"Kita beli secara pukal kuasa dan tawaran akan lebih baik. Dengan itu, kos akan turun sekali gus dan pastinya isu monopoli akan dapat ditangani dengan berkesan," katanya yang juga Pengarah Strategi AMANAH.

Baru-baru ini, dokumen 12 halaman mendedahkan senarai 20 syarikat yang didakwa memonopoli bekalan ubat-ubatan di Malaysia.

Lima masalah kritikal yang akan diatasi Kementerian Kesihatan

- 1 Kesesakan di hospital dan klinik.
- 2 Tempoh masa panjang untuk pesakit mendapatkan rawatan daripada pakar perubatan.
- 3 Tempoh menunggu untuk mendapatkan penyelesaian penyiasatan.
- 4 Gangguan terhadap bekalan perubatan.
- 5 Peningkatan kos perubatan di sektor swasta.

Beberapa individu dikenali turut disebut termasuk bekas menteri, ahli keluarga diraja, pegawai tinggi Felda dan bekas duta di Amerika Syarikat.

Didakwa juga terdapat sebuah syarikat yang dikaitkan dengan ahli politik kerajaan sebelum ini yang mengawal bekalan ubat-ubatan kepada kerajaan mencecah berbilion ringgit.

Syarikat tersebut didakwa memonopoli beberapa jenis ubatan yang boleh meningkatkan harga kos untuk diedarkan kepada hospital kerajaan dan klinik.

Pada era kerajaan BN sebelum ini, Kementerian Kesihatan dikatakan memberi tender kepada syarikat monopoli terbaik dengan anggaran hampir RM4 bilion sepanjang 2013 hingga 2016.

## Layak undi 18 tahun seiring agenda reformasi

**PEMUDA** AMANAH Nasional menyokong sepenuhnya cadangan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad untuk menukar had umur layak mengundi kepada 18 tahun berbanding 21 tahun pada masa ini.

Ketua, Mohd Sany Hamzan berkata, cadangan itu seiring dengan agenda reformasi yang diperjuangkan pihak pembangkang sebelum ini sebelum diberi mandat oleh rakyat untuk mentadbir negara pada 9 Mei lalu.

"Kelayakan mengundi pada umur 18 tahun juga selari dengan had umur kematangan rakyat di negara ini. Cadangan tersebut seiring dengan peredaran zaman yang menuntut kepada perubahan dan pembaharuan semasa."

"Rakyat khususnya golongan muda perlu menceburkan diri untuk mencorakkan masa depan negara secara tidak

langsung apabila mereka mempunyai hak untuk memilih kepimpinan yang ingin diberi mandat mentadbir negara," katanya dalam satu kenyataan, 25 Jun lalu.

Sehubungan itu, pihaknya menyifatkan langkah tersebut sangat ideal untuk diperlakukan sekarang memandangkan wujudnya perubahan kematangan berfikir golongan muda di negara ini.

"PRU-14 menatijahkan kesedaran dan kematangan politik golongan muda yang sangat cakna terhadap betapa pentingnya politik dan kuasa mengundi bagi sebuah negara mencorakkan pentadbiran yang mereka inginkan."

"Had layak mengundi di umur 18 tahun bukanlah satu perkara yang asing sebaliknya telah dilaksanakan di

negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia dan Asia Tenggara seperti Thailand, Indonesia dan Filipina.

"Malaysia sebagai nama besar di Asia Tenggara sewajarnya mengikut pembaharuan yang dilakukan oleh negara jiran dan usaha mempertingkatkan kualiti demokrasi," jelasnya.

Sany berkata, agenda yang telah lama diperjuangkan itu dalam usaha menyburkan demokrasi di Malaysia sangat



Sany Hamzan

tepat dilaksanakan pada masa ini dengan mandat yang telah diberikan rakyat.

"Dalam perkembangan berkaitan, kami menegaskan agar kerajaan komited untuk melaksanakan pendaftaran mengundi secara automatik apabila sampai umur layak mengundi."

"Perlaksanaan ini sangat penting bagi memudahkan rakyat Malaysia untuk menjadi seorang yang layak mengundi terutama pengundi kali pertama."

"Pemuda AMANAH Nasional juga sangat yakin dengan komited untuk meningkatkan kualiti demokrasi serta memartabahkan kuasa dan hak rakyat di negara ini," tambahnya lagi.

Untuk rekod, terdapat 41 peratus atau 6.09 juta pengundi muda berusia 21 hingga 40 tahun yang berdaftar sebagai pemilih pada PRU-14, 9 Mei lalu.

## Saran tuntut jawi dilaksana, Guan Eng juga punya hak

**KETUA** Penerangan Wanita Pakatan Harapan, Aiman Athirah Al Jundi menyarankan agar masyarakat berjuang menuntut pelaksanaan semula pembelajaran tulisan jawi.

Bahkan, ujar Jawatankuasa Pimpinan Nasional AMANAH itu, rakyat boleh turut mencadangkan agar diwujudkan inisiatif Kerajaan untuk memberikan pendidikan kemahiran menguasai pelbagai bahasa secara percuma.

Jelasnya, hal tersebut termasuk bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa Tamil dan bahasa Arab.

"Rakyat yang menguasai kemahiran pelbagai bahasa akan sama-sama menaikkan dan memajukan negaranya," ujarnya dalam satu kenyataan, 25 Jun lalu.

Mengulas kontroversi tindakan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng menggunakan bahasa Mandarin dalam kenyataan rasmi kerajaan, Athirah berkata, terjemahan bahasa itu di Facebook pemimpin DAP berkenaan khusus untuk menyantuni segmen tertentu.

"Berdasarkan kenyataan media secara lisannya, ia akan bermula dengan

menggunakan bahasa Malaysia kemudian bahasa Inggeris.

"Seterusnya, setiap kenyataan media beliau akan disusuli dengan edaran salinan tiga bahasa iaitu bahasa Malaysia, bahasa Inggeris dan bahasa Cina."

"Saya percaya ia satu usaha yang baik oleh seorang Menteri, apa lagi akhbar yang akan siar berita berkaitannya juga daripada tiga bahasa itu. Setiap satu ada segmen pembacanya."

"Mungkin, kebetulan posting itu jika benar daripada LGE (Lim Guan Eng), ia dibuat khusus untuk menyantuni

segmen tertentu," ujarnya.

Athirah berpendapat Guan Eng mempunyai hak berbuat demikian memandangkan media sosial itu adalah atas kapasiti peribadi.

"Itu sebahagian daripada haknya yang perlu kita raikan. Bukankah setiap dari pada kita secara individu, punya hak masing-masing?"

"Kedudukannya sebagai seorang Menteri Kewangan tidak sewajarnya merampas haknya untuk menulis dan bertutur dalam bahasa ibundanya," tambah Athirah lagi.


# ANAK temui pakar, pejuang hak Felda

**T**IMBALAN Presiden Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (ANAK), Nasaie Ismail berkongsikan pengalamannya bertemu dengan dua tokoh pakar baru-baru ini yang dilihat menyumbang banyak idea bagi kemajuan tanah rancangan itu.

Menurutnya, Dr Rosli Yaakob terlibat secara langsung membela peneroka Felda Sendayan Negeri Sembilan yang teraniaya apabila tidak dibayar sepenuhnya wang hasil pengambilan tanah mereka untuk pembangunan pada 1990-an.

"Beliau penasihat ekonomi ANAK sejak 2010. Lulusan PhD Ekonomi dari Amerika ini pernah berkhidmat dengan Bank Negara selama 18 tahun (1975-1994) sebelum aktif sepenuh masa dalam dunia perniagaan.

"Beliau menjadi CEO dan pengarah kepada beberapa syarikat tersenarai di Bursa Saham Malaysia, salah seorang pengasas dan CEO Tabung Haji Bangladesh (2006-2011), pensyarah ekonomi di Universiti Malaya dan Unisel," dalam satu kenyataan.



Dr Rosli (kanan) akan cuba menyiasat aset Felda yang hilang bagi dikembalikan kepada warga Felda.

Nasaie memberitahu, kebanyakan analisa Dr Rosli sebelum ini berkaitan kes penyeraian FGV tepat dan telah pun berlaku.

"InsyaAllah beliau sedia terlibat secara

langsung dalam menyiasat secara menyeluruh kehilangan wang dan aset Felda bagi mengembalikan hak hak peneroka dan warga Felda serta melakukan reform terha-

dap pentadbiran Felda," jelasnya.

Sementara itu, ujar Nasaie, pelbagai pandangan berasas diperoleh hasil daripada pertemuan dengan Zul Idris yang merupakan anak peneroka Felda dan pakar dalam bidang Bioinorganic Chemistry itu.

Beliau berkata, anak penoreh getah dari Felda Jengka 16 itu merupakan lulusan PhD dari Oxford University salah satu universiti terbaik di dunia.

"Kepakaran beliau itu kini digunakan oleh kerajaan Norway apabila beliau diterima berkhidmat sebagai penyelidik di sebuah universiti di Norway sejak enam tahun lalu.

"Banyak buah fikiran beliau dalam memajukan Felda pada masa hadapan, khususnya dalam memperkembangkan industri hiliran dan sumber sumber baru, isu perubahan iklim dan Paris Agreement serta politik sebahagian negara Eropah dalam isu alam sekitar dan penguasaan ekonomi.

"InsyaAllah semoga kepakaran mereka akan berguna kepada masa depan Malaysia," tambah Nasaie lagi.

## Felda tenat berhutang RM9 billion

**PERJALANAN**  
panjang ke Bandar Penawar, Johor pada 24 Jun lalu. Mesyuarat Persatuan Anak Peneroka Felda (ANAK) di Tanjung Balau berserta beberapa program



**PENDAPAT**  
**NASAIE ISMAIL**

melibatkan Majlis Muafakat NGO Felda di Felda Tunggal, Felda Sening dan ziarah ke Felda Semenchu.

Sesi ini diamanahkan sebagai Timbalan Presiden ANAK dan juga Pengurus Jawatankuasa Khas Mereformasikan Felda. Tugas yang berat melibatkan lebih dua juta warga FELDA yang terdiri lebih 112,000 keluarga peneroka yang sudah masuk ke generasi ketiga dan keempat beserta keluarga kakitangan Felda.

Seluruh negara mempunyai lebih 300 buah rancangan (perkampungan) Felda yang dibahagikan kepada 15 buah wilayah. Pahang negeri terbesar Felda melibatkan wilayah Jengka (37 buah Felda), wilayah Kuantan dan wilayah Mempaga.

Berikutnya, Felda di Johor melibatkan wilayah Johor Bharu sekitar 44 Felda, wilayah Segamat, 42 Felda, Felda di Negeri Sembilan (Wilayah Raja Ali) dan di negeri negeri lain termasuk Felda Sahabat di Sabah.

Kebanyakan peneroka Felda

memiliki sekitar 8 hingga 10 ekar tanah perladangan yang majoritinya ditanam sawit dan sebilangan di tanam getah.

Sebagai agensi pem-

bangunan tanah terbesar di dunia, kewangan Felda sejak awal penubuhannya dibantu oleh kerajaan khususnya kos-kos pentadbiran yang melibatkan jumlah lebih RM1 bilion setahun.

Bermula sekitar awal 90-an, kerajaan membuka lebih 300,000 hektar tanah perladangan sawit di seluruh negara bagi menampung kos pentadbiran Felda bagi memberi ruang kepada Felda berdikari tanpa bergantung kepada kerajaan lagi.

Tanah tanah yang ditanam sawit ini diuruskan oleh anak syarikat Felda iaitu Felda Plantation dan memperolehi pendapatan sekitar RM1 bilion setahun.

Lebih menarik lagi peneroka, kakitangan Felda dan keluarga mereka turut mendapat keuntungan daripada Felda Plantation ini melalui pegangan saham mereka dalam Koperasi Permodalan Felda (KPF) yang merupakan salah satu pemegang saham utama Felda Plantation.

KPF yang dimiliki warga Felda berada di kedudukan pertama



Penyeraian FGV mengundang tragedi hitam kepada warga Felda apabila RM4.3 billion lesap.

koperasi terbaik di Malaysia untuk beberapa tahun dengan dividen tahunan sekitar 15 peratus setahun.

Selain Felda Plantation, KPF juga pemegang saham utama beberapa anak syarikat Felda yang lain yang bernaung dibawah Felda Holding.

Ia satu bentuk model pembangunan masyarakat dan perniagaan terbaik kerana peneroka bukan sekadar menyumbang hasil sawit dan getah mereka kepada Felda, tetapi mereka juga adalah pemilik kilang kilang, lorilori dan sebahagian besar perniagaan Felda melalui pegangan mereka dalam KPF.

Namun, kesemua kisah indah ini hanya tinggal mimpi buat warga Felda. Apabila pemerintah yang lalu berusaha keras untuk menyeraikan Felda Global Ventures (FGV) di Bursa Malaysia, kebanyakan anak anak syarikat

Felda yang berkeuntungan besar itu diserahkan kepada FGV khususnya Felda Plantation.

Felda menerima sekitar RM6 bilion hasil penyeraian tersebut beserta sekitar RM250 juta setahun. Ia satu tragedi hitam buat warga Felda apabila mereka kehilangan sumber utama kewangan Felda dan juga keuntungan KPF sebelum ini.

Jumlah RM250 juta setahun jauh daripada mencukupi keperluan tahunan kewangan Felda. Begitu juga dengan KPF yang tidak mampu lagi membayar dividen yang tinggi seperti sebelumnya.

Manakala sekitar RM1.7 bilion daripada wang hasil penyeraian berjumlah RM6 bilion itu diguna untuk memberi edurian runtuh kepada peneroka sebanyak RM15,000 setiap orang. Berbaki RM4.3 bilion yang sepatutnya digunakan oleh Felda

untuk memulakan perniagaan atau pelaburan baru.

Seri jatuh ditimpah tangga, setelah hilang pegangan terhadap aset berharga mereka iaitu Felda Plantation, wang hasil penyeraian yang berbaki sebanyak RM4.3 bilion itu juga dimaklumkan sudah habis dibelanjakan. Ke mana pergi RM4.3 billion tersebut?

Daripada agensi yang mempunyai berbilion simpanan wang, Felda kini terpaksa meminjam daripada beberapa institusi kewangan dan sebahagian perbelanjaan mengurusnya terpaksa dibayar oleh pihak kerajaan kembali sebagaimana asalnya dahulu termasuklah wang hari raya yang lalu sejumlah RM50 juta ditanggung oleh pihak kerajaan.

Hari ini kedudukan kewangan Felda tenat. Hutang Felda sudah berjumlah RM9 billion. Peneroka-peneroka berdepan isu pengurusan ladang dan hutang tanam semula yang tinggi. Suka tidak suka, kesemua ini perlu diselesaikan oleh pemerintah baru.

Siri-siri seterusnya akan dihuraikan tentang ke mana perginya wang RM4.3 bilion itu dibelanjakan, isu hutang peneroka dan penyelesaiannya, FGV dan reformasi pentadbiran Felda.

**Penulis ialah Timbalan Presiden ANAK merangkap Pengurus Jawatankuasa Khas Mereformasikan Felda.**

# Tarik balik kenyataan tidak tepat, kata Anuar

**S**ETIAUSAHA Agung AMANAH, Anuar Tahir menuntut portal BH Online menarik balik laporan yang dianggapnya mengelirukan berhubung penyebaran senarai pelantikan Naib Presiden AMANAH Dr Ahmad Termizi dalam barisan kabinet Pakatan Harapan (PH) yang tular di media sosial.

Ahli Parlimen Temerloh berkenaan berkata, laporan bertajuk "AMANAH persoal pemilihan Dr Ahmad Termizi" yang diterbitkan pada 26 Jun lalu telah mendorong kepada tanggapan negatif ke atasnya, AMANAH dan nama baik individu terlibat.

"Saya mendapati laporan yang metik nama saya itu adalah tidak tepat dan sangat mengelirukan."

"Saya hanya ada mengeluarkan ke-nyataan umum dalam konteks merujuk kepada senarai tambahan ahli kabinet



**Saya hanya ada mengeluarkan kenyataan umum dalam konteks merujuk kepada senarai tambahan ahli kabinet yang ditularkan dan ia belum muktamad selagi belum ada pengumuman rasmi dari Perdana Menteri..."**

yang ditularkan dan ia belum muktamad selagi belum ada pengumuman rasmi dari Perdana Menteri," ujarnya dalam satu kenyataan.

Sehuhungan itu, Anuar berharap agar BH Online menarik balik laporan tersebut agar kekeliruan yang berlaku dapat dirungkaikan.

Laman BH

Online, 26 Jun lalu melaporkan Anuar mempertikai kewujudan nama Ahmad Termizi dalam senarai Kabinet baharu yang belum rasmi itu.

Katanya, ini kerana Ahmad Termizi bukan Ahli Parlimen dan AMANAH masih mempunyai dua Naib Presiden yang layak untuk disenaraikan dalam Kabinet baharu itu.



The screenshot shows a news article from BH Online. At the top, there's a logo for 'BH ONLINE' with a red 'B'. Below it, a navigation bar includes 'BERITA', 'PIASA DUNIA', 'SUKAN', 'DUNIA', 'HIBURAN', 'BISNES', 'RENCANA', 'WANITA', and 'HJUNG MINGGU'. The main headline reads 'AMANAH persoal pemilihan Dr Ahmad Termizi'. Below the headline is a photo of a man with glasses and a beard, wearing an orange shirt with 'AMANAH' on it. The caption under the photo says 'Dr. Ahmad Termizi Ramli. - Foto Abdullah Yusof'. There are also social media sharing icons for Facebook, Twitter, and Google+.

Keratan berita portal BH Online pada 26 Jun lalu.

## Pamerkan akhlak, kasih sayang bukan kasar menghukum

Oleh RAJA SHAMRI RAJA HUSIN

**JEPUN** negara mereka lebih Islam daripada kebanyakan negara Islam. Demikian kata seorang ulama. Jepun lagilah langsung tiada wakil rakyat Islam.

Sepertimana kata arwah Ustaz Fadzil Noor, mantan Presiden Pas katanya, "Kita nak bina negara bukan nak buat pondok." Islam dan Melayu adalah sentimen perkauman dan agama yang ekstrem.

Masing-masing adalah sentimen warisan Jahiliyah yang dimainkan oleh mana-mana parti atau kumpulan di mana-mana negara sejak zaman Nabi lagi untuk menghalang pembangunan, perpaduan dan kefahaman dalam masyarakat majmuk seperti kita.

MCA dan MIC tidak pernah pun menandatangani persetujuan untuk menjamin hak agama Islam dan bangsa Melayu tetapi DAP yang dituduh anti Islam bersetuju dan telah pun tandatangan persetujuan untuk memelihara agama Islam dan hak orang Melayu.

Itu perkara paling asas bagaimana sentimen kebencian perkauman dimainkan agar perpaduan dalam negara jadi longgar dan isu sebenar rasuah dan salah guna kuasa dapat dialihkan kepada isu perkauman dan agama.

Islam itu agama. Penganutnya Muslim. Islam itu sempurna sepanjang zaman dan telah dijamin ke-

selamatannya oleh Allah selama-lamanya. Jangan khuatir.

Namun penganut Islam itu yang menjadi masalah. Ada Muslim yang baik, ada yang perogol tapi Muslim. Ada yang perompak tapi Muslim.

Nabi sendiri pernah melantik orang bukan Islam jadi Gabenor kerana dia sangat jujur. Itu tiada masalah (Kepimpinan Orang Bukan Islam : Esteem Academic Journal : Vol. 7, No. 2, 53-79, 2011).

Pernah terjadi pada zaman Khalifah Umar apabila salah seorang gabenorinya di Iraq, Abu Musa al-Ashcari telah melantik seorang Yahudi yang bernama Samir al-Yahudi sebagai setiausaha (katib) beliau.

Kepercayaan yang diberikan sehingga ke tahap beliau menyerahkan kepada Yahudi tersebut urusan-urusan yang membabitkan soal kewangan. Apabila isu tersebut diajukan kepada Khalifah, Sayyidina Umar memerintahkan Abu Musa memecatnya, tetapi beliau menolak arahan itu dengan alasan-alasan tertentu (Abdul Monir, 1999).

Antara alasan Abu Musa, pegawai berbangsa Yahudi itu mempunyai kepakaran dalam pentadbiran yang diperlukan dalam kerajaan Islam.

Dalam peristiwa al-Hudaibiyyah (6H/627M), Rasulullah SAW telah menghantar seorang perisik dari Bani Khuzaifah yang bukan

beragama Islam untuk memantau kekuatan pasukan Quraish. Lelaki itu dikenali sebagai Bishr ibn Su-fyan (al-Butbi, 1991).

Sewaktu tercedusnya peperangan Hunayn (8H/630), Baginda SAW telah meminjam 100 perisai daripada Safwan bin Umaiyyah yang masih lagi tidak memeluk Islam sewaktu itu (Al-Bayhaqi, 1994; Abi Dawud, 1988).

Sacid Ramadan (1991) dalam karangannya, menyatakan Rasulullah pernah menghantar seorang wakilnya yang bernama Amr bin Umaiyyah al-Damri yang belum memeluk Islam sebagai duta kerajaan ke negeri Habsyah.

Sikap toleransi yang lebih menarik lagi ditonjolkan oleh pemerintah Islam yang membuka beberapa kawasan seperti Mesir apabila mengekalkan pegawai-pegawai bukan Islam di jabatan masing-masing.

Di antara mereka ialah Minas yang sebelum itu dilantik oleh Heraclius sebagai pegawai di kawasan sebelah utara Mesir (Zaydan, 1982). Athnasius merupakan kalangan individu bukan Islam yang terkenal di Mesir sewaktu pemerintahan Bani Umaiyyah, yang bekerja di beberapa jabatan kerajaan sehingga ke peringkat pengarah kepada jabatan-jabatan kerajaan di Iskandariyyah.

Budaya melantik bukan Islam ke dalam jawatan kerajaan telah menjadi kebiasaan kepada pemerintah

Bani Umaiyyah sehingga boleh dikatakan jarang didapati jabatan yang tiada pekerja dari kalangan orang Kristian (Mat Saad, 1995).

Khalifah Abd. al-Malik bin Marwan (65-86H/685-705M) telah menyerahkan tugas mengeluarkan wang dirham semasa pemintahannya kepada seorang pembantunya yang bernama Samir al-Yahudi yang berketurunan dan beragama Yahudi (Sadiq Afifi, 1980)

Good Muslim dan bad Muslim adalah dua perkara yang jauh berbeza. Good non muslim dan bad non Muslim juga berbeza.

Marilah kita jadi seorang Muslim yang baik yang menyebarkan kasih sayang dan Islam bukan dengan menghukum dan bengis, kekerasan dan taksub melampau kerana Islam itu sebenarnya tersebar dengan akhlak dan kasih sayang.

Barulah orang bukan Islam akan mendekati kita. Ini tidak. Orang bukan Islam makin benci dan takut pada Islam. Walaupun selepas 60 tahun merdeka, mereka masih tidak faham Islam dan masih ramai yang membenci. Siapa yang salah?

Pastinya kita orang Islamlah yang salah sebab tidak bijak menyebarkan Islam. Kita tidak pamerkan akhlak dan kasih sayang sebagaimana Nabi. Kita asyik mahu menghukum dan kasar.

Prinsip utama dakwah Nabi kita jauh berbeza. Barulah non Muslim

akan mudah mendekati kita bukan berasa takut, makin menjauh dan benci pada kita.

Usah takut pada non Muslim yang ramai dalam Kabinet kerana Islam telah dijanjikan terpelihara bukan sekadar oleh perlembagaan tapi juga oleh Allah.

Allah berfirmah bermaksud, "Berapa banyak terjadi golongan yang sedikit dapat mengalahkan golongan yang banyak dengan izin Allah. Dan Allah beserta orang-orang yang sabar." (2:249)

Tidakkah kita belajar daripada kisah perang Badar? Jumlah atau kuantiti bukan ukuran kekuatan Islam. Takutlah kepada umat Islam dan anak-anak muda Islam yang ramai tidak solat subuh, biadab dengan ibubapa, merempit, menagih dadah dan melakukan jenayah pada usia muda.

Kalau kita jaga Islam dalam diri, insyaAllah Tuhan akan jaga kita. Kuasa dan pemerintahan akan automatik dalam rahmat Allah.

Tapi kalau kita ada kuasa dan pemerintah Islam yang ramai sekalipun, tanpa amalan dan akhlak, kasih sayang dan tauhid sebenar kepada Allah, maka kuasa dan pemerintahan yang kita ada itu hanyalah sementara. Allah akan tarik balik.

Sebagaimana kata Tuan Guru Nik Aziz, Allah akan bagi orang lain pula untuk jaga Islam. Dan kita sudah lihat hal itu berlaku banyak kali di beberapa tempat.

# Menteri Pertahanan lawat tentera Malay

**M**ENTERI Pertahanan Malaysia, Mohamad Sabu dan delegasi mengadakan lawatan kerja rasmi ke Lubnan bermula 20 sehingga 24 Jun 2018.

Beliau bersama delegasi Kementerian Pertahanan (Kementah) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) selamat tiba di Lapangan Terbang Rafiq Hariri.

Lawatan Kerja Rasmi ini dilaksanakan bersempena lawatan ulung beliau ke Lubnan dan Majlis Penyerahan APC Guardian kepada pasukan MALBATT.

Beliau yang turut diiringi oleh Jeneral Tan Sri Datuk Seri Panglima Zulkifli Zainal Abidin, Panglima Angkatan Tentera, Datuk Junaidah Kamarrudin, TKSU (Dasar) Laksamana Madya Datuk Mohd Reza Mohd Sany, Panglima Angkatan Bersama serta delegasi telah melawat resideni Duta Besar Malaysia ke Lubnan iaitu Mohd Aznor Mahat pada 21 Jun 2018.

Pada hari yang sama juga, Menteri

Pertahanan telah membuat kunjungan hormat kepada Yacoub Riad Al Sarraf iaitu Menteri Pertahanan Lubnan di bangunan Kementerian Pertahanan Lubnan.

Dalam rangka jadual lawatan pada 22 Jun 2018, Menteri Pertahanan bersama delegasi telah tiba di UNP 2-1, Kem Marakah.

Mohamad Sabu telah menerima tabik hormat semasa perbarisan menteri dan seterusnya merasmikan penyerahan sembilan buah APC Guardian kepada MALBATT.

Acara diteruskan dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama Warga MALBATT 850-5 bertempat di Dewan Jun Sang, Kem Marakah.

Dalam hari yang sama juga, Mohamad telah membuat kunjungan hormat kepada Komander UNIFIL Mejai Jeneral Michael Beary, bertempat di Markas UNIFIL di Naqoura dan meneruskan acara Sambutan Raya di Kem Tibnin.



Mohamad Sabu berucap seterusnya merasmikan penyerahan sembilan buah APC Guardian kepada MALBATT.



Mengadakan perbincangan dengan pihak berkuasa Lubnan.



Lawatan Kerja Rasmi ini dilaksanakan bersempena lawatan ulung beliau ke Lubnan dan Majlis Penyerahan APC Guardian kepada pasukan MALBATT.



Suasana ceria sempena kunjungan Menteri Pertahanan yang baharu.

# Lawatan ke Lubnan Malaysia di bawah PBB



Mohamad Sabu bersama Warga MALBATT 850-5.

Lawatan Mohamad Sabu turut diiringi Jeneral Tan Sri Datuk Seri Panglima Zulkifli Zainal Abidin, Panglima Angkatan Tentera, Datuk Seri Muinaidah Kamarrudin, TKSU (Dasar) Laksamana Madya Datuk Mohd Reza Mohd Sany, Panglima Angkatan Bersama.



Upacara menerima tabik hormat.



Meninjau keadaan penempatan tentera Malaysia di Lubnan.



Membuat kunjungan hormat kepada Yacoub Riad Al Sarraf iaitu Menteri Pertahanan Lubnan di bangunan Kementerian Pertahanan Lubnan.

# Kenyataan rasmi hanya dalam bahasa Melayu

**Kelolaan ARIF ATAN**

**MANA-MANA** kementerian hanya perlu mengeluarkan sebarang kenyataan rasmi dalam bahasa Melayu sahaja seperti yang dipraktikkan sebelum ini, tegas Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Mohd Sany Hamzan.

Menurutnya, hal tersebut sudah cukup mewakili keseluruhan kaum di negara ini dan selari dengan penegasan Pakatan Harapan (PH) melalui Buku Harapan dalam usaha memastabatkan penggunaan Bahasa Melayu sejajar dengan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan.

"Penegasan itu adalah bukti komitmen Kerajaan Persekutuan yang baharu ini untuk mengangkat semangat perpaduan dan mengiktiraf keagungan Bahasa Melayu di dalam negara ini."

"Lantaran itu, Pemuda AMANAH Nasional turut bertanggungjawab melahirkan rasa kesal terhadap polemik yang sedang berlaku melibatkan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng," ujarnya dalam satu kenyataan mengulas tindakan pemimpin DAP itu mengeluarkan kenyataan rasmi dalam bahasa Cina.

Sany berkata, semua pihak terutama kemen-



terian dan agensi yang bernaung di bawah kerajaan perlu mematuhi ketetapan berkaitan penggunaan bahasa Melayu dalam urusan rasmi kerajaan.

Sehubungan itu, beliau berpendapat penggunaan bahasa Mandarin itu tidak wajar dipertah-

ankan mana-mana pihak kerana bercanggah dengan semangat yang dibawa oleh Kerajaan Persekutuan dalam membawa Malaysia Baru.

"Pemuda AMANAH Nasional mengharapkan agar seluruh pimpinan dan parti pemerintah mendukung komitmen untuk membina Malaysia

Baru yang benar-benar baharu," tegasnya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Taman Templer di Selangor berkenaan berkata, Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) menatijahkan perubahan besar yang dituntut oleh rakyat terhadap pemerintahan negara.

"Perubahan itu bukan sekadar berkisarkan tentang perubahan tampuk pemerintahan semata-mata, tetapi tajdid atau pembaharuan dasar negara selari dengan negara pelbagai kaum dan agama di negara ini," jelasnya.

Mengulas lanjut, Sany menyifatkan sentimen perkauman yang sering dicanduakan pemerintahan lalu tidak lagi mendapat tempat di hati rakyat dan terbukti dizahirkan melalui keputusan pada 9 Mei lalu.

"Rakyat tanpa mengira kaum dan agama melakukan sejarah menjatuhkan kerajaan yang telah berkuasa puluhan tahun."

"Ini kerana rakyat sangat yakin dengan pembaharuan yang mahu dilakukan oleh Pakatan Harapan dengan berpaksikan semangat perpaduan dengan menentang fahaman perkauman yang dimainkan oleh Barisan Nasional selama ini," tambahnya lagi.

## Wakil rakyat BN lompat parti ada agenda

**P**emuda AMANAH Negeri Perak mengingatkan agar mana-mana parti komponen Pakatan Harapan (PH) tidak memberi peluang dan ruang kepada pemimpin BN yang melompat parti.

Pengarah Komunikasinya, Muhammad Faez Azahar berkata, penerimaan terhadap mereka dibimbangi akan memberi impak negatif di mata rakyat dan kesan buruk kepada PH yang mahukan kerajaan ini berintegriti dan berkualiti.

"Kami berharap parti komponen PH mempertahankan prinsip dan arahan Pengurus Pakatan Harapan, Tun Dr Mahathir Mohamad yang tidak mahu parti kerajaan lama dipimpin BN mempengaruhi kerajaan baharu pimpinan PH.

"Ini kerana jelas Tun, rakyat tidak boleh menerima pemimpin-pemimpin seperti ini berada di dalam kerajaan dan oleh yang demikian mereka boleh keluar parti dan menyokong kerajaan tetapi mereka tidak akan jadi parti kerajaan," tegasnya.

Menurutnya, rakyat tidak menyambut positif kemasukan dan sokongan mereka kepada kerajaan baharu PH kerana dilihat mempunyai agenda dan kepentingan tertentu.

Walau bagaimanapun, katanya, keadaan itu berbeza dengan tindakan berani kepimpinan Umno-BN yang keluar dari parti itu sebelum PRU-14 dan berjuang bersama pimpinan PH hingga menatijahkan kemenangan yang diperoleh ketika ini.

Beliau mengulas tindakan Ahli Parlimen Bagan Serai, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali yang mengumumkan keluar Umno pada 24 Jun lalu sekali gus menjadi wakil rakyat Bebas serta memberi bayangan untuk menyertai parti komponen PH dalam masa terdekat.

Menurutnya, Pemuda AMANAH Negeri Perak menerima khabar tersebut dengan penuh keraguan memandangkan umum diketahui kenyataan dan tindakan Noor Azmi sebelum ini langsung tidak mencerminkannya seorang pemimpin yang bersama denut hati nadi rakyat.



**Muhammad Faez Azahar**

Untuk rekod, Noor Azmi mengekalkan kerusi Parlimen Bagan Serai dengan majoriti nipis 172 undi pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) lalu mengalahkan calon Pas, Rohaya Bakar dan calon PKR, Adam Asmuni.

"Sebelum ini, beliau (Noor Azmi) lantang menyerang dan mengutuk tindakan PH memperjuangkan isu-isu rakyat termasuklah mendesak pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST).

"Beliau dikenali sebagai seorang pemimpin paling lantang mempertahankan GST biarpun seperti yang diketahui serta dihadapi rakyat bahawa GST adalah satu cukai yang sangat membebankan kerana menyebabkan rakyat terhimpit dengan kenaikan kos hidup," bidasnya.

### DANGKAL

Lanjut, Faez berkata, kenyataan Noor Azmi di Parlimen pada 28 Mei 2015 antaranya mendakwa kerajaan tidak memaksa rakyat untuk membayar GST.

"Beliau menggesa rakyat membeli barang yang tidak dikenakan GST jika tidak mahu membayar cukai itu. Kenyataan tersebut sangat melucukan sedangkan pada hakikatnya, banyak barang keperluan harian tidak terlepas dikenakan cukai yang sangat menjerut itu."

"Pada 30 Oktober 2017, beliau turut mengeluarkan kenyataan dangkal di Parlimen dengan mendakwa GST tidak pernah menyusahkan rakyat sebaliknya pembangkang iaitu PH ketika itu memberi gambaran salah."

"Kenyataan tersebut mendapat tentangan hebat daripada Ahli Parlimen PH kerana hakikatnya rakyat khususnya di kawasan Bagan Serai itu sendiri sangat terbeban dengan cukai tersebut."

"Contoh-contoh daripada pelbagai lagi kenyataan yang pernah dikeluarkan oleh Noor

Azmi sebelum PRU-14 membuktikan beliau bukanlah seorang tokoh yang mempunyai prinsip," tegasnya.

Sehubungan itu, Faez menyifatkan tindakan Noor Azmi menyokong dan menyertai PH amat disyaki mempunyai agenda tertentu lantaran bukan atas dasar kepentingan rakyat dan negara.

Noor Azmi menyuarakan hasrat untuk menyertai Bersatu dan mendakwa tindakannya keluar Umno kerana wujudnya unsur sabotaj dari Umno Bagan Serai.

Keputusan meninggalkan Umno itu kemudiannya disusuli Ahli Parlimen Bukit Gantang, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal pada 27 Jun lalu sekali gus menyebabkan Umno hanya berbaki 52 kerusi Parlimen.



**BUDAYA KEDAH...** Exco Belia & Sukan, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, Asmirul Anuar Aris yang juga Ketua Pemuda AMANAH Kedah berbual dengan antara peserta budaya sempena majlis Ilmu Dan Tertib anjuran Lembaga Muzium Negeri Kedah di Balai Seni Alor Setar, 25 Jun lalu.

# 429,945 peminjam PTPTN ‘diputihkan’

Kelolaan ARIF ATAN

**BEBAS** daripada sekatan perjalanan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (Imigresen) sekali gus boleh ke luar negara sejak awal Jun lalu. Itu status terkini 429,945 peminjam apabila ‘diputihkan’ Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Pengerusinya, Wan Saiful Wan Jan berkata, proses mengeluarkan nama 429,945 peminjam daripada senarai hitam perjalanan itu selesai sepenuhnya seminggu lebih awal daripada tarikh dijangka iaitu 15 Jun.

Bagaimanapun, beliau meminta mereka yang dikeluarkan daripada senarai hitam itu agar terus membayar hutang pinjaman pendidikan masing-masing.

“Tindakan ini bagi memenuhi manifesto 100 hari kerajaan Pakatan Harapan (PH) pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) iaitu memansuhkan dasar (sekatan perjalanan itu),”



katanya pada sidang media di Menara PTPTN, Megan Avenue II, Jalan Yap Kwan Seng, Kuala Lumpur pada 26 Jun lalu.

Sehubungan itu, jelasnya, kaunter PTPTN di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) ditutup sepenuhnya berkuat kuasa 1 Julai ini.

Wan Saiful berkata, pembayaran balik pinjaman pendidikan secara konsisten akan memastikan peminjam tidak mempunyai hutang tertinggak selain rekod mereka bersih dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRS).

Selain rekod CCRS yang bersih, katanya, peminjam PTPTN yang membuat pembayaran lebih awal akan mendapat penjimatan pinjaman ujrah sebanyak 1 peratus selain



Peminjam digalakkan terus membuat pembayaran walaupun gaji belum mencapai RM4,000 bagi mengelakkan rekod buruk dalam CCRS.

diskuun 20 peratus untuk bayaran penuh atau 10 peratus untuk bayaran

50 peratus daripada baki hutang dalam sekali bayaran.

CCRS adalah sistem berpusat yang dibangunkan Bank Negara Malaysia (BNM) bagi mengumpul dan menyimpan semua data berkaitan kredit atau hutang milik individu atau syarikat dengan bank serta institusi lain dan menjadi rujukan semua institusi kewangan atau penyedia kredit di Malaysia.

Ditanya mengenai manifesto PH untuk menangguhan pembayaran balik pinjaman PTPTN kepada semua peminjam yang bergaji kurang daripada RM4,000 sebulan, beliau berkata, peminjam terbabit perlu meneruskan pembayaran balik sehingga satu pengumuman rasmi dibuat PTPTN pada Ogos nanti.

Untuk rekod, Wan Saiful, yang juga bekas Ketua Pegawai Eksekutif Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (Ideas), menggantikan Ahli Parlimen Lenggong Datuk Shamsul Anuar Nasarah sebagai pengurus PTPTN berkuat kuasa 18 Jun lalu.

## Pengurusan hutan era Malaysia Baharu

Oleh **PROF EMERITUS DATUK DR IBRAHIM KOMOO**

**M**alaysia mempunyai kawasan hutan dan guna tanah pertanian yang sangat luas. Masyarakat luar kagum dengan suasana kehijauan dan sering memuji keindahan alam di negara ini. Luas kawasan hutan sahaja hampir lima juta hektar berbanding luas Semenanjung Malaysia iaitu 13.18 juta hektar.

Bezigupun, kumpulan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat prihatin masih tidak berpuas hati dengan kedudukan pemuliharaan hutan dan kemerosotan kualiti alam sekitar negara. Pembukaan dan pembalakan hutan yang berleluasa menyebabkan kepelbagai biologi terancam, sungai utama tercemar dan kes bencana banjir dan tanah runtuh terus meningkat.

Pengurusan hutan adalah berpandukan kepada Akta Perhutanan Negara 1984, dan dikemas kini beberapa kali selepas itu. Prinsip kepada pengurusan hutan adalah mengurus hutan simpan kekal yang sebahagian besarnya dikelaskan sebagai hutan pengeluaran atau hutan boleh dibalak. Pada masa ini, hanya 1.93 juta hektar hutan dilindungi berbanding 2.99 juta hektar hutan pengeluaran.

Pertembungan pegangan antara pegawai mengurus hutan dan NGO



yang memperjuangkan kepentingan alam sekitar adalah bagaimana untuk mengimbangi tuntutan pengeluaran hasil hutan secara lestari, mengekalkan perkhidmatan ekosistem hutan untuk kehidupan dan kepentingan memulihara kepelbagai biologi sebagai warisan alam sejagat.

Perbincangan untuk mencari titik pertemuan berlangsung beberapa dekad lamanya, kami merasakan inilah masanya, sempena wawasan Malaysia Baharu, kita mencari satu jalan penyelesaian jangka panjang bagi menyalut maksud sebenar pembangunan lestari.

Sebetulnya, Akta Perhutanan yang melahirkan entiti hutan simpan kekal adalah penyelamat guna tanah hutan di Semenanjung Malaysia, jika tidak, lebih banyak kawasan hutan telah ditukar menjadi kawasan pertanian,

penempatan dan pembangunan industri.

Bezigupun, sebahagian besar daripada hutan telah dan sedang dibalak mengakibatkan ia bertukar menjadi hutan sekunder, kehilangan kepelbagai biologi, meningkatkan kadar hakisan tanah dan tanah runtuh, dan mencemar ekosistem sungai.

Sungguhpun terdapat peraturan dan sistem pengeluaran yang bersifat lestari, pada hakikatnya, aktiviti pembalakan semasa merosak ekosistem hutan dan mencemar alam sekitar.

Secara prinsipnya, ekosistem hutan mempunyai tiga fungsi utama iaitu mengekalkan fungsi habitat asli (alam sekitar); memulihara warisan kepelbagai biologi; dan menghasilkan sumber hutan. Pengurusan hutan semasa yang memberikan penekanan berlebihan kepada pengeluaran sumber hutan (pembalakan) telah menimbulkan banyak masalah alam sekitar, semakin kurang relevan dan perlu dinilai semula.

Fungsi hutan terpenting adalah menyediakan perkhidmatan alam sekitar. Hutan tадahan hujan berperanan membekalkan sumber air bersih, di kawasan perbukitan dan pergunungan hutan mengawal hakisan tanah dan bencana alam, di kawasan pinggir bandar hutan penting untuk mengawal suhu dan menyediakan air bersih.

Hutan yang mengandungi air terjun dan jeram atau landskap

berpandangan indah perlu dipelihara sebagai kawasan rekreasi. Hutan perkhematan alam sekitar ini perlu dikenal pasti dan dipetakan semula bagi tujuan pemuliharaan. Hutan ini perlu dikelaskan sebagai hutan bukan pengeluaran.

Warisan alam, khususnya kepelbagai biologi unik perlu dikenal pasti dan diurus daripada perspektif khazanah negara (warisan budaya). Pada masa ini, masyarakat hanya mengenali barisan budaya daripada perspektif tinggalan sejarah tamadun bangsa meliputi tapak arkeologi, sejarah, bangunan lama dan objek berkaitan budaya dan tradisi sahaja.

Kepelbagai biologi istimewa masih dianggap sebagai sumber asli. Kajian yang mendalam diperlukan untuk mengenal pasti spesies, habitat dan ekosistem unik mewakili warisan alam (budaya) dan komponen ini perlu dipelihara daripada perspektif tapak terpelihara, biotapak dan taman negeri dan negara.

Hutan sebagai sumber asli penting sebagai sumber ekonomi kerajaan negeri. Usaha ini masih perlu diteruskan dan kelemahan semasa, terutamanya degradasi alam sekitar perlu ditangani. Kita boleh belajar daripada negara maju, iaitu berganjak daripada pengurusan hutan pengeluaran kepada wawasan hutan pertanian.

Secara beransur-ansur dan berdasarkan kesesuaian, sebahagian daripada hutan pengeluaran boleh dijadikan hutan pertanian, sama

seperti konsep jelapang padi, kawasan tanaman getah dan kelapa sawit.

Saya tertarik dengan pengalaman lawatan ke Slovenia beberapa tahun lalu. Kebanyakan daripada wakil rakyat, terutamanya Datuk Bandar dan pemimpin daerah yang dilantik oleh rakyat terdiri daripada golongan petani. Mereka ialah golongan masyarakat berada dan berpengaruh, bukan seperti di negara kita, petani adalah komuniti termiskin.

Apabila melawat salah satu ladang, saya terkejut kerana ia adalah kawasan hutan yang diurus rapi. Mereka hanya mengeluarkan beberapa batang pokok hutan setiap tahun berdasarkan peraturan ketat dan permintaan.

Kerajaan Malaysia Baharu masih belum mencalonkan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Saya berharap bakal menteri boleh memberikan pertimbangan kepada pandangan ini dan berikan perhatian kepada reformasi yang berfaedah kepada masyarakat.

Sumber hutan dan pendekatan pengurusan lestari mungkin formula terbaik untuk kesejahteraan golongan petani, meningkatkan pendapatan negara.

■ **Penulis ialah Felo Utama Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (Lestari), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Penyandang Kursi Iskandar Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia (UTM).**

# Mengurus yang baru dengan pengalaman lama dan baru

**A**LHAMDULILAH kita sudah masuk minggu ketujuh kerajaan baru yang ditadbir Pakatan Harapan pimpinan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad. Ini sesuatu yang pertama kali berlaku selepas 61 tahun negara mencapai kemerdekaan, dan selepas 20 tahun gerakan Reformasi menuntut perubahan kepimpinan negara digerakkan oleh Anwar Ibrahim.

Bukan hakikat bahawa ia sesuatu yang baru berlaku setelah 61 tahun itu sahaja menunjukkan yang kerajaan pimpinan baru ini adalah sesuatu yang baru dengan segala hal yang belum pernah dan belum biasa bagi rakyat, tetapi lebih-lebih lagi luarbiasa dan uniknya kerajaan pimpinan baru ini ialah hal-hal di sekitar pimpinan Tun Mahathir sendiri yang pada asalnya dituntut oleh gerakan Reformasi supaya dia dikeluarkan terus dari lingkungan kepimpinan negara (oleh sebab-sebab yang kita semua maklum).

Maka bayangkanlah keadaannya kerajaan baru ini, yang sehingga minggu ketujuh ini pun masih belum dapat diumumkan lagi senarai penuh menteri kabinetnya, tetapi barisan lima orang Majlis Penasihat Kerajaan (atau nama Inggerisnya *Council of Eminent Persons*, yang *eminent* itu diterjemah oleh Kamus Inggeris-Melayu Dewan sebagai "terkemuka, terbilang, unggul") diketuai Tun Daim Zainuddin, telah dilantik awal-awal lagi setelah Perdana Menteri mengangkat sumpahnya.

Tak mengapalah, kita semua faham situasi yang luarbiasa dan serba baru dan belum sefahaman sepenuhnya di kalangan pimpinan part-parti Pakatan Harapan (PH) itu, yang terpaksa dihadapi dan diladeni dengan penuh hemah oleh Tun Ma-

thir, yang dirinya sendiri pun (nampaknya) adalah watak dan peribadi yang baru juga, yang seharusnya jauh berbeza dengan watak dan peribadinya yang dulu, yang pernah ditolak oleh rakyat pimpinan rakan-rakan barunya dalam PH itu.

Maknanya, kita berada dalam situasi yang benar-benar 'baru', yang tentunya terdedah kepada pelbagai kemungkinan yang diduga dan tak diduga. Ramai orang yang masih terkejut, terpinga-pinga, tidak percaya, tidak faham dan seumpamanya.

Saya sendiri pun, dalam beberapa hal masih cuba memahami apakah yang sebenarnya di sebalik zahir beberapa peristiwa yang agak sukar diterima, misalnya. Tambahan pula ada pihak-pihak yang cuba ambil kesempatan menyebarkan berita-berita palsu dan provokatif, dengan tujuan-tujuan mengganggu kestabilan dan menimbulkan kekeliruan dan mungkin seterusnya kekecohan.

Di samping itu ramailah pula mereka yang masih kabur-kabur, dengan minda yang lama, yang masih mencari-cari sikap dan pendirian baru, dan ramai juga yang mendapati seolah-olah sikap dan pendirian lama mereka adalah betul, dan sebagainya.

Kesimpulannya – kita masih dalam proses. Proses yang pelbagai, yang sedang mencari kesesuaian dan ketentuan, yang sedang mencuba-cuba melihat kemungkinan, juga yang berani meneroka sesuatu yang memang dianutinya tetapi diketahuinya ramai yang menolaknya, dan sebagainya.

Semua ini adalah cabaran yang sangat besar dan hebat yang perlu dihadapi dengan segala keberanian dan kebijaksanaan yang terdapat pada peribadi berusia 93 tahun itu. Nah, satu lagi hakikat sesuatu yang baru pada kerajaan baru kita ini – bukan sahaja baru untuk negara kita bah-

kan baru juga bagi dunia seluruhnya. Perdana Menteri kita adalah Perdana Menteri yang paling tua di dunia.

Jadi – situasi kita sekarang sangatlah unik dan menarik. Secara peribadi saya sangat suka memerhati perkembangannya hari demi hari – baik yang menggembirakan maupun yang menimbulkan rasa kesal, kecewa dan marah.

Membaca pernyataan, reaksi dan respon kawan-kawan netizen di fesbuk dan wat-sap juga begitu. Ramai yang belum biasa dengan sikap keterbukaan dan kritis saya, misalnya.


Ada beberapa status fesbuk saya yang mengkritik agak keras terhadap pimpinan PH, sehingga menyebut nama-nama Mat Sabu, Salahuddin dan Maszlee secara terang-terang misalnya. Lalu adalah kawan-kawan yang menempelak saya: "Bukanakah kau yang menyokong mereka bersungguh-sungguh sebelum ini?" Malah ada yang menyifatkan saya "kufur nikmat" dan yang seumpama itu.

Seolah-olah disebabkan saya menyokong PH sebelum PRU14 baru-baru ini maka saya tak boleh lagi mengkritik apa-apa pun yang dibuat oleh kerajaan baru pimpinan Mahathir hari ini.

Minda dan sikap sedemikian itu bukanlah baru sekarang saya temui. Sudah lama sebenarnya. Di kalangan para penulis, sasterawan, budayawan dan intelektual yang selalu menjadi sasaran penulisan-penulisan saya sejak lama dulu – ramai yang begitu.

Soal minda, pemikiran dan sikap ini adalah satu soal yang sangat penting dan perlu dihadapi dan diladeni. Jangan dangan remeh dan diketepikan, disebabkan banyak lagi perkara ekonomi dan kewangan yang menuntut perhatian segera.

## TEKAD BUDAYA DINSMAN



Inilah yang telah saya katakan – kalau untuk masalah ekonomi dan kewangan Tun Mahathir boleh segera lantik *the eminent person* Tun Daim, Tan Sri Zeti, Tan Sri Hassan Marican, Tan Sri Robert Kuok dan Prof K.S.Jomo, maka sepatutnya beliau juga melantik tokoh-tokoh (walau bukan *the eminent person*) seniman-budayawan-intelektual untuk permasalahan minda, pemikiran dan sikap "bangsa Malaysia" hari ini, seperti yang saya sebut itu.

Persoalan atau isu bahasa misalnya – maaflah, saya menganggap Dr Mahathir tidak memahami sepenuhnya persoalan bahasa ini. Dia melihat isu bahasa dari sudut atau dalam perspektif ekonomi kekayaan (kapitalisme) dan materialisme, tak mungkin dia memahami isu dan persoalan sebenar yang dibincang dan dibimbing para pendidik dan intelektual bahasa kita.

Pokok persoalan yang seharusnya diangkat dan diperbahaskan di sini bukannya soal bahasa itu sendiri tetapi soal yang lebih mendasar ke dalam diri manusia iaitu soal minda, pemikiran, sikap, jiwa dan akhlak (dalam pengertian Islam).

Bagaimana mungkin kita mengubah sesuatu masyarakat/bangsa kalau kita tidak memahami minda dan jiwa masyarakat/bangsa itu? Apakah kita tidak belajar apa-apa dari peristiwa Gawat '97 (yang memundurkan kita 40 tahun ke belakang, kata Mahathir waktu itu), selain masalah ekonomi dan kewangan? Padahal impak sebenarnya adalah jauh lebih besar daripada itu.

## Ashabul Doyok kepung PH

### DARI MUKA 4

**TANGAN** Ashabul Doyok dijulur-julur, kepala mereka terjengah-jengah, bontot mereka terhegeh-hegeh, dan badan mereka terbungkal tunjal ke depan sehingga sukar untuk melihat yang lain kerana hanya ada mereka di keliling.

Demikianlah bermula Umno dan Barisan Nasional dengan Ashabul Doyok. 60 tahun digayuti Ashabul Doyok mereka tidak lagi nampak realiti. Mereka duduk dalam buih. Yang duduk dalam buih itu yang bangang-bangang. Yang penuh muslihat kerana licik sedikit, mereka duduk dalam kancang lecak mewah.

### Al-Mutalawwin

Apakah ciri jelas Ashabul Doyok ini? Pertama, mereka adalah yang dinamakan oleh Saidina Ali Abi Talib: "Sesungguhnya Allah membenci al-mutalawwin. Janganlah kalian meninggalkan kebenaran dan membela kebenaran."

Kelompok al-mutalawwin ini adalah penukar warna. Mereka seperti sesumpah demi mencari keselamatan.

Di era Yunani lama dahulu, kelompok al-mutalawwin ini dinamai kaum Sophist kerana mereka terlatih secara unik. Cara latihan untuk mereka ini ialah mula-mula mereka disuruh menyusun pidato untuk membela keyakinan tertentu.

Misalnya, Tuhan itu ada. Atau GST itu bermanfaat. Setelah mereka membentang fakta dan orang yakin, mereka diarahkan pula menyampaikan pidato yang bertentangan, yakni sebaliknya. Misalnya mereka kini berhujah bahawa Tuhan itu tiada. Atau GST itu tiada manfaat.

Hanya setelah mereka berjaya meyakinkan dalam kedua-dua argumen itu barulah mereka dapat graduat. Socrates dan Plato, kaum yang ikhlas dari jauh selalu mengecam kelompok Sophist ini.

Dari situ, kita tahu, Ashabul Doyok ini bukan semerono menjilat. Mereka ini cekap, lagi cekatan. Mereka ini menguasai seni, dan terlatih. Keupayaan mereka merengek membujuk memintal menyangkal dan berhujah untuk berubah warna tidak boleh dipandang ringan.

Kedua, mereka ini kerana sifat akur se-

orang doyok atau minion akan sentiasa menyanggup apa sahaja. Jadi mereka ini boleh diuji untuk diketahui doyok atau tidak. Perintahkan mereka melakukan sesuatu yang bertentangan dengan akal, jika mereka sanggup melakukannya, malah berlebihan pula; maka itu adalah gejala ia seekor Ashabul Doyok yang ekornya bergoyang-goyang di belakang.

Sebagai misalan, doyok yang paling berjasa bergaya dan banyak mendapatkan keuntungan dalam sejarah bangsa Melayu, tidak lain tidak bukan adalah Hang Tuah. Selaku laksamana ia sanggup terjun telaga tahi untuk mendapatkan kuda tezi milik raja:

"Hatta maka sekali persetau, kuda kenaikan Sultan Mansur Syah jatuh ke pelindungan tahi, seorang pun tiada hendak menambatkan tali kepada kuda itu. Setelah dilihat oleh Laksamana Hang Tuah orang yang beratus-ratus itu seorang pun tiada mahu turun mengambil kuda itu, maka Hang Tuah pun segera terjun ke dalam pelindungan itu, ditambatkannya tali pada kuda itu. Maka diudar oranglah ke aras. Setelah kuda itu naik, maka Hang Tuah pun naik." (Sulalatus Salatin / Sejarah Melayu).

Sudah tentu kesanggupan dan kedoyokan Hang Tuah itu akan diberi warna atau hujahan baru agar tidak nampak kedoyokannya. Ia dinamakan kesetiaan. Padahal ia dilihat orang yang ikhlas sebagai ketaksuhan, dan kedunguan.

Setelah demam PRU14 reda, dan rakyat kembali menjalani kehidupan biasa, iaitu setelah pemimpin PH juga akan kembali melemau, karat-karat bahaya akan menjelma untuk menjadikan PH sebagai BN 2.0.

Ia sudah berlaku perlahan-lahan. Karat dari seberang dialu-alukan masuk misalnya.

Proses karat berlaku tanpa disedari. Karat berlaku diam. Ia proses senyap. Bila ia sudah menjadi, sukar sekali mengikisnya. Barangkali memerlukan 60 tahun lagi.

Dan jangan risau, Ashabul Doyok tetap ada, sejak zaman Yunani, menganjur ke era Kesultanan Melayu Melaka, Ashabul Doyok menempuh zaman gemilangnya selama 60 tahun di Tanah Melayu dan tiada mustahil kekal bernaya panjang.

--- Dipetik daripada portal Free Malaysia Today.

# Antara Guan Eng dan Sri Mulyani

Oleh ARIF ATAN

**L**EBIH banyak perkara yang menteri Pakatan Harapan (PH) perlu belajar sebagai kerajaan. Melepaskan pemikiran sebagai pembangkang dan terus bekerja untuk rakyat menjadi cabaran terbesar apabila mendapat mandat di Putrajaya.

Pengalaman tokoh seperti Tan Sri Dr Rais Yatim dengan latar belakang undang-undangnya dan kini sudah bersama PH juga perlu diambil kira dalam membuat sebarang keputusan.

Pemimpin Bersatu berkenaan pun sudah memberitahu selama 40 tahun beliau di dalam dan luar kerajaan hanya bahasa Melayu, tidak pernah lagi bahasa lain diguna sebagai kenyataan rasmi daripada kerajaan.

Kita pun sedia maklum menteri MCA dan Gerakan selama ini tidak pula menggunakan bahasa Mandarin untuk kenyataan rasmi kepada media Cina termasuk dimuat naik di Facebook.

Jadi, tidak hairanlah sepanjang minggu lalu, banyak pihak termasuk dalam kalanngan PH mengalami 'kejutan budaya' ekoran ketegasan tidak bertempat Menteri Kewangan, Lim Guan Eng yang mahu untuk terus mengeluarkan kenyataan rasmi dalam bahasa Mandarin.

Maklumlah, pendirian Setiausaha Agung DAP itu berlaku ketika belum pun PH memerintah 100 hari dan rakyat sedang menantikan tangkapan 'Malaysian Official 1' ekoran rompakan melalui 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Antara hujah Guan Eng yang mengundang persoalan ialah kenyataan media Kementerian Kewangan hanya diterjemah kepada bahasa lain "jika ada keperluan".

Sebenarnya tiada keperluan pun untuk seorang Menteri mengambil peranan sebagai penterjemah. Media bahasa vernakular sudah ada pasukan editorialnya sendiri.

Guan Eng juga kata terjemahan ke dalam bahasa Mandarin dibuat terutama apabila isu membabitkan "terma teknikal".



### **Menteri Kewangan Indonesia yang diiktiraf menteri terbaik dunia tetap menggunakan bahasa rasmi negaranya di media sosial.**

Harapnya beliau tidak memaksudkan bahasa kebangsaan begitu lemah hingga tidak mampu mengungkap terma teknikal.

Timbul juga persoalan, apa agaknya kenyataan rasmi Kementerian Kewangan selepas ini yang tidak ada "terma teknikal" supaya tidaklah perlu diterjemah kepada bahasa Mandarin dan Inggeris? Barangkali, hanya tinggal ucapan Selamat Hari Raya Maaf Zahir Batin sahajalah.

Apapun, taraf dan kedudukan bahasa selain bahasa Melayu perlu kita semua sedari. Bahasa Mandarin yang Guan Eng mahu gunakan hanya diiktiraf sebagai bahasa rasmi di negara China.

Bahasa Mandarin bukan bahasa rasmi di Malaysia tidak seperti di Singapura yang meletakkan bahasa itu sebagai salah satu bahasa rasmi selain bahasa Inggeris, Melayu dan Tamil.

Di negara ini, suka atau tidak, bahasa Mandarin tarafnya hanya bahasa vernakular untuk kaum Cina sahaja dan tidak

boleh diguna sebagai bahasa dalam urusan rasmi kerajaan. Hal ini ditegaskan Felo Utama Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Teo Kok Seong.

Satu lagi, isu belajar banyak bahasa dengan penggunaan bahasa dalam urusan rasmi kerajaan adalah dua isu berbeza. Jadi, penggunaan bahasa Mandarin dalam kenyataan rasmi kerajaan lebih banyak kesan negatif.

Apa lagi persepsi buruk yang terpalit kepada PH dan DAP khususnya yang sebelum ini dimomokkan kepada majoriti pengundi Melayu.

Moleknya Menteri dan wakil rakyat PH selepas ini sepakat menjadi lebih negarawan sesuai dengan semangat Malaysia Baru.

Dalam sidang media di Putrajaya dan bangunan kerajaan-kerajaan negeri, para pemimpin PH perlu melazimkan diri menjawab soalan pemberita dalam bahasa kebangsaan walaupun ditanya dalam bahasa Inggeris, Mandarin mahupun Tamil.

Jiwa besar PH dalam melaksanakan makna menghormati bahasa kebangsaan perlu menjadi contoh teladan kepada rakyat untuk menggunakan bahasa Melayu dengan fasih.

Penguasaan bahasa Melayu oleh Menteri Pengangkutan, Anthony Loke dan Naib Pengurus DAP Selangor, Hannah Yeoh Tseow Suan sebagai contoh perlu diteladani.

Ramai sebenarnya rakyat Malaysia berbilang kaum terutama generasi muda juga jauh lebih fasih berbahasa kebangsaan dan tidak ada masalah dengan kenyataan rasmi kerajaan dalam bahasa Melayu.

Tidak pernah pula didengari akhbar-akhbar bahasa Cina yang lebih banyak dan jauh lebih bebas sejak zaman BN lagi dikenakan tindakan saran disebabkan salah lapor kenyataan rasmi kerajaan sebelum ini.

Sikap Menteri Kewangan Indonesia yang diiktiraf menerima Anugerah Menteri Terbaik di Dunia pada Februari lalu berkaitan

penggunaan bahasa di Facebook rasminya juga perlu dicontohi.

Sri Mulyani Indrawati sebagai seorang menteri untuk 257 juta rakyat Indonesia serta 78,164 kakitangan kementeriannya tetap menggunakan bahasa Indonesia yang terasnya adalah bahasa Melayu itu sepenuhnya dalam kenyataan di media sosial.

Tentulah Guan Eng yang hanya sebagai Menteri Kewangan untuk 32 juta rakyat Malaysia dengan 69 peratus etnik Bumi-putera manakala lebih tujuh juta keturunan Cina tidak ada masalah dengan penggunaan bahasa kebangsaan dalam kenyataan medianya.

Guan Eng dalam reaksinya berkata, "Penggunaan bahasa berkenaan (Mandarin) melambangkan pengiktirafan kerajaan PH terhadap aspek kepelbagaian bahasa dan globalisasi."

Atas dasar "kepelbagaian bahasa dan globalisasi", adakah selepas ini kenyataan rasmi kerajaan juga dibuat dalam bahasa Kantonis memandangkan banyak stesen TV berbahasa Cina menggunakan dialek suku kaum yang ramai di Lembah Klang itu.

Adakah pihak kementerian juga terpaksa mengeluarkan kenyataan dalam bahasa Hakka yang ramai penuturnya di Sabah dan Sarawak kerana bahasa Mandarin hanya banyak digunakan masyarakat Cina di selatan Semenanjung sahaja kesan pengaruh kepada akses media dari Singapura.

Atas hujah kepelbagaian bahasa juga, seorang menteri hanya mungkin dilihat "adil" apabila turut mengeluarkan kenyataan dalam versi bahasa Teochew dan Foochow.

Malah, atas hujah "globalisasi", Kementerian Kewangan dipelopori Guan Eng juga mestilah mengeluarkan kenyataan rasmi kerajaan dalam enam bahasa rasmi PBB sebagai permulaan iaitu bahasa Arab, Perancis, Rusia, Sepanyol selain Inggeris dan Mandarin tentunya.

Jelas, mana-mana Menteri PH mewakili 32 juta rakyat Malaysia bukannya hanya suara 23 peratus rakyat keturunan Tionghoa yang sepatutnya sudah fasih berbahasa kebangsaan.

## Pas hanya sesuai jadi pembangkang?

Oleh USTAZ ZOLKHARNAIN ABIDIN

**SEBELUM** PRU14, memang ada usaha mengajak Pas bergabung dalam Pakatan Harapan.

Sampai ke suatu tahap, penyokong PH sendiri marah-marah dengan pemimpinnya yang masih berlunak dengan Pas.

Tapi, Pas tidak sudi dengan alasan Pas kuat bersendirian.

Ditambah dengan perasaan pemimpin

Pas yang mereka lebih Islamik daripada orang PH.

Mereka juga bagi alasan tak mahu berkawan dengan golongan pengkhianat, pelari kerusi, liberal dan bermacam lagi.

Sekonyong-konyong, selepas PRU14, dengarlah berita Pas minta jadi penasihat bertaraf menteri.

Kemudian berkeras mahu jawatan speaker dan timbalan speaker di Kedah.

Tujuannya, nak ganggu-gugat kerajaan PH Kedah.

Pada masa yang sama, Pas keluar notis

minta ahlinya jangan terima sebarang jawatan lantikan kerajaan PH termasuk ketua kampung.

Suatu ketika, Pas minta jawatan. Suatu ketika yang lain, larang ahli terima jawatan. Suatu ketika yang lain buat kenyataan, Pas tak kebulur jawatan.

Agaknya inilah puncanya Umno pun tak berminat nak berkawan dengan Pas. Tidak ada satu pendirian yang boleh dipegang.

Nasib engkaulah Pas, eloklah jadi pembangkang sampai bila-bila.



**Pas dilihat mengambil pendekatan lunak dengan Perdana Menteri.**

# Firasat W.S Rendra tentang Anwar dan Mahathir

Oleh MUAMMAR QADDAFI MOHD NASIR

**S**ENIMAN Agung Indonesia, W.S Rendra, beliau pernah menyebut kepada Anwar yang merupakan sahabat karib beliau dengan mengatakan: "Anwar, Mahathir mengejar waktu, anda mempunyai waktu, semoga, anda menang akhirnya."

Kata-kata ini sudah lama, tidak tahu tarikh bila ia disebut cuma ia diceritakan kembali oleh Anwar pada 2006.

Kenyataan Tun Mahathir sebelum ini buat aku tersentak, beliau pernah sebut masanya tidak lama, beliau mengejar waktu untuk memulihkan kembali Malaysia yang rosak.

Bila dikenang kembali apa yang Rendra sebut, yang mana pada waktu itu kita mungkin fikir kenyataan ni macam biasa-biasa sahaja, Tun Mahathir bukan lagi PM, apa yang beliau perlu kejar, beliau sudah bersara.

Kemudiannya pada usia 93 tahun, Tun kembali untuk membina kembali Malaysia yang dirosakkan Najib dan pimpinan BN, kerosakan yang ada sangat banyak dan usia Tun hampir satu abad.

Ternyata, ada kebenaran terhadap ungkapan kata-kata Rendra, Tun mengejar waktu yang beliau ada untuk bina kembali Malaysia..."



**Ternyata, ada kebenaran terhadap ungkapan kata-kata Rendra, Tun mengejar waktu yang beliau ada untuk bina kembali Malaysia..."**

waktu yang beliau ada untuk bina kembali Malaysia,

Dan Anwar, ramai orang silap anggap Anwar kini macam "bangsawan" yang menanti

diserahkan kuasa dengan mudah, Mahathir buat segala kerja dan nanti beliau akan naik sebagai PM tanpa perlu bersusah payah.

Silap tuan-tuan, kenyataan "semoga

kamu menang akhirnya" oleh Rendra tidak datang percuma.

Ingat tak apa Sheikh Deedat beritahu Zakir Naik saat akhir usia beliau, bisik beliau kepada Dr. Zakir, "My son you have achieved in four years what took me 40 years".

Dr Zakir balas, "Kejayaan saya dalam tempoh 4 tahun kerana asas yang dibina oleh anda selama 40 tahun, tanpa tapak yang dibina oleh anda saya mungkin akan mengambil masa 44 tahun."

Begitulah kejayaan kita pada hari ini, kemenangan pada PRU14 ini tidak bermula dengan usaha dari 2016-2018, sebaliknya asasnya dibina pada 2008 waktu tertubuhnya Pakatan Rakyat yang dipimpin oleh Dato Seri Anwar Ibrahim.

Tidak kurang dengan usaha sejak zaman reformasi yang kini menghampiri 20 tahun perjalannya. Menafikan sumbangan besar ini saya kira adalah satu kesilapan yang sangat besar

Tapak ini akhirnya mendapat sentuhan akhir daripada Tun Mahathir yang seterusnya membawa kepada kemenangan bergaya Pakatan Harapan (PH).

Kerana itu juga nama-nama tokoh seperti Ustaz Fadhil Noor, Tuan Guru Nik Abdul Aziz, Karpal Singh, tidak harus kita lupukan dan pisahkan daripada kejayaan ini.

## Kombinasi dua generasi majukan Selangor, sejahterakan negara

Oleh ABBAS AZMI

**PEMUDA AMNAH** Selangor mengucapkan syabas dan tahniah kepada YB Amirudin Shaari di atas pelantikan beliau sebagai Menteri Besar Selangor yang baharu.

Pengalaman beliau selama dua penggal sebagai Adun dan satu penggal sebagai Exco kerajaan negeri memberi kelebihan kepada beliau untuk menjawat jawatan Menteri Besar yang baharu.

Satu penghargaan kepada orang muda dan juga kepercayaan yang tinggi di atas keupayaan orang muda mengemudi negeri Selangor yang kita semua maklum tidak pernah sunyi dengan pelbagai isu dan menjadi tumpuan seluruh negara.

Masanya sudah tiba orang muda diberi kepercayaan memimpin. Saya menaruh kepercayaan kepada beliau berdasarkan pengalaman dan kerja kuat YB Amiruddin sebelum ini.

Beliau juga bertuah kerana

akan bekerja dengan barisan Exco yang hebat. Rata-rata barisan Exco Selangor sekarang sangat berpengalaman dan mempunyai idea yang banyak untuk meneruskan kecemerlangan negeri Selangor.

Banyak lagi kerajaan Pakatan Harapan (PH) Selangor boleh lakukan dan apabila orang muda seperti YB Amirudin Shaari memimpin pasukan ini, segala perancangan akan berjalan dengan baik.

Banyak negara maju telah memberi kepercayaan kepada orang muda untuk memimpin, dan sebagai negeri termaju di Malaysia, Selangor telah merintis langkah tersebut.

Saya melihat kombinasi antara dua generasi dalam pasukan kerajaan negeri Selangor ini akan membawa Selangor terus maju. Satu dimensi baru yang mewarnai landskap politik negara apabila orang muda memimpin negeri maju seperti negeri Selangor ini.

Menyerah Besar baharu Selan-



*Amirudin Shaari mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Selangor menggantikan Datuk Seri Mohamed Azmin Ali pada 19 Jun lalu.*

gor bergambar dengan Sultan Selangor dan bekas MB, Datuk Seri Azmin Ali.

Pemuda AMNAH Selangor akan bersama-sama pentadbiran baru negeri yang diketuai oleh YB Amiruddin Shaari demi meneruskan agenda rakyat meneruskan kecemerlangan negeri Selangor.

PH yang telah berjaya mem-

Pimpinan PH perlu selalu mendengar maklum balas dari rakyat dan menjadikan suara rakyat satu keutamaan selagi mana ia tidak bercanggah dengan dasar dan Perlembagaan negara.

Rakyat juga perlu memberi ruang dan masa yang luas kepada pimpinan PH untuk membuat perubahan kepada negara. Berilah kritikan yang membina kepada pemimpin kita serta bersama-sama memberi khidmat dan bakti kepada negara yang kita sama-sama cintai.

Saya berkeyakinan dengan pimpinan kerajaan yang ada pada hari ini, cita-cita rakyat yang mahu melihat Malaysia lebih maju, harmoni dan berintegriti akan di-realisasikan di bawah pentadbiran kerajaan PH.

Masa akan menentukan segala galanya.

**Penulis merupakan Ketua Pemuda AMNAH Selangor.**

# Pendaftaran pengundi wajar dibuat secara automatik

Oleh MANIVANNAN GOWIN

**S**AYA menyokong sekiranya terdapat usaha daripada kerajaan Pakatan Harapan (PH) untuk menurunkan had umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun. Namun begitu, cadangan ini sewajarnya diselaraskan sekali dengan cadangan untuk pendaftaran mengundi secara automatik.

Cadangan pendaftaran pengundi secara automatik ini telah saban kali dibangkitkan oleh saya dan beberapa wakil rakyat sebelum Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

Setiap remaja yang menginjak usia yang dibenarkan (kini 21 tahun dan cadangan untuk 18 tahun), namanya akan memasuki daftar pemilih secara automatik tanpa sebarang pendaftaran.

Ini bermaksud, seseorang yang mencapai usia minimum boleh mengundi tanpa perlu mendaftar kerana

ia dilakukan secara automatik. Kebanyakan negara sedang mengamalkan pendaftaran secara automatik dan pilihanraya tetap berjalan dengan lancar seperti di Perancis, Republik Czech, Denmark, Finland, Jerman, Iceland, Switzerland, Chile dan Korea Selatan.

Menurut Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Perkara 119 - Kelayakan Pemilih - menyatakan bahawa;

Tiap-tiap warganegara yang (a) telah mencapai umur dua puluh satu tahun pada tarikh kelayakan; (b) bermastautin di dalam sesuatu bahagian pilihan raya pada tarikh kelayakan yang sedemikian atau, jika tidak bermastautin sedemikian, ialah seorang pengundi tidak hadir; dan (c) didaftarkan, di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pilihan raya, dalam



Manivannan Gowin

daftar pemilih sebagai pemilih dalam bahagian pilihan raya tempat dia bermastautin pada tarikh kelayakan, berhak mengundi di dalam bahagian pilihan raya itu dalam mana-mana pilihan raya ke Dewan Rakyat atau Dewan Undangan.

Maka, penurunan had umur mengundi dan pendaftaran secara automatik mampu diselaraskan dengan melakukan pinjaman kepada Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Seterusnya, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) seharusnya

bekerjasama supaya kedua-dua cadangan tersebut dapat direalisasi dan diperlakukan.

Tambahan kepada itu, menurut statistik dan semakan Hansard di Parlimen Malaysia menunjukkan hampir 3.7 juta warganegara Malaysia yang layak masih belum mendaftar untuk mengundi. Daripada data ini, dianggarkan majoriti yang masih belum berdaftar adalah golongan muda.

Maka, kepincangan penglibatan anak muda dalam politik khususnya untuk mendaftar dan mengundi dalam pilihan raya, tidak seharusnya dipandang ringan.

Sebagai Kerajaan yang prihatin khususnya kepada anak muda, kerajaan Pakatan Harapan perlu melahirkan idea untuk menglibatkan anak muda dalam kancah politik dan ianya wajar bermula dengan pengurangan had umur dari 21 tahun ke 18 tahun DAN pendaftaran pemilih secara automatik.

■ Penulis adalah Ahli Majlis Pimpinan Pusat (MPP) Parti Keadilan Rakyat (PKR).

## Umno sudah mula lesu

Oleh SHAHBUDIN HUSIN

**TANDA-TANDA** riwayat Umno akan berakhir dan ia tidak mampu bertahan tanpa dibantu kuasa wang, nyata semakin terserlah sekarang ini.

Cukup sebulan sejak Umno yang merupakan tunjang BN kehilangan kuasanya pada pilihanraya 9 Mei lalu, aktiviti Umno sepanjang Ramadan ini boleh dikatakan terhenti sama sekali.

Jika sebelum ini, bulan Ramadan merupakan bulan yang sibuk bagi pemimpin Umno menjalankan pelbagai aktiviti seperti majlis berbuka puasa dengan ahli peringkat cawangan atau akar umbi, berbuka puasa bersama anak yatim atau fakir miskin, memberi bantuan kepada masjid dan surau dan sebagainya, semua itu terhenti dengan tiba-tiba seiring dengan gugurnya kuasa yang dipegang sejak lebih 60 tahun yang lalu.

Ramai kawan-kawan di beberapa bahagian Umno mengeluh tentang kesan program sepanjang Ramadan kali ini dan ia sangat berbeza berbanding tahun-tahun sebelumnya.

"Ramadan kali ini, kami hanya berbuka puasa di rumah masing-masing saja bersama keluarga".

Tidak saja ketua bahagian tidak mengajurkan majlis berbuka puasa atau menghulurkan bantuan kepada cawangan-cawangan untuk mengadakan majlis yang sama, pemimpin Umno peringkat nasional yang kini sudah ber-

taraf bekas menteri juga tidak lagi mengadakan sebarang majlis di bulan Ramadan ini, ujar beberapa kenalan dalam Umno yang sempat dihubungi.

Kali ini, kata mereka, tiada lagi program berbuka puasa sama ada di peringkat bahagian atau pemimpin bahagian turun ke cawangan-cawangan seperti sebelumnya, malah rata-rata pemimpin bahagian seperti menghilangkan diri, meskipun tahun ini merupakan tahun pemilihan bagi Umno.

"Sudah tentu kami juga tidak lagi menerima duit raya daripada pemimpin-pemimpin bahagian sebagaimana sebelum ini," kata mereka lagi.

Perkembangan ini menunjukkan pemimpin Umno di semua peringkat nampaknya tidak sedia mengeluarkan wang poket sendiri untuk tujuan mengadakan program, waima atas nama kebijakan dan sedekah di bulan Ramadhan sekalipun.

Hal ini memperlihatkan bahawa Umno selepas ini bakal ketandusan program di seluruh negara untuk mendekati rakyat kerana tidak ada sesebuah yang mahu mengeluarkan belanja sendiri bagi menggerakkan parti.

"Jika tanpa program di akar umbi dan pemimpin Umno di peringkat bahagian hanya "goyang kaki" dengan jawatan mereka, bagaimanakah parti itu mampu bangkit melawan kerajaan Pakatan Harapan (PH) yang sedang berkuasa sekarang?" soal seorang ketua cawangan Umno ketika berbual-bual dengannya.

Dalam perkembangan yang sama, melihat kepada kemungkinan Umno akan ketandusan program itu, kecenderungan mereka beralih



iblat dengan menyertai Bersatu atau PKR jelas semakin meningkat sekarang ini.

Bukan saja sudah sekian ramai pemimpin peringkat timbalan ketua bahagian, naib ketua bahagian atau bekas-bekas pemimpin bahagian mengambil keputusan menyertai Bersatu atau PKR, malah lebih ramai ketua-ketua Umno cawangan di seluruh negara yang dilihat menunjukkan minat mengalih kiblat politik mereka selepas Hari Raya Aidil Fitri nanti.

Mereka rata-rata melihat zaman gelap Umno sudah pun bermula dan parti itu bukan saja tidak semewah dulu, bahkan tiada apa-apa yang menarik lagi untuk berjuang melaluiunya.

Kata mereka, Umno sudah jadi ibarat orang kaya yang tiba-tiba jatuh bankrap dan tiada sumber kewangan yang menyebabkannya sukar untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan seperti orang biasa.

Selama ini pemimpin Umno hidup mewah kerana projek-projek segera yang diperolehi melalui hubungan dengan menteri dan perdana menteri, tetapi setelah tiada lagi kuasa, semua pergantungan itu hilang

dengan sendirinya.

Meskipun kebanyakan pemimpin atasan Umno masih lagi kaya dan bertaraf jutawan, tetapi sudah tentu mereka tidak akan mengeluarkan wang poket sendiri untuk diperuntukkan kepada bahagian-bahagian kerana tidak pasti sama ada BN boleh menang lagi atau tidak dalam pilihanraya yang akan diadakan lima tahun datang.

Kedudukan BN turut semakin mengecil dan tergugat untuk kembali berkuasa dengan keluarnya PBB daripada gabungan itu dan tidak mustahil akan disusuli oleh lain-lain parti di Sarawak juga.

Lama-kelamaan, tambah mereka lagi, tanpa sebarang aktiviti dan program serta tiada sesiapa yang sanggup mengeluarkan belanja untuk parti, Umno akan dilupakan dan perlahan-lahan akan mati dengan sendirinya.

Teori Rahman akhirnya terbukti benar di mana Perdana Menteri terakhir daripada Umno yang berkuasa ialah Najib, malah kerana kepimpinan dan skandal yang melingkari N jugalah yang menyebabkan parti itu sedang menebas laluannya sendiri untuk menuju ke tanah perkuburan.

# JAKIM perlu diberi nafas baru

Oleh DR MUHD NUR MANUTY

**J**AKIM masih relevan tetapi perlu diberikan nafas baru. Sukacita kami merujuk kepada polemik hangat di perdebatkan kini, mengenai perkara tersebut.

Biro Pemahaman dan Pemantapan Agama (BiPPA) Parti Keadilan Rakyat (PKR) mendengar dan meneliti segala pandangan yang dikemukakan pelbagai pihak dengan penuh perhatian. Bagi kami, perdebatan pasca PRU14 yang sedang berlaku kini, adalah suatu yang sangat sihat dan bermanfaat.

Kami menganggap ia adalah suatu proses mesyuarah terbuka dalam semarak demokrasi baru yang sama-sama kita raikan. Melalui cara ini, kita akan dapat melihat apa jua isu melalui sudut pandang yang luas, mengalisa dan menilainya, lalu merumuskan solusi terbaik menyeluruh dan tuntas.

Inilah antara ciri-ciri masyarakat madani (civil society) yang diimpikan oleh rakyat dan rakyat menuntut impian ini menjadi realiti melalui Kerajaan Pakatan Harapan (PH).

Dalam membicarakan status di atas, sukacita kami merujuk kepada ayat Allah yang bermaksud:


“Sesungguhnya telah ada pada Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan hari (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah.”  
(Al-Ahzaab (33) :21).

Dan hadis Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

“Sesungguhnya, Islam itu adalah tertinggi. Dan, tiada yang lebih tinggi daripadanya” [Hadits Hasan riwayat ar-Rawiyani, ad-Daruquthni, al-Baihaqi, adh-Dhiya’]

Justeru, bersesuaian dengan imej Islam adalah agama yang tertinggi dan semua institusi agama pula perlu menjadi contoh ikutan yang terbaik (uswatan hasanah), maka BiPPA berpendirian bahawa, JAKIM dan semua institusi yang menguruskan hal-ehwal Islam (termasuk Jabatan-Jabatan Agama Negeri) bukan saja masih relevan, malah perlu diberi nafas baru dan diperkasakan seutuhnya, sehingga institusi-institusi ini mampu mempermirkan kualiti tadbir urus yang terbaik dan cemerlang ke aras boleh menjadi model ikutan kepada semua agensi yang lain yang ada dalam negara ini.

Sewajarnya, inilah yang seharusnya menjadi visi sesebuah institusi yang membawa risalah Islam. Sehubungan dengan itu, demi mencapai visi yang tersebut di atas, semua institusi ini hendaklah menggubal polisi yang benar-benar ampuh yang yakin diri yang tinggi, memiliki sumber manusia yang terbaik (dari segi sah-



“Justeru, bersesuaian dengan imej Islam adalah agama yang tertinggi dan semua institusi agama pula perlu menjadi contoh ikutan yang terbaik (uswatan hasanah), maka BiPPA berpendirian bahawa, JAKIM dan semua institusi yang menguruskan hal-ehwal Islam (termasuk Jabatan-Jabatan Agama Negeri) bukan saja masih relevan, malah perlu diberi nafas baru dan diperkasakan seutuhnya, sehingga institusi-institusi ini mampu mempermirkan kualiti tadbir urus yang terbaik dan cemerlang ke aras boleh menjadi model ikutan kepada semua agensi yang lain yang ada dalam negara ini.”

siah, akhlak, kepakaran dan ketrampilannya) dan diberikan sokongan dana dan kemudahan yang terbaik dan bersesuaian dengan keperluan dan tanggungjawabnya.

Sesungguhnya, semua yang disebutkan ini, adalah antara mekanisme teras kejayaan semua organisasi, apatah lagi sebuah Jabatan seperti JAKIM dan Jabatan-Jabatan Agama Negeri.

Sesungguhnya, semua agensi yang berlabelkan Islam, wajib mempermirkan imej taqwa, ketaatan, saling menghormati, kerjasama, iltizam, kesaksamaan peluang dan pemanfaatan potensi semua anggotanya secara optimum.

Sumber manusia agensi-agensi Islam juga, seharusnya boleh dijadikan model rujukan dari segi integriti, pencapaian, kecekapan, amal soleh, kesabaran, keperhatian, kesabaran, keadilan, keikhlasan, amanah dan ihsan.

Kepimpinan institusi-institusi Islam wajib punya ketrampilan bersesuaian dengan keperluan zaman masa kini – era abad ke-21 dan revolusi industri 4.0. Institusi agama wajar membina imej sebagai agensi yang proaktif, dinamik, inovatif dan penyelesaikan semua masalah umat.

Selain daripada ilmu-ilmu teras Islam, mereka wajar menguasai pelbagai ilmu terkini yang berkaitan seperti sains, teknologi, sains sosial, psikologi, kaunseling dan

bahasa-bahasa utama yang diperlukan. Umpamanya, sewajarnya paling sitematik dengan piagam pelanggan dan polisi paling cemerlang dalam kalangan Jabatan-jabatan Kerajaan. Inilah antara pancaran cahaya bahawa ‘Islam itu adalah agama rahmat untuk sekalian alam’.

Sesungguhnya, nilai-nilai inilah yang mampu mengangkat martabat agensi-agensi Islam sehingga menjadi ‘menara tinggi’ yang dikagumi semua termasuk umat bukan Islam.

Adalah amat malang, jika ada sesebuah institusi dan agensi berlabel Islam terpalit dengan pelbagai gejala merosakkan imej Islam seperti pecah amanah, kelembaban, kezaliman, pembaziran, gejala takfir, imej mudah menghukum dan melabel, layanan yang kasar kepada pelanggan, tidak proaktif dan tenggelam dalam dunia kesesuaian.

Sesungguhnya, semua Institusi Islam adalah menjadi sandaran dan harapan umat dan negara. Justeru, inisiatif Kerajaan PH yang mahukan semua perkhidmatan kepada rakyat diberi nafas baru dan direformasikan, maka sebarang langkah untuk mengislah dan memberi nafas baru kepada agensi-agensi ini adalah amat dialu-alukan.

Pandangan kami sebagai rakyat, keduukan Majlis Raja-Raja Melayu yang ber-

Agensi yang berlabelkan Islam, wajib mempamerkan imej taqwa, ketaatan, saling menghormati, kerjasama, iltizam, kesaksamaan peluang dan pemanfaatan potensi semua anggotanya secara optimum.

Urusan di kaunter-kaunter perkhidmatan tanggungjawab mengenai hal-ehwal Islam di peringkat negeri-negeri, hendaklah diperkasakan sewajarnya, bersesuaian dengan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Sebenarnya, telah pun wujud sebuah majlis penyelaras yang dinamakan Majlis Kebangsaan Hal-Ehwal Islam Malaysia, yang bertanggungjawab terhadap semua institusi-i-institusi Islam seperti JAKIM dan lain-lainnya yang diselia oleh Kerajaan Persekutuan.

Majlis ini telah sekian lama diabaikan. Justeru, dalam hal ini, BiPPA mencadangkan Majlis ini diperkasakan semula.

Sehubungan dengan ini, cadangan terbaru YAB Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, untuk membentuk sebuah Jawatankuasa Tertinggi Islam yang terdiri daripada para ilmuan dan pakar pelbagai bidang – sama ada berkaitan agama atau bukan agama – bagi menasihat Kerajaan dalam melaksanakan reformasi dan islah semua institusi-institusi Islam di Malaysia, amatlah dialu-alukan.

Semoga usaha ini dipermudahkan Allah, dengan keberkatan dan kejayaan.

Wallahuaklam.

Penulis adalah Pengurus Biro Pemahaman dan Pemantapan Agama (BiPPA) Parti Keadilan Rakyat (PKR).

# Yaman: Isu kemanusiaan menjadi keprihatinan

Oleh ISMAIL HASHIM YAHAYA

**S**EMASA rencana ini ditulis apabila membaca lawan sesawang *Middle East Eye* pada 20 Jun melaporkan bahawa tentera Emiriyah Arab Bersatu (UAE) telah menguasai lapangan terbang Hodeidah dari Houthi, komander mereka mengatakan bahawa ini merupakan langkah utama mereka menguasai bandar pelabuhan Laut Merah. Maka teringat pula apakah yang akan berlaku kepada penduduk di sana?

Adakah bandar pelabuhan Hodeidah ini akan menjadi seperti Raqqa, Mosul Barat atau Aleppo Timur apabila tentera daratnya masuk selepas serangan udara dilancarkan oleh jet pejuang yang menghanguskan segala-galanya.

Walaupun laporan cenderung kepada pakatan Arab Saudi-UAE dukungan AS, laporan pihak Houthi pula mengatakan mereka masih bertahan namun dapatlah dibayangkan di mana ihsan dan kemanusiaan pihak tentera yang sanggup memburuh semasa umat Islam pada bulan Ramadan dan awal Syawal ini.

Berita mengenai sengketa Yaman ini seolah-olah diabaikan atau tidak dipedulikan media Barat arus perdana. Tetapi laporan media tempatan yang menanyakan sejauh manakah penglibatan tentera Malaysia dalam serangan pakatan Arab Saudi-UAE membuka mata rakyat tempatan untuk mengetahui perkembangan di Yaman.

Kenyataan Menteri Pertahanan Mohamad Sabu bahawa kerajaan Malaysia sedang mengkaji semula penghantaran tenteranya ke Arab Saudi untuk mengelak terlibat dengan konflik di negara-negara Teluk amat tepat.

Tegas beliau, "buat apa kita terlibat menyerang Yaman, sebuah negara Islam dan kita tidak mahu terlibat dengan konflik sebegini."

Langkah ini bagi mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai negara berkecuali dan kita sedang kaji dan kemungkinan akan tarik balik tentera kita dari sana kerana kita mahu kekal sebagai negara berkecuali," katanya.

Mohamad menjelaskan Malaysia tidak harus terlibat dengan konflik Arab Saudi dan negara-negara Teluk berkenaan, apatah lagi apabila ia melibatkan serangan ke atas sebuah negara Islam.

Serangan ke atas Hodeida boleh membawa kepada malapetaka kemanusiaan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bimbang kerana kesannya melibatkan penduduk Yaman yang bergantung kepada penyeluran bahan makanan daripada pelabuhan tersebut.

Hodeida, bandar dengan jumlah pendu-



Ribuan orang awam termasuk kanak-kanak menjadi korban dalam konflik di Yaman yang masih belum menampakkan jalan penyelesaian.

duk sekitar 600,000 orang yang terletak di pantai laut Merah Yaman. Ia adalah bandar pelabuhan yang merupakan hub penyeluran bekalan makanan, minyak dan ubat-ubatan kepada seluruh bahagian utara Yaman. Sekiranya hub penyeluran bekalan ini musnah, ibu negara Yaman iaitu Sana'a akan menghadari kebuluran dan letusan wabak penyakit.

Bandar pelabuhan ini juga adalah entri kepada 70 peratus bekalan makanan dan perubatan kepada lapan juta penduduk Yaman yang dikatakan PBB di ambang kebuluran dan daripada 22 juta yang memerlukan bantuan kemanusiaan dengan segera.

Inilah agaknya kenapa pakatan Arab Saudi-UAE melancarkan serangan ke atas Hodeida yang bertujuan melumpuhkan Sana'a dan menjatuhkan pihak Houthi.

Ada beberapa perkara yang bermain di fikiran, apakah kepentingan kepada Arab Saudi-UAE sehingga sanggup melumpuhkan bekalan makanan dan bahan lain yang boleh mencetuskan malapetaka kemanusiaan itu?

Sejauh manakah sengketa di Yaman ini boleh menjelaskan kedaulatan Arab Saudi dan UAE misalnya. Yang peliknya apa yang penting bagi UAE sebuah negara Teluk yang kecil? UAE yang kekurangan tentera dikatakan mendanai tentera upahan dalam perang dalam menghadapi pihak Houthi dan tentera Ansar Allah.

Terdapat alasan bahawa dengan pihak Houthi bermazhab Syiah, pihak Iran akan campur tangan dalam sengketa di Yaman ini. Mungkin wujud pengaruh Syiah Imamiah tetapi ia tidak sedalam mana dan tidak seperti di Syria dan Iraq.

Mazhab Zaydiah amat rapat dengan ahli sunnah wal Jamaah. Campur tangan Iran adalah amat minimal di Yaman.

Oleh itu atas dasar kepentingan apa dan siapakah membuatkan pihak Saudi-UAE

bermati-matian menyerang Hodeida walaupun itu ini berpunca daripada konflik dalam antara beberapa pemimpin dan puak di Yaman.

Bayangkan sebuah negara Islam yang menjadi penjaga dua masjid suci Islam sanggup melakukan tindakan tidak berperikemanusiaan seperti ini?

Tidakkah ini sesuatu perkara yang tidak menepati semangat dan jiwa agama Islam, membunuh sesama umat Islam pada bulan Ramadan yang mulia, bulan diharamkan berperang dan bulan Syawal di mana umat Islam meraikan kemenangan berpuasa sebulan tiba-tiba malapetaka kemanusiaan di ambang pintu?

Namun terdapat psersaingan untuk mengeuasai Yaman terutama di wilayah Selatan antara UAE dan Saudi yang akan memburukkan konflik ini.

Apabila Saudi merampas Aden, Emirati atau UAE menyerang Hodeidah kerana tidak mahu ketinggalan Yaman dalam menguasai bandar-bandar di Yama.

Siapa yang untung sekarang daripada perebutan wilayah antara kedua negara Arab ini, AS dan negara Barat yang lain. Sesetengah laman sesawang dan berita online yang dibaca ada mengisahkan bahawa Pentagon ada memberikan maklumat risikan dan sokongan logistik melalui dron dan kelihatan kapal perang AS memantau kawasan berdekatan.

Memandangkan PBB menyuarakan keprihatinannya terhadap malapetaka kemanusiaan yang akan tercetus, AS, Britain dan Perancis menyuarakan kebimbangan terhadap apa yang akan berlaku ke atas Yaman.

Keprihatinan mereka penuh kepura-puraan tidak sampai melarang pakatan Saudi-UAE daripada menghentikan serangan. Ia dapat dilihat daripada bantahan AS dan Britain terhadap desakan Sweden di Majlis Keselamatan PBB supaya Saudi dan UAE

melancarkan gencatan senjata segera.

Ini dapat dilihat daripada kenyataan Setiausaha Negara AS, Mike Pompeo yang menyatakan "Saya telah memberitahu para pemimpin UAE dan menjelaskan keinginan kita mengutarkan keprihatinan keselamatan sementara menjaga pengaliran bebas bantuan kemanusiaan dan import barang keselamatan nyawa penduduk." Tetapi Pompeo tidak melarang supaya serangan dihentikan.

Ini bukan kali pertama tempat awam disasarkan pihak sekutu tentera Arab Saudi.

Sebuah negara kecil dan miskin seperti Yaman menjadi sasaran pihak yang jauh lebih besar dan kaya menjadikan orang awam mangsa utama yang menderita teruk.

Dunia Barat berdiam diri dalam isu ini.

Lebih menghairankan lagi negara-negara Islam juga berdiam diri dalam isu pembunuhan orang awam Islam di Yaman.

Kerajaan Pakatan Harapan pimpinan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad diharap dapat memainkan peranan meminta kerajaan Arab Saudi menghentikan serangan sedemikian ke atas sasaran orang awam.

Dalam isu ini, kerajaan sepatutnya menggunakan pengaruh "istimewanya" menasihati kerajaan Arab Saudi supaya tidak bertindak keterlaluan terhadap rakyat Yaman.

Oleh itu, Malaysia sepatutnya menggunakan pengaruh dan hubungan istimewanya dengan tentera dan kerajaan Arab Saudi dalam isu pengeboman kejam di Yaman. Kerjasama yang begitu erat hendaklah digunakan untuk kebaikan rakyat Islam Yaman yang sering diserang kejam.

Malaysia sepatutnya mendahului negara Islam lain bersuara dalam isu ini.

■ Penulis adalah pensyarah di Fakulti Komunikasi, Seni Visual dan Pengkomputeran, Universiti Selangor (Unisel).

# Tindakan wakil rakyat Umno keluar parti dilihat penuh keraguan

**P**EMUDA AMANAH Perak menyifatkan penyertaan wakil rakyat BN ke dalam Pakatan Harapan (PH) penuh keraguan kerana ia sangat berbeza dengan pendirian mereka sebelum pilihan raya lalu.

Ini ekoran tindakan Ahli Parlimen Bagan Serai, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali mengumumkan keluar daripada Umno dan mengisyiharkan menjadi seorang wakil rakyat Bebas.

Menurut Pengarah Komunikasi Pemuda AMANAH Negeri Perak, Muhammad Faeez Azhar, mereka mengambil serius fenomena keluar parti daripada komponen BN selepas PRU14.

"Ia bukan hanya dari kalangan penyokong serta ahli sebaliknya melibatkan kepimpinan tertinggi dan wakil rakyat sama ada Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) mahupun ahli parlimen."

"Kemasukan dan sokongan mereka kepada kerajaan baharu Pakatan Harapan tidak disambut positif oleh rakyat kerana dilihat mempunyai agenda dan kepentingan tertentu," katanya.

Sebelum ini, katanya, beliau lantang menyerang dan mengutuk tindakan Pakatan Harapan memperjuangkan isu-isu rakyat termasuklah mendesak perlaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST).

"Beliau dikenali sebagai seorang pemimpin yang paling lantang dan tegas mempertahankan cukai GST biarpun seperti yang diketahui serta dihadapi oleh rakyat bahawa GST adalah satu cukai yang sangat membebankan kerana menyebabkan rakyat terhimpit dengan kenaikan kos hidup," kata Faeez.

Antara kenyataan yang Noor Azmi pernah keluarkan di dalam parlimen pada 28 Mei 2015, beliau mendakwa kerajaan tidak paksa rakyat untuk membayar GST.

"Katanya jika tidak mahu membayar GST, beliau menggesa rakyat membeli barang yang tidak dikenakan GST. Kenyataan tersebut sangat melucukan sedangkan pada hakikatnya, banyak barang keperluan harian tidak terlepas dikenakan cukai yang sangat menjerut ini," katanya.

Pada 30 Oktober 2017, beliau turut mengeluarkan kenyataan dangkal di dalam parlimen dengan mendakwa GST tidak pernah menyusahkan rakyat.

Kenyataan tersebut mendapat tentangan hebat daripada Ahli Parlimen Pakatan Harapan kerana hakikatnya rakyat khususnya di kawasan Bagan Serai itu sendiri sangat terbeban dengan cukai tersebut, dakwa Faeez.

Lantaran daripada itu, katanya, Pemuda AMANAH Perak mengingatkan agar mana-mana parti komponen Pakatan



Faeez Azhar



Siti Aishah Shaikh Ismail

Harapan tidak memberi peluang dan ruang kepada pemimpin seperti Noor Azmi ini di dalam parti.

Ini kerana, katanya, ia akan memberi impak negatif di mata rakyat dan kesan tidak baik kepada Pakatan Harapan yang mahukan kerajaan yang diberi mandat ini mempunyai integriti dan kualiti.

"Kami berharap parti komponen Pakatan Harapan mempertahankan prinsip dan arahan Pengerusi Pakatan Harapan, Tun Dr Mahathir Mohamad yang tidak mahu parti kerajaan lama yang dipimpin Barisan Nasional mempengaruhi kerajaan baharu pimpinan Pakatan Harapan," ujarnya.

Justeru, Pemuda AMANAH Perak yakin, seluruh parti komponen Pakatan Harapan sangat mempertahankan integriti dan kualiti kerajaan baharu ini dan pimpinan yang berkepentingan tidak akan diberi ruang di dalam parti mahupun kerajaan.

"Terima kasih Datuk Dr Noor Azmi Ghazali kerana keluar parti yang sudah 'busuk', tetapi kami mohon maaf, kehadiran anda ke dalam Pakatan Harapan tidak dialu-alukan," katanya.

Sementara itu, Ketua Penerangan PKR Perak, Siti Aishah Shaik Ismail pula berkata, parti itu tetap berpegang teguh dengan prinsip yang telah dinyatakan bahawa sesiapa sahaja boleh menyatakan sokongan namun itu bukanlah satu jaminan bahawa mereka diterima di dalam PH.



MP Bagan Serai, Dr Noor Azmi Ghazali umum keluar parti minggu lalu.

"Parti Keadilan Rakyat Perak mengambil maklum berhubung dengan kenyataan yang dibuat oleh Dr Noor Azmi yang telah mengumumkan untuk meninggalkan Umno dan menyatakan sokongan kepada Perdana Menteri Tun Dr Mahathir dan Menteri Besar Perak Faizal Azumu.

"Saya menyifatkan bahawa apa yang dibuat oleh Dr Noor Azmi tidak kurang hanya sebagai modal akhir beliau dalam meneruskan kelangsungan politik beliau yang sedia ada," katanya.

Jelasnya, semua sedia maklum bahwa Ahli Parlimen Bagan Serai itu merupakan individu di dalam Umno yang sebelum ini lantang menyindir dengan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang langsung tidak melambangkan dan menjaga sensitiviti beliau sebagai wakil rakyat kepada rakyat yang diwakilinya.

"Kepada Dr Noor Azmi sewajarnya beliau menjadikan tempoh ini sebagai masa untuk beliau bermuhasabah dan memohon kemaafan kepada rakyat atas sikap lalu yang telah dilakukan dalam menyokong dan mendokong kerajaan Umno Barisan Nasional," katanya.

"Hui sebelum Tan Sri Khalid boleh memberi gambaran keseluruhannya kepada kerajaan Terengganu.

"Walaupun Tan Sri Khalid berjaya membawa pelabur dan pembangunan ke Selangor, tetapi senario di Terengganu agak jauh berbeza.

"Terlalu banyak lubang dan tebing yang runtuh perlu di perbaiki di Terengganu sebelum kita boleh membina jalan kukuh yang lurus ke masa hadapan yang lebih cerah bagi generasi akan datang anak Terengganu," katanya.

## KELAS PENGAJIAN

MENTERJEMAH
MEMAHAMI
MENGHAFL

AL-QURAN
BAHASA ARAB & ULUM SYAR'IAH

YURAN BULANAN RM 250
TERBUKA KEPADA LELAKI & PEREMPUAN

BERUMUR 10 TAHUN DAN KE ATAS ATAU TELAH MENGHAFL BEBERAPA JUZUK AL-QURAN
SEPUH MASA & BERASRAMA PENUH

UNTUK MAKLUMAT LANJUT HUBungi: MA'HADUL-AZHAR (INSTITUT TAHFIZ & KEFAHAMAN AL-QURAN) POKOK SENA • KEPALA BATAS • PULAU PINANG
TERBUKA UNTUK SEMUA!!!

SETIAP SABTU MINGGU KEDUA & KETIGA ISNIN HINGGA KHAMIS 9.00-11.00 PAGI
SEBARANG SUMBANGAN BOLEH DISALURKAN MELALUI AKUAN SEMASA MA'HADUL-AZHAR

BANK ISLAM 070 430 110 310 92
Maybank 557 447 501 548

Bank Muamalat 070 1000 155 471 1

MERAYAKAN SAMBUTAN "MA'HADUL-AZHAR" KE 30 TAHUN (1988-2018 / 1408-1439)

# PBT disaran selia, potong dahan pokok tepi jalan untuk elak kemalangan

Oleh AKMAL HAZIQ

**M**ANGSA dalam perjalanan di Jalan Ayer Keroh Lama meninggal di tempat kejadian akibat melanggar dahan-dahan pokok yang patah akibat hujan dan angin kuat.

Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Negeri Melaka, Mohd Sofi Abdul Wahab menyarankan supaya Pihak Berkusa Tempatan (PBT) untuk bertindak menyelia dan memotong mana-mana dahan pokok yang dikhuatir boleh membahayakan nyawa pengguna jalan raya dan rakyat.

Beliau berkata demikian berikutnya satu kemalangan yang melibatkan kehilangan nyawa yang berlaku di sebuah jalan raya di Melaka beberapa hari lalu.

"Negeri Melaka dikejutkan dengan kehilangan nyawa yang melibatkan kemalangan akibat pengguna jalan raya melanggar dahan pokok tumbang dan sebagainya."

"Mangsa yang dalam perjalanan di Jalan Ayer Keroh Lama meninggal di tempat kejadian akibat melanggar dahan-dahan pokok yang patah akibat hujan dan angin kuat."

"Melihat kepada suasana kemalangan, amatlah mendukacitakan kerana terlalu banyak dahan-dahan pokok yang patah dan jatuh di atas jalan. Ini sangatlah membahayakan pengguna jalan raya



*Mangsa dalam perjalanan di Jalan Ayer Keroh Lama meninggal di tempat kejadian akibat melanggar dahan-dahan pokok yang patah akibat hujan dan angin kuat.*

terutamanya mereka yang menggunakan motorsikal.

"Oleh itu, demi mengelakkan kejadian yang menyayat hati ini dari berlaku lagi, saya memohon kepada Pihak Berkusa Tempatan (PBT) iaitu MBMB, MPHTJ, MPAG dan MPJ untuk bertindak menyelia dan memotong mana-mana dahan pokok yang dikhuatir boleh membahayakan nyawa pengguna jalan raya

dan rakyat Melaka terutamanya," kata beliau dalam kenyataan medianya semalam.

Kata Sofi, selain itu, mana-mana pokok yang sudah mati dan juga boleh memberi kesan buruk kepada rakyat, juga hendaklah dipotong dengan segera.

Selain itu tambahnya, pihak PBT dan pihak berkenaan lain juga mestilah mengkaji semula langkah untuk menanam

pokok-pokok besar di tepi-tepi jalan dan di kawasan taman perumahan.

"Oleh kerana banyak risiko dari manfaat saya mencadangkan supaya kelulusan menanam pokok besar di kawasan berkenaan dikaji semula demi keselamatan dan kesejahteraan rakyat."

"Banyak cara lain bagi menceriakan sekeliling jalan dan kawasan perumahan selain dari menanam pokok-pokok besar. Pihak yang bertanggungjawab dengan landskap mesti memikirkan alternatif sesuai dan menarik

sebagai ganti kepada penanaman pokok-pokok besar ini."

"Sudah sampai masanya pokok-pokok besar ditebang dan diganti dengan tanaman pokok-pokok lain yang lebih selamat dan menarik."

"Saya berharap agar tindakan pantas terhadap isu ini hendaklah disegerakan demi untuk manfaat rakyat," kata Adun Durian Tunggal itu.

## Terengganu tunggu pembentukan kabinet pusat untuk bincang projek KT - Bypass

**KERAJAAN** negeri Terengganu menunggu pembentukan kabinet sepenuhnya bagi membolehkan urusan pembangunan di bawah kerajaan pusat di negeri itu dapat dibincangkan.

Exco Jawatankuasa Pembangunan Belia Sukan dan NGO negeri Terengganu, Wan Sukairi Wan Abdullah berkata, ia termasuk projek pembinaan jalan KT-Bypass.

Kata beliau, projek tersebut telah pun berjalan sebelum daripada ini dan pada peringkat kerajaan Pas di Terengganu, ia tiada masalah untuk diteruskan.

"Cuma kita akan selesaikan isu berkaitan dengan tuntutan daripada beberapa penduduk yang terlibat tidak berpuas hati dengan jumlah pampasan yang sangat sedikit yang diterima

sebelum ini.

"Jadi perkara itu sedang kita usahakan untuk menyelesaiannya dan ia adalah projek di bawah kerajaan pusat sebenarnya," katanya sebagaimana dilaporkan portal Pas Terengganu, *Buletin Online*.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pihak media pada majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Majlis Kesyukuran di perkarangan Pusat Tarbiyah DUN Wakaf Mempelam, Kubang Parit.

Katanya, semua perbelanjaan yang melibatkan KT-Bypass adalah daripada kerajaan pusat.

"Kita akan menunggu sehingga segalanya sempurna dan insya Allah kita letakkan ia sebagai satu agenda utama," katanya.



*Kita akan menunggu sehingga segalanya sempurna dan insya Allah kita letakkan ia sebagai satu agenda utama, kata Wan Sukairi.*

# Suee Lim dan Khairuddin dilantik Speaker, Timbalan Speaker Dun Selangor

**A**HLI Dewan Undangan Negeri (Adun) Sekinchan, Ng Suee Lim dan Adun Paya Jaras, Mohd Khairuddin Othman secara rasmi dilantik sebagai Speaker serta Timbalan Speaker Dewan Negeri Selangor (DNS) 26 Jun lalu.

Pelantikan Speaker itu dicadang bekas menteri besar Datuk Seri Mohd Azmin Ali dan Adun Sungai Tua, Amirudin Shari serta disokong Adun Bandar Baru Klang yang juga Exco Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan, Industri Kecil dan Sederhana (IKS), Datuk Teng Chang Kim.

Chang Kim pula mencadang-



**Ng Suee Lim**

kan supaya Mohd Khairuddin dilantik menjadi Timbalan Speaker Dewan Negeri Selangor dan ia



**Mohd Khairuddin Othman**

disokong Adun Kota Kemuning yang juga Exco Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Eko-

**“Suee Lim dan Mohd Khairuddin mengangkat sumpah dan menandatangani surat sumpah jawatan sambil disaksikan Setiausaha Dewan Negeri Selangor...”**

nomi dan Kerajaan Prihatin V Ganabatirau.

Suee Lim dan Mohd Khairuddin mengangkat sumpah dan menandatangani surat sumpah jawatan sambil disaksikan Setiausaha Dewan Negeri Selangor.

Majlis Angkat Sumpah Dun Negeri Selangor yang melibatkan 56 Adun berlangsung pada hari

berkenaan dan dimulakan oleh Mohd Azmin Ali diikuti Amirudin Shari, lapor Selangorkini.

Menteri Besar Selangor yang juga Adun Sungai Tua Amiruddin Shari menandatangani watikah selepas mengangkat sumpah hari ini di Dun Selangor bagi pengalbaru pemerintahan kerajaan Pakatan Harapan.

## Seri Bendahara hanya untuk pemimpin bersama rakyat, kata Adly

**KEDIAMAN** rasmi Ketua Menteri Melaka Seri Bendahara telah mencatat 14,000 jumlah pegunjung dalam tempoh sebulan sejak ia dibuka kepada umum.

Ketua Menteri, Adly Zahari berkata, orang ramai yang hadir ke situ tertarik menerusi nilai ekslusifnya sebagai bekas kediaman pemimpin tertinggi di negeri ini.

Selain akses di kawasan itu yang mudah, sekali gus menjadikan ia berpotensi untuk dimajukan sebagai produk pelancongan di negeri ini.

“Seri Bendahara sendiri sudah mencatat rekod baru kerana dalam masa sebulan sudah seramai yang berkunjung, jadi ia boleh dinaik taraf sebagai lokasi komersil memandangkan banyak tawaran diterima untuk membangunkan Seri Bendahara itu sendiri.

“Bukan mudah dalam masa sebulan 14,000 orang hadir ke Seri Bendahara. Kalau kita faham balik, sebenarnya Seri Bendahara bukanlah milik Ketua Menteri, tetapi ia adalah milik rakyat kerana ia dibina hasil dari duit cukai, duit rakyat,” katanya.

Adly berkata, walaupun ditohmah kononnya sejak dibuka kepada awam, Seri Bendahara mengalami kerosakan teruk, namun jumlah tersebut masih kecil berbanding kos yang perlu ditanggung jika beliau mengambil keputusan untuk tinggal di situ.

“Jika mengikut laporan kerosakan dari pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) jumlah kerosakan



**Adly Zahari**

dialami tidak lebih RM5,000 pun.

“Yang rosak itu mungkin disebabkan oleh peralatan itu sendiri sudah lama, contohnya pintu almari yang terkopak dan pasu bunga yang pecah.

“Sebelum ini kos utiliti saja mencecah sehingga RM30,000 sebulan, jadi kos baik pulih dalam anggaran RM5,000 itu tidak jadi masalah besar kerana kita masih ada penjimatan RM25,000 sebulan,” katanya, dipetik Melakakini.

Ditanya mengenai desas-desus beliau akan kembali menghuni Seri Bendahara, Adly berkata, beliau muktamad untuk tidak tinggal di situ bagi mengurangkan bebanan kos yang terlalu tinggi sebagaimana diperkatakan seawal dilantik sebagai Ketua Menteri.

“Kos operasi di Seri Bendahara itu agak besar berbanding



**Kediaman rasmi Menteri Besar Melaka.**

**“... Sebelum ini kos utiliti saja mencecah sehingga RM30,000 sebulan, jadi kos baik pulih dalam anggaran RM5,000 itu tidak jadi masalah besar kerana kita masih ada penjimatan RM25,000 sebulan...”**

dengan keperluan saya. Walaupun keluarga saya agak besar, tetapi kebanyakan mereka tinggal di asrama.

“Jadi keperluan secara asas itu hanyalah untuk tiga orang saja iaitu saya, isteri dan seorang anak.

“Saya tidak fikir Seri Bendahara itu menjadi satu keperluan untuk saya dan tinggal di Peringgit adalah satu keputusan tepat.

“Banglo yang saya diamai sekarang pun sudah cukup besar

berbanding keperluan yang saya ada.

“Bukankah ini juga secara langsung dapat menjimatkan kos pengurusan dan pentadbiran Ketua Menteri sendiri,” tegas beliau lagi.

Bagaimanapun, fungsi Seri Bendahara kata Adly, akan digunakan sebaik mungkin untuk tujuan pemimpin bersama rakyat, sekali gus menjadikan bangunan Seri Bendahara itu sebagai

penghubung antara rakyat.

“Saya akan cuba maksimakan lagi program-program antara kerajaan dengan rakyat di Seri Bendahara yang bukan hanya untuk Ketua Menteri, tetapi keseluruhannya kepada rakyat.

“Biasanya jika waktu pejabat, saya akan berurus hal-hal rakyat di Pejabat Ketua Menteri, tetapi selepas waktu pejabat, kita akan gunakan bangunan Seri Bendahara.

“Sekarang ini pun kita gunakan Seri Bendahara setiap hari Jumaat sebagai pertemuan dengan rakyat atau lokasi mengadakan mesyuarat dengan sebahagian wakil rakyat,” ujarnya.

# Pertahankan kebebasan universiti, kata AMANAH Perak

Oleh AKMAL HAZIQ

**N**AIB Pengerusi AMANAH Perak, Dr Muhammin Sulam berkata, bagi Parti Amanah Negara (AMANAH) Negeri Perak, perjuangan menuntut dan pertahankan kebebasan universiti tidak boleh berhenti meski berlaku perubahan regim yang memerintah.

Ini adalah kerana salah satu teras kesarjanaan dalam universiti adalah percambahan dan pengembangan pelbagai idea di dalamnya secara bebas dan bertanggungjawab, kata beliau.

"AMANAH Perak mengambil sikap untuk tetap menghormati kebebasan

universiti dan memberi ruang seluas-luasnya bagi warga universiti membangunkan negara melalui penyertaan lebih membumi ke dalam masyarakat.

"Ini termasuk mengkritik dasar kerajaan sedia ada," kata beliau dalam satu kenyataan semalam.

Ujar Muhammin, sebarang tekanan kerana perbezaan aliran fikiran politik seharusnya dielakkan dan



Dr Muhammin Sulam

**“Universiti adalah tempat para sarjana mengadun intelektual dan membangun idealisme. Merit harus berdasarkan pencapaian kesarjanaan dan keupayaan mentadbir universiti,”**

tidak berlaku di bawah naungan kerajaan baru.

Namun tambahnya, kerajaan tidak boleh berkompromi pada sebarang elemen 'bermuka-muka', 'bodek' dan

sebagainya yang berunsur rasuah sebagai tiket untuk mendapat jawatan utama dalam universiti.

"Universiti adalah tempat para sarjana mengadun intelektual dan membangun idealisme. Merit harus berdasarkan pencapaian kesarjanaan dan keupayaan mentadbir universiti," katanya.

## Adun Permatang Pasir hulur bantuan segera bantu mangsa ribut

Oleh MOHD ALI HASHIM

**BAGI** menunaikan tanggungjawab sebagai wakil rakyat yang telah diamanahkan, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Permatang Pasir, Faiz Fadzil segera turun padang bagi meninjau dan menyalurkan sumbangan segera kepada penduduk yang terlibat dalam kejadian ribut minggu lalu.

Menurut Faiz lagi antara beberapa kawasan yang telah dikenal pasti adalah Kampung Permatang Pasir, Bukit Jelutong, Kampung Pelet, Tanjung Putus, Bukit Indera Muda, Pengkalan Tambang, Permatang Janggus serta Permatang Pauh.

Ekoran musibah tersebut beliau telah mendapatkan bantuan segera dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan negeri termasuklah Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah.

Malah katanya lagi, bantuan kewangan turut diberikan segera bagi meringankan beban keluarga mangsa yang terlibat.

"Tinjauan yang dibuat mendapati kebanyakan kediaman bumbung rumah mereka diterbangkan angin kencang.

"Terdapat 15 buah kediaman yang telah dikenal pasti terlibat dalam musibah tersebut.

"Manakala 9 lagi berada dalam keadaan yang teruk dan terpaksa ditukar bumbung yang baru," ujarnya.

Beliau juga berkata, bantuan kewangan segera telah pun disalurkan kepada mereka yang telah dikenal



Faiz meninjau salah sebuah rumah yang terkena ribut di Dun Permatang Pasir.



Faiz menyampaikan sumbangan kepada salah seorang mangsa ribut di Permatang Pauh.

pasti oleh pihak berkuasa bagi meringankan beban.

Tegasnya lagi, beliau akan senantiasa turun padang dan melihat dengan lebih dekat setiap permasalahan yang diterima.

"Sebagai sebuah kerajaan, maka kita tetap peduli dan prihatin dengan setiap masalah rakyat."

"Kita senantiasa memberi dokongan kepada mereka yang memerlukan."

"Oleh kerana itu, sekiranya mana-mana penduduk yang merasakan mereka mempunyai masalah termasuklah infrastruktur dan kemudahan awam boleh menyalurkan maklumat kepada pusat khidmat Dun," jelasnya lagi.

## Bantuan insentif RM1,000 untuk bakal siswa

**KERAJAAN** Negeri Johor memperuntukan RM3 juta untuk bantuan Insentif Harapan Siswa bagi setiap pelajar negeri itu yang ditawarkan pengajian di institusi pengajian tinggi.

Bantuan sebanyak RM1,000 untuk setiap pelajar yang ditawarkan pengajian ijazah pertama manakala RM500 pula bagi peringkat diploma.

Exco Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan Johor, Aminolhuda Hassan berkata, pelajar negeri itu boleh membuat permohonan secara atas talian menerusi laman web Yayasan Pelajaran Johor.

"Permohonan ini terbuka kepada semua termasuk mereka yang menerima tawaran ke kolej dan universiti swasta. Bagaimanapun keutamaan diberikan kepada pelajar daripada keluarga B40.

"Ia diharap dapat meringankan beban mereka terutamanya dari segi kos perjalanan dan semasa proses pendaftaran pelajar," katanya ketika ditemui pada Majlis Aidilfitri Amanah Johor, 25 Jun 2018.

Hadir sama Menteri Besar, Datuk Osman Sapian, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Salahuddin Ayub dan Exco Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar, Dzulkefly Ahmad.

**“... Permohonan ini terbuka kepada semua termasuk mereka yang menerima tawaran ke kolej dan universiti swasta. Bagaimanapun keutamaan diberikan kepada pelajar daripada keluarga B40...”**



Aminolhuda Hassan



# ‘Kita menang kerana tiada duit, Umno kalah sebab lebih duit’

Oleh ARIF ATAN  
Foto SYAFIQ ISKANDAR

**P**residen AMANAH, Mohamad Sabu mengingatkan kepada semua parti komponen Pakatan Harapan (PH) agar mengambil iktibar daripada kekalahan teruk BN pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) yang berpunca daripada salah guna wang.

Berbeza dengan PH yang tidak mempunyai banyak wang, Menteri Pertahanan tersebut berkata, kerjasama keempat-empat parti iaitu AMANAH, PKR, Bersatu dan DAP membolehkan blok politik itu mendapat mandat daripada rakyat.

“Kita menang dalam pilihan raya di antaranya kerana kita tidak cukup duit. Kita bantu-membantu, bekerjasama secara sukarela menyebabkan kita menang.

“Umno kalah sebab dia lebih duit sehingga polis dan SPRM menggeledah, ratusan juta (ringgit) masih berada di rumah,” ujarnya ketika berucap sempena Rumah Terbuka Aidilfitri AMANAH Shah Alam di perkarangan Stadium Shah Alam pada 24 Jun lalu.

Mohamad yang dikenali sebagai Mat Sabu berkata, wang hanya sebagai alat untuk bekerja bukan matlamat kerana itulah yang mengundang kekalahan BN.

“Peringatan kepada kita semua supaya parti-parti kita – AMANAH, PKR, Bersatu, DAP – InsyaAllah, kita tidak akan menjadi BN.

“Ini harapan kita supaya perkara yang berlaku menjadi iktibar kepada kita,” tegasnya dalam



sambutan Aidilfitri julung-julung kali diadakan selepas PH mendapat mandat pada 9 Mei lalu.

Sehubungan itu, beliau berkata, rakyat pada masa ini menilai kerajaan PH sedia ada selepas mereka menjatuhkan BN.

“Ini peringatan kepada kita yang baru ambil alih kuasa. Peringatan itu juga kepada kita yang memerintah. Kalau kita juga menjadikan wang sebagai matlamat kita juga akan kalah seperti BN.

“Kalau kita lakukan hal yang sama, kita akan dihukum oleh rakyat seperti mereka menghukum BN. Peringatan ini perlu kepada diri saya yang bercakap ini.

“Kita ingatkan di peringkat awal ini bahawa kita insaf apabila kita mendapat kuasa ini, kita telah diperhatikan oleh rakyat,” kata Timbalan Presiden PH itu lagi.

Turut hadir dalam program anjuran Pejabat Ahli Parlimen Shah Alam itu ialah Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari; Exco Kerajaan Negeri Selangor merangkap Pengurus AMANAH negeri, Izham Hashim dan Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Samad.

Mohamad Sabu berucap sempena Rumah Terbuka Aidilfitri AMANAH Shah Alam di perkarangan Stadium Shah Alam pada 24 Jun lalu.



Menteri Kesihatan, Dr Dzulkefly Ahmad turut hadir.



Haji Khalid Samad bersalam-salam menyambut kedatangan Saari Sungib.



Ketibaan Mohamad Sabu menjadi tumpuan ramai dalam majlis berkenaan.



Menteri Pertanian, Salahuddin Ayub turut mencuri tumpuan.



Pelbagai lapisan masyarakat hadir di majlis Rumah Terbuka Aidilfitri AMANAH Shah Alam di perkarnagan Stadium Shah Alam pada 24 Jun lalu.



Suasana Rumah Terbuka Aidilfitri AMANAH Shah Alam berlangsung meriah.



Orang ramai dan tetamu memilih hidangan yang disediakan.

**PROMOSI TERBARU!!**

**JOM IKLAN DENGAN  
MINGGUAN AMANAH  
SERENDAH RM500  
SATU MUKA**

**Mingguan Amanah  
meluas ke Singapura,  
Sabah dan Sarawak**

**Percuma Mingguan  
Amanah setiap keluaran  
untuk anda**

**UNTUK PAKEJ  
IKLAN YANG  
LAGI MENARIK  
HUBUNGI:  
011 3233 4322**

An advertisement for Mingguan Amanah. It features a blue banner with yellow text for a promotion, followed by a statement about expanding to Singapore, Sabah, and Sarawak. Below that is another statement about free editions. At the bottom, there is a blue box with contact information and several small images of newspaper front pages from Mingguan Amanah.



PP18978/03/2016(034450)

# Amanah Mingguan

BIL 108 | 1 - 7 JULAI 2018

WAKTU SOLAT							
BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA							
TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
01.07.18	5:34	5:44	7:07	1:20	4:45	7:29	8:44
02.07.18	5:35	5:45	7:07	1:20	4:46	7:29	8:44
03.07.18	5:35	5:45	7:08	1:20	4:46	7:29	8:44
04.07.18	5:35	5:45	7:08	1:20	4:46	7:29	8:45
05.07.18	5:35	5:45	7:08	1:21	4:46	7:29	8:45
06.07.18	5:36	5:46	7:08	1:21	4:46	7:30	8:45
07.07.18	5:36	5:46	7:08	1:21	4:46	7:30	8:45

SUMBER: JAKIM

# ROSMAH DAN SKANDAL 1MDB

**THE WALL STREET JOURNAL.**

Home World U.S. Politics Economy Business Tech Markets Opinion Arts Life Real Estate Search

Scandal Around Malaysia Prime Minister Puts Spotlight on Wife

North Korea's Nuclear Test Raises Stakes for U.S.-Japan Defense Talks

Hollande Moves to Prevent Closure of Alstom Train Factory

Indonesia's Business Day for Bureaucrats

New US-China Trade Deal

You are reading a preview of a paid article. [SUBSCRIBE NOW](#) To get more great content.

WORLD | ASIA

1MDB Scandal Around Malaysian Prime Minister Najib Puts Spotlight on Wife

Documents show \$6 million in credit-card spending by Rosmah Mansor

**LANGKAH Rosmah Mansor mengejar kemewahan dilaporkan oleh The Wall Street Journal sebagai punca skandal 1MDB.**

# 1MDB

**MEDIA Amerika, The Wall Street Journal melaporkan, Datin Seri Rosmah Mansor mempunyai peranan yang besar dalam skandal 1MDB dan mengetahui lebih banyak mengenainya berbanding suami beliau Datuk Seri Najib Razak. Namun begitu para peguam beliau menafikan perkara ini.**

→ Laporan penuh muka 8

## 'Kita menang kerana tiada duit, Umno kalah sebab lebih duit'

**PRESIDEN AMANAH**, Mohamad Sabu mengingatkan kepada semua parti komponen Pakatan Harapan (PH) agar mengambil iktibar daripada kekalahan teruk BN pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) yang berpuncanya daripada salah guna wang.

Berbeza dengan PH yang tidak mempunyai banyak wang, Menteri Pertahanan tersebut berkata, kerjasama keempat-

empat parti iaitu AMANAH, PKR, Bersatu dan DAP membolehkan blok politik itu mendapat mandat daripada rakyat.

"Kita menang dalam pilihan raya di antaranya kerana kita tidak cukup duit. Kita bantu-membantu, bekerjasama secara sukarela menyebabkan kita menang."

"Umno kalah sebab dia lebih duit sehingga polis dan



MUHAMAD meminta supaya pemimpin dan ahli AMANAH jangan mengejar wang kerana ia boleh membawa kekalahan kepada parti itu sebagaimana berlaku kepada Umno dalam PRU 14 lalu.

SPRM menggeledah, ratusan juta (ringgit) masih berada di rumah," ujarnya ketika berucap sempena Rumah Terbuka Aidilfitri AMANAH Shah Alam di perkarangan Stadium Shah Alam 24 Jun lalu.

Mohamad yang dikenali sebagai Mat Sabu berkata, wang hanya sebagai alat untuk bekerja bukan matlamat kerana itulah yang mengundang kekalahan BN.

**Natural Safe Effective**

**SABUN MANJAKANI**

**KAPSUL MANJAKANI**

- HANDMADE
- NO HARMFUL CHEMICALS
- PARABEN FREE
- HALAL

Contact Info:  
TEL: +6013 754 9335

EMAIL: [drolivebodycare@gmail.com](mailto:drolivebodycare@gmail.com)  
WEBSITE: [www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare](http://www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare)

### OTHER PRODUCTS:

SOAP  
BODYSCRUBS  
SERUMS  
DEODORANT  
SUNSCREEN  
TEA  
SUPPLEMENTS

